

DN.21.5.2001

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 21 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan saham Malaysia Airports Holding Berhad kepada kakitangan berpendapatan rendah dengan harga minimum dan mengadakan pinjaman untuk mereka yang tidak mampu membelinya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, pengapungan saham Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) pada tahun 1999 sebanyak 110 juta saham-saham MAHB telah ditawarkan kepada pegawai dan kakitangan MAHB dengan harga RM2.50. Sebanyak 60% dari saham-saham tersebut telah ditawarkan dan dilanggan oleh pihak pengurusan. Baki selebihnya sebanyak 40% ditawarkan dan dilanggan oleh kakitangan bukan pengurusan.

Saham-saham yang dilanggan oleh warga kerja MAHB telah dibiayai sepenuhnya oleh pinjaman dari bank komersial. Kerajaan mahu semua warga kerja MAHB diberi peluang untuk membeli saham-saham syarikat di atas terma-terma yang sama dalam tahun 1999. Maka dengan itu tidak timbul kerajaan mempunyai rancangan untuk memberikan saham MAHB kepada kakitangan pendapatan rendah dengan terma-terma yang berbeza. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan mengikut peraturan tiap-tiap pengapungan saham Suruhanjaya Sekuriti menetapkan 25% syarat tebaran awam (public spread). Jadi, saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan berkenaan dengan Malaysia Airports Holding Berhad ini adakah ia menepati syarat-syarat Suruhanjaya Sekuriti dan kalau tidak menepati berapa peratus dan telah jadi kepada setiap syarikat yang tidak

menepati. Dan saya ingin mengetahui juga berapa banyak syarikat yang diapung menerusi Bursa Saham Kuala Lumpur yang tidak menepati syarat-syarat ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, semasa pengapungan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) pada tahun 1999 sejumlah 198 juta saham MAHB telah ditawarkan kepada awam. Perangkaannya 110 juta saham baru telah diterbitkan dan ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi di Malaysia dan 88 juta unit saham MAHB ditawarkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan kepada pelabur-pelabur awam di Malaysia. Dan saham terbitan awam, di institusi dan juga runcit ditawarkan juga kepada harga yang sama iaitu RM2.50 sesaham.

Sebagaimana Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mengatakan tadi bahawa pengapungan saham oleh syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti telah menetapkan MAHB memenuhi syarat tebaran awam sebanyak 25%. Setakat ini 22% daripada keperluan 25% tebaran awam saham MAHB telah dipenuhi. Bakinya sebanyak 3% lagi iaitu bersamaan 33 juta saham iaitu 23,430,000 unit saham milik MKD dan sebanyak 9,570,000 unit saham milik Khazanah Nasional ditempatkan di ASEM Malaysian Nominee Sdn. Bhd.

Subsidiari kepada ASEM Bank Malaysia Berhad sebagai pemegang taruh ataupun trustee. Jadi, penempatan 33 juta unit saham MAHB di ASEM Malaysian Nominee ini adalah sebagai memenuhi syarat yang dikenakan oleh AC berhubung pematuhan 25% tadi. ASEM bankers sebagai penaga jamin penilaian MAHB akan menjual 33 juta yang sebanyak 33% saham MAHB kepunyaan MKD dan Khazanah Nasional dan AC telah memberi lanjutan masa sehingga 31 Mac 2002 bagi syarat tebaran saham tersebut untuk dipenuhi.

Pertanyaan yang kedua mengenai lain-lain pengapungan saham yang tidak menepati 25% ini oleh kerana terlampau general sangat, saya perlukan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan Employees Share Option Scheme (ESOS). Adakah MAHB mempunyai rancangan untuk mengadakan ESOS, dan kalau ada berapa harga sesaham yang dicadangkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MAHB tidak mempunyai rancangan untuk mengadakan ESOS kerana kita baru sahaja memberikan warga kerja peluang-peluang untuk membeli saham-saham

MAHB pada tahun 1999. Kalau kita lihat apa yang berlaku ialah apabila satu kertas dibentangkan untuk ESOS ini, ia dibentangkan kepada 'Board of Governors', dengan izin, selepas tu dibawa kepada Securities Commission. Securities Commission hanya dapat meluluskan sahaja permohonan ini, tetapi untuk harga ia mempunyai formula sendiri. Pertamanya, kita melihat lima hari kebelakangan perniagaan kita iaitu kalau misalnya hari Isnin ni, maknanya minggu lepas lima hari apa yang dikatakan, dengan izin, at least five trading days dan ia merupakan berdasarkan kepada waited average. Maknanya, hari Isnin harga yang paling tinggi saham berkenaan dan harga yang paling rendah dibahagi dengan dua dan dikali dengan volume trading pada hari itu. Jadi, berlarutanlah Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat (lima hari). Selepas itu baru dapat 'act' nya dan dibahagikan dengan volume of trading. Jadi, daripada situlah kita akan dapat menentukan harga ESOS itu. Terima kasih.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyediakan rakyat luar bandar menghadapi masalah yang akan timbul daripada kemelesetan ekonomi yang dijangkakan dalam tahun 2001.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyedari bahawa rakyat luar bandar akan juga turut menghadapi masalah sekiranya kemelesetan ekonomi yang berpunca dari kelemahan ekonomi Amerika Syarikat melanda negara dalam tahun 2001. Di peringkat makro kerajaan telah memperuntukkan belanjawan tambahan sebanyak RM3 bilion kepada peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan sebagai satu usaha penjana pertumbuhan ekonomi dalam sektor awam.

Bagi masyarakat luar bandar, impak kepada sektor padi tidak akan ketara kerana industri ini sentiasa terus diberi subsidi dan permintaan beras berada di tahap yang stabil dalam apa jua keadaan ekonomi. Namun, bagi sektor-sektor yang menghasilkan barangan eksport seperti kelapa sawit dan getah akan merasai kesan. Oleh kerana itu, kerajaan akan terus berusaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi luar bandar khususnya dalam bidang makanan untuk pasaran tempatan. Sektor makanan yang dimaksudkan ialah sektor ternakan dan makanan-makanan lain yang boleh menggantikan barangan makanan yang diimport. Bersama-sama kementerian lain, khususnya Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

memberi bantuan secara pinjaman mudah dan lain-lain kepada masyarakat luar bandar untuk menceburi bidang-bidang ini.

Begitu juga kepada pekebun-pekebun kecil getah, bantuan akan diberi untuk penggunaan 'LIPS' bagi memudahkan bagi pekebun kecil getah dalam urusan menoreh yang akan memberi ruang masa yang cukup bagi mereka menceburi aktiviti ekonomi sampingan. Selagi getah dan sawit berada di paras harga yang rendah kerajaan juga memberikan pinjaman mudah sebagai bantuan kos hidup selama enam bulan atau sehingga paras harga meningkat kepada tahap yang berpatutan.

Dalam usaha membantu meningkatkan ekonomi pekebun-pekebun kecil kerajaan melaksanakan program-program di bawah pelbagai kementerian. Contohnya, selain daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tanggungjawab ini ditugaskan kepada Kementerian Pertanian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Perusahaan Utama.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kemelesetan ekonomi ini menjejaskan keadaan di luar bandar dan mungkin penghijrahan penduduk dari luar bandar itu berlaku, adakah kementerian ini bersedia untuk mengatasi masalah itu sekiranya itu berlaku. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar berlaku walaupun ada atau tidak wujudnya kemelesetan ekonomi. Cuma mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, dalam keadaan kemelesetan mungkin lebih banyak penduduk luar bandar akan berhijrah ke bandar. Ini satu perkara yang perlu dilihat secara menyeluruh. Dalam pengalaman kerajaan dalam beberapa kemelesetan yang lalu masalah-masalah seperti ini tidaklah begitu menimbulkan kesulitan yang besar sangat, cuma ia membebankan infrastruktur dalam bandar dan oleh kerana itu keperluan untuk membina rumah-rumah murah sama ada untuk dibeli ataupun disewa sedang pesat dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan ladang kelapa sawit, getah dan koko, sebilangan besarnya adalah di luar bandar terutama sekali di Sabah, apakah langkah kerajaan untuk menyediakan pekerja-pekerja ladang ini diambil alih oleh rakyat Malaysia kerana pada ketika ini sebilangan besar pekerja itu datang daripada rakyat asing.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun membuat keputusan secara dasar bahawa untuk membantu masyarakat luar bandar khususnya pekebun-pekebun kecil, kerajaan tidak lagi ingin melihat pekebun-pekebun kecil berada di tahap pekebun-pekebun kecil. Dasar telah dibuat untuk mencantumkan kebun-kebun mereka supaya berada sebagai satu industri yang berdasarkan sistem komersial. Maka dengan sistem komersial dalam luas tanah yang berskala besar, maka kos operasi akan menurun dan juga akan boleh digunakan jentera-jentera dan alat-alat berteknologi tinggi bagi memudahkan satu untuk meningkatkan pendapatandripada hasil dan kedua menurunkan kos.

Dalam segi ini, masyarakat yang terlibat mungkin dapat memberi tenaga mereka sendiri, dan kalau mereka tidak dapat memberi tenaga mereka boleh menggunakan ruang masa untuk mencebur diri dalam bidang-bidang lain.

Dari segi sama ada perlu kita mengambil tenaga asing atau tidak, ini juga apabila dibuat program berskala besar dengan penggunaan teknologi dan sebagainya, kemungkinan penggunaan tenaga asing akan dapat dikurangkan.

3. Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah jumlah tenaga mahir warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang telah kembali berkhidmat di tanah air dan nyatakan bidang kemahiran yang dimiliki mereka.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng yang dijadualkan pada 23 Mei 2001 kerana ia adalah berkenaan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran di luar negara pulang ke Malaysia ini mula dikuatkuasa pada 1 Januari 2001 dan sambutan terhadapnya setakat ini adalah menggalakkan. Sehingga 2 Mei 2001 sebanyak 240 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut sejumlah 193 permohonan yang lengkap telah dipertimbangkan. Daripada jumlah yang dipertimbangkan, 71 permohonan telah diluluskan, manakala 12 lagi dengan kelulusan bersyarat iaitu akan diluluskan sekiranya maklumat tambahan yang dikehendaki memenuhi syarat program.

Pecahan permohonan yang diluluskan mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Bil.
Teknologi maklumat	9
Industri	18
Sains dan teknologi	5
Kewangan dan perakaunan	20
Perubatan dan kesihatan	19
Seni	belum ada.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan tenaga mahir Malaysia yang bekerja di luar negara. Namun, bagi menggalakkan lagi jumlah warganegara Malaysia yang berkepakaran di luar negara pulang bekerja di Malaysia, kementerian telah mempromosikan program ini dengan mengedarkan garis panduan senarai kepakaran dan borang permohonan melalui laman web Kementerian Sumber Manusia, kedutaan Malaysia, Jabatan Penuntut Malaysia, Jabatan Pesuruhjaya Perdagangan, pejabat MIDA dan urusetia jawatankuasa khas ini.

Kementerian ini juga bercadang untuk mengeluarkan iklan mengenai program ini serta mengadakan majlis ceramah di luar negara di mana terdapat ramai rakyat Malaysia yang berkepakaran bekerja.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratus kerajaan masih ketandusan tenaga profesional untuk keperluan di sektor kerajaan dan swasta dalam negara?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya adalah dijadualkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu antara 2001 - 2005 bidang ICT dan komputer di mana kebanyakan kepakaran adalah diperlukan, akan dinaik tambah. Daripada sekarang lebih kurang 103,000 orang sehingga 107,000 orang. Sehingga menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan negara kita memerlukan perkhidmatan seramai 183,000 orang.

Dalam kata lain dalam tempoh lima tahun yang akan datang negara kita memerlukan lebih kurang 73,000 hingga 74,000 orang tambahan tenaga mahir di bidang ICT dan komputer dan sebagainya. Memang bidang-bidang yang lain juga negara kita perlukan tetapi bidang itu adalah merupakan satu bidang di mana keperluannya adalah ketara.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berusaha untuk menarik kepakaran dari luar negara ke negara kita tentang usaha-usaha yang begitu kemas dan terkini.

Saya ingin bertanya pendapat pihak kerajaan, selain daripada menarik kepakaran yang di luar ke sini, adakah kerajaan memikirkan untuk program menetapkan mereka di sana tetapi mengadakan satu hubungan strategik supaya kita kembangkan *networking* Malaysia, jadi kita boleh manfaat dengan adanya mereka secara fizikal di sana. Adakah kerajaan memikirkan tentang hal ini dan apakah perancangan di masa depan? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu cadangan yang amat bijak dan memang Kementerian Sumber Manusia akan kaji.

Pada masa sekarang ini kementerian nampak bahawa dari segi tenaga mahir, dari segi warganegara yang merupakan pekerja yang mempunyai kepakaran yang diperlukan, difahami ada ramai pekerja-pekerja mahir di *multinational corporation*, dengan izin, yang beroperasi di Malaysia sekarang, oleh kerana mereka telah bekerja dalam syarikat tersebut dengan lama dan prestasi mereka adalah cemerlang. Ada ramai di antara pekerja-pekerja, pengurus-pengurus tersebut telah dipilih oleh syarikat antarabangsa itu untuk mengetuai cawangan mereka di luar negara termasuk di negara China, Amerika Syarikat dan juga sebagainya.

Dalam kata lain, ada ramai pakar rakyat Malaysia yang sekarang diberi pengiktirafan oleh syarikat antarabangsa dan mereka ditempatkan di cawangan mereka di negara yang lain untuk mengetuai syarikat tersebut.

Jadi, Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk – selalunya ada dialog dengan CO tersebut supaya kita boleh adakan satu kerjasama bestari atau *smart partnership* yang akan membolehkan pemindahan teknologi ke Malaysia.

4. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga kini berapakah jumlah wang yang hilang melalui ATM dan apakah langkah konkrit dan proaktif untuk menjamin keselamatan wang penyimpan di bank-bank.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang hilang melalui ATM iaitu yang dibuat melalui pengeluaran tanpa kuasa (*unauthorized withdrawal*), dengan izin, bagi tahun 1999 ialah sebanyak RM111,055 dan tahun 2000 sebanyak RM901,274.

Bagi tahun 2001 iaitu sehingga 4 Mac jumlahnya ialah sebanyak RM8,934. Jumlah ini tidak termasuk 332 kes yang melibatkan RM434,875 yang masih dalam penyiasatan. Langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan tahap keselamatan penggunaan mesin ATM adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan garis panduan perlindungan pengguna bagi pemindahan dana elektronik pada 10 Disember 1998. Garis panduan ini adalah mengenai hak, liabiliti dan tanggungjawab pelanggan serta institusi kewangan yang berkaitan dengan pemindahan dana elektronik. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh institusi kewangan termasuklah mengadakan sistem menyeluruh untuk menyiasat dan menyelesaikan setiap aduan pelanggan mengenai pengeluaran wang melalui mesin ATM ini;
- (ii) mengeluarkan garis panduan mengenai standard minimum keselamatan bagi mesin ATM pada 28 Mac 2000 yang menggariskan ciri-ciri keselamatan ATM yang perlu diambil oleh institusi kewangan seperti berikut:
 - (a) nombor pengesahan kad (*card verification value*) pada kad ATM itu sendiri;
 - (b) penggunaan teknik kartografi untuk menyimpan dan menghantar nombor PIN;
 - (c) penggunaan perkakasan komputer untuk proses penjaan nombor PIN;
 - (d) kawalan untuk proses 'emborse' dan 'pengkodan' kad ATM; dan
 - (e) pemasangan litar kamar tertutup (*close circuit camera*), dengan izin, di dalam atau berhampiran mesin ATM.

Selain daripada itu kita memantau kes-kes yang berkaitan pengeluaran wang tanpa kuasa (*unauthorized withdrawal*) dari mesin ATM di semua institusi pembangkang menjalankan pemeriksaan *on site* ke atas operasi ATM di semua institusi perbankan dan akhir sekali membuat kajian bagi mencadangkan langkah-langkah keselamatan dan penyediaan piawai baru bagi mesin-mesin ATM tersebut. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mechanism apakah yang diguna pakai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab melaksanakan kerja tersebut dan apakah ianya melibatkan kakitangan dalaman? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Penyelewengan ini banyak berlaku dan faktor-faktornya ada faktor luaran dan ada faktor dalaman. Kalau kita tengok faktor dalaman iaitu pemegang kad itu sendiri.

Saya pun sudah bercakap, orang kata sudah membebel, kita minta supaya orang-orang yang mempunyai kad ATM ini dapat menyimpan dengan baik. Pertamanya, kadang-kadang bila kita hendak keluarkan duit, kita beri kepada *driver* kitakah, budak pejabat kita dengan cara PIN number telah diketahui.

Keduanya, kalau kita beri pula kad-kad itu kepada isteri atau isteri-isteri kita, jadi ramailah orang mengetahui.

Ketiganya, kadang-kadang kad ini diletak bersepah-sepah, dengan cara itu saya katakan hari itu supaya kita ada *close circuit camera*. Selalunya apa yang saya katakan dahulu apabila orang perempuan ini, lazimnya, secara adatnya, orang perempuan ini lebih rendah sedikit daripada orang lelaki dan apabila dimasukkan kad itu, ditekan *PIN number* dan sebagainya orang boleh mengintai daripada bahunya.

Kita harapkan supaya resit itu diambil, kadang-kadang resit itu tidak diambil, dapatlah nombor PIN itu disamakan dengan nombor kad, oleh kerana itu dapat dibuat klon.

Jadi, kita harapkan supaya faktor-faktor yang selalu saya katakan dahulu dapat kita atasi bersama oleh pemegang kad itu sendiri. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang lain juga akan diambil kira dan kita telah pun mengadakan standard dan sudah dua garis panduan kita adakan, kita harap bank-bank yang berkenaan akan mematuhi garis panduan berkenaan. Terima kasih.

5. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Pendidikan menyatakan kadar peratus terkini pelajar di aliran sains dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pelajar di sekolah menengah. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan oleh kementerian iaitu untuk memenuhi purata 60:40 murid aliran sains kepada murid aliran sastera agar sasaran dapat dicapai.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 27 April 2001 peraturan pelajar aliran sains di sekolah menengah iaitu tingkatan empat, lima dan enam ialah 24%. Perlu dijelaskan juga bahawa peratusan tersebut tidak termasuk pelajar yang memasuki Program Matrikulasi.

Kementerian Pendidikan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mencapai sasaran 60:40 aliran sains kepada aliran sa stera. Antaranya ialah:

- (i) kurikulum sains telah disemak semula untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran sains lebih menyeronokkan dan dapat menimbulkan minat belajar;
- (ii) menghasilkan pelbagai buku panduan dan modul untuk meningkatkan mutu PNP mata pelajaran sains dan matematik;
- (iii) menjalankan pelbagai kursus untuk guru bagi meningkatkan mutu PNP mata pelajaran sains dan matematik;
- (iv) menggalakkan semua pelajar yang layak ke aliran sains dan teknologi mengambil aliran ini; dan
- (v) memastikan peluang dari segi tempat dan kemudahan untuk aliran sains dan teknologi yang wujud dipenuhi.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Soalan tambahan. Untuk meninggikan bilangan murid-murid di aliran sains, bolehkah Kementerian Pendidikan melonggarkan sedikit mengenai syarat kemasukan ke tingkatan enam iaitu pada masa kini mereka memerlukan 18 mata dalam tiga mata pelajaran.

Jika kementerian boleh melonggarkan syarat ini kepada 20 mata lebih ramai murid-murid boleh mendapat tempat dalam tingkatan enam dan ini, melalui kelonggaran kementerian boleh mendapatkan purata 60:40 murid aliran sains kepada aliran sastera.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menurunkan kelayakan untuk memasuki aliran sains buat sementara waktu. Sebenarnya ada pelajar yang telah diterima masuk dengan point yang kurang daripada 18 datang juga minta tukar dari aliran sains kepada aliran sastera.

Jadi, ini menunjukkan masalah ialah minat, ini menunjukkan bahawa pelajar masih kurang berminat untuk mengambil kursus dalam aliran sains dan sebagainya.

Oleh kerana itu langkah-langkah tersebut di atas akan, telah atau sedang diambil untuk memastikan pelajar lebih berminat untuk mengambil kursus dalam aliran sa ins.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah waktu yang tertentu untuk mencapai nisbah yang telah ditentukan ini?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan telah menetapkan untuk tempoh masa 10 tahun dari tahun 2001 supaya kita capai nisbah 60:40 ini.

6. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kemungkinan kementerian akan memberi pengecualian cukai pintu kepada pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan yang bukan membuat untung.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 memang telah mempunyai peruntukan mengecualikan cukai pintu kepada pihak-pihak tertentu.

Seksyen 134 Akta 171 memperuntukkan bahawa pihak berkuasa negeri boleh menurut budi bicaranya mengecualikan sesuatu pegangan itu daripada membayar apa-apa kadar sekiranya pegangan itu bukan digunakan untuk mendapatkan keuntungan kewangan sebaliknya digunakan semata-mata untuk maksud-maksud berikut:

- (i) sebagai tempat awam untuk sembahyang;
- (ii) sebagai tanah perkuburan atau *crematorium* awam yang berlesen;
- (iii) bagi sekolah awam; dan
- (iv) sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus.

Seksyen 135 pula memperuntukkan bahawa pihak berkuasa negeri boleh menurut budi bicaranya mengecualikan bayaran atau mengurangkan kadar bagi mana-mana pegangan yang digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan dan bukan untuk mendapat keuntungan wang.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat bolehlah menasihatkan pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan yang bukan membuat keuntungan itu supaya

mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa negeri bagi mendapatkan pengecualian cukai pintu seperti yang dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Poo Yew Choy sudah puas hatikah kali ini?

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat puas hati dengan jawapan begini. *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Okay, okay. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

7. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah sudah diwujudkan panel penasihat sebagaimana yang diura-urakan baru-baru ini untuk memantau mutu rancangan di RTM. Apakah skop tugas dan peranan panel tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah pun menubuhkan Panel Penasihat Penyiaran. Skop dan peranan akan dibincang dalam mesyuarat pertama yang akan diadakan tidak lama lagi.

Panel Penasihat Penyiaran (PPP) yang telah dilantik adalah seperti berikut:

- (i) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan;
- (ii) Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri;
- (iii) Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;
- (iv) Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan;
- (v) Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara;
- (vi) Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara;
- (vii) Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia; dan
- (viii) Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bidang tugas panel ini yang dicadang adalah membuat cadangan pendekatan media terbaik supaya menepati fungsi sebagai media elektronik kerajaan, menyampaikan maklumat terkini, pantas, tepat, beretika dan senantiasa berpegang kepada semangat Perlembagaan, sensitif kepada perasaan masyarakat berbilang kaum dan agama dan tidak terdorong oleh sentimen politik dan kepentingan individu. Tugas utama juga kelak ialah untuk membangunkan semangat patriotisme dan nasionalisme untuk membentuk suatu bangsa yang tahu menghargai kepimpinan negara dan juga menilai sejarah.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan akan memberi kuasa kepada Panel

Penasihat yang dinyatakan tadi supaya etika kewartawanan tidak salah digunakan ataupun tidak diberi satu imej buruk oleh beberapa orang pemimpin politik.

Sebagai contohnya, yang berlaku kepada wartawan *Berita Harian* baru-baru ini umpamanya, walaupun ini sebahagian daripada media yang akan secara langsungnya akan terlibat dalam pembangunan penyiaran di RTM juga iaitu berkenaan dengan Lim Kit Siang yang telah menuduh wartawan tidak layak menjadi warganegara Malaysia kerana soalan-soalan mereka. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua akhbar, maksud saya akhbar-akhbar perdana, akhbar-akhbar yang berlesen dan yang merupakan akhbar nasional, demikian juga elektronik, mereka adalah menghormati etika kewartawanan berpandukan kepada nilai-nilai profesionalisme yang tinggi, sentiasa menghormati Akta Seditious dan juga Akta Cetak 1982. Tetapi kita walaupun telah ada etika ini yang bertulis dan peraturan-peraturan serta undang-undang yang tertulis tetapi keliaran media telah berlaku sejak akhir-akhir ini, kalau dikatakan tidak ada kebebasan malah ada akhbar yang menyiarkan umpamanya, saya memberi contoh ada menyiarkan tulisan-tulisan daripada banduan.

Hal ini tidak pernah berlaku sebelumnya mana-mana akhbar menyiarkan tulisan daripada banduan, ertinya kalau seorang pencuri pun sekarang boleh menulis di dalam mana-mana akhbar untuk membela dirinya walaupun dia sedang ditahan. Hal ini berlaku dan satu perkara yang agak luar daripada etika kewartawanan yang telah dipraktikkan sejak sekian lama di negara kita ini.

Ini adalah satu pencemaran yang telah berlaku, yang tidak disedari oleh kita, banduan adalah banduan, bagaimanakah banduan boleh menulis di dalam akhbar? Hal ini adalah sangat dikesalkan dan kita berharap bahawa kita akan menjadi panduan, kita akan mencerminkan kepada masyarakat berdasarkan kepada nasihat-nasihat yang telah dibuat kelak oleh panel ini. Ini akan diamalkan oleh RTM.

Mengenai dengan apa yang berlaku ialah bahawa saya juga sebagai seorang bekas wartawan turut bersimpati atas apa yang berlaku ke atas wartawan *Berita Harian* yang mana apabila dia telah bertanya mengenai sesuatu, maka pihak DAP atau Saudara Lim Kit Siang telah mengatakan bahawa dia tidak layak menjadi rakyat negara ini.

Jadi, hal ini juga kita harus sedar apa yang patut dan wajar kita sedar iaitu di samping mereka cuba menjuarai kebebasan, kebebasan akhbar, kebebasan

bersuara dan sebagainya, maka itulah contoh masa depan negara ini kalau orang-orang ini berkuasa. Orang-orang ini juga telah [*Tepuk*] menyalahgunakan kebebasan yang diberikan, orang-orang ini juga telah mengancam, telah membuat *mega sue* terhadap akhbar-akhbar dengan *sue* RM200 juta, RM300 juta, ini adalah bayangan, bayangan masa depan terhadap apa akan berlaku sekiranya orang-orang ini berkuasa di sebalik suara mereka yang begitu lantang untuk kebebasan dan juga kebebasan media di negara ini. [*Tepuk*]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah melantik panel penasihat rancangan seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau tidak salah saya, saya dengar tadi semuanya, hampir semua, bunyinya seolah-olah berdasarkan kedudukan jawatan dalam kerajaan. Kita menghormati jawatan-jawatan ini, kita tidak nafikan tetapi apakah pandangan pihak kementerian mungkinkah tidak boleh diluaskan dari segi keanggotaannya di luar daripada jawatan tinggi dalam kerajaan seperti NGO, Ahli Dewan Negara umpamanya dan sebagainya, kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dalam bentuk kesenian, kebudayaan dan sebagainya termasuk dalam bidang teater, sebab kadang-kadang kalau kita melihat kepada tanggungjawab panel penasihat ini, berfokus kepada rancangan, rancangan mesti berasal daripada idea. Idea mungkin boleh berpusat bermula daripada satu teater kecil dua jam atau tiga jam yang boleh dikembangkan dalam bentuk rancangan yang lebih hebat melalui media elektronik yang begitu efektif.

Soalan kedua, ialah apakah pihak kementerian ingin meluaskan skop tanggungjawab panel penasihat ini berdasarkan andaian yang saya katakan tadi, teater umpamanya, kerana kalau kita melihat teater sekarang ini mempunyai unsur-unsur negatif yang tidak ada klasifikasinya sama ada ianya untuk umum ataupun untuk 18 tahun lebih dan sebagainya. Saya bawa contoh, satu teater yang saya bawa seluruh keluarga pergi menonton, saya terperanjat kerana ini hampir boleh dikatakan, eighteen plus yang begitu mengghairahkan, malah saya ada gambar untuk tunjuk pun, ini saya akan bangkitkan dalam ucapan. Tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat, kalau ini tidak dikawal yang kita cakap kata unsurnya lebih hebat dikenakan bayaran RM100, RM70, RM40 untuk melihat teater tertutup dan dalam suasana yang baik. Jadi, ini saya minta pandangan pihak kerajaan dari segi ini. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kepada soalan yang pertama kerana itu adalah di bawah kuasa menteri yang berkenaan dan bagaimanapun ini adalah satu cadangan yang baik, yang akan saya kemukakan kepada pihak kementerian. Tetapi dalam pada itu, saya suka juga memberitahu bahawa kita telah pun mempunyai satu think-tank yang saya sendiri juga telah turut serta sebelum menyertai kementerian ini dan kita akan fikirkanlah untuk melantik pihak-pihak di luar, dan memang mempunyai pihak-pihak di luar daripada NGO dan sebagainya duduk dalam think-tank ini dan nasihat-nasihat mereka telah pun diterima.

Mengenai skop tanggungjawab teater ini adalah juga satu pandangan yang baik, tetapi saya tidak tahu bahawa adanya teater-teater yang lucu juga telah dipertunjukkan atau dipentaskan di negara ini. Tetapi, saya sekadar akan memberitahu di sini bahawa sebenarnya RTM sendiri akan mengambil tanggungjawab untuk mempromotekan teater yang sihat dan sekarang ini pada setiap seminggu sekali di slot berita RTM kita ada mempunyai 15 minit tambahan, iaitu satu segmen pada setiap malam Ahad iaitu segmen seni dan hiburan di mana kita akan mempromotekan semua aktiviti para karyawan termasuk daripada sasterawan, artis, pelukis mencakupi satu bidang yang luas untuk membangunkan suatu kecintaan rakyat kepada seni sastera tanah air dan hiburan yang sihat. Terima kasih.

8. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan usaha yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengelak ancaman hidupan liar terhadap masyarakat di kawasan-kawasan pedalaman terutama yang melibatkan nyawa manusia, binatang ternakan dan harta benda mereka seperti insiden yang berlaku di mana dua mati dibunuh gajah di Hulu Dungun pada 12 April 2001 baru-baru ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa di antara usaha-usaha utama yang telah, sedang dan akan terus diambil oleh kementerian ini melalui Jabatan Perhilitan bagi mengelak ancaman hidupan liar terhadap masyarakat di kawasan-kawasan pedalaman ialah:-

- (i) Mewujudkan lebih banyak lagi kawasan -kawasan perlindungan khusus untuk hidupan liar;

- (ii) Menangkap spesies hidupan liar yang telah kehilangan habitat untuk dipindahkan ke dalam kawasan-kawasan perlindungan yang telah diwujudkan, di samping kawasan-kawasan perlindungan, kawasan-kawasan hutan simpan kekal juga dijadikan sebagai tempat memindahkan hidupan liar; dan
- (iii) menangkap hidupan-hidupan liar yang terdapat mengganggu dan juga merosakkan tanam-tanaman dan sebagainya setelah kita mendapat maklumat ataupun laporan yang diterima daripada pihak-pihak kepada Jabatan Perhilitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun perancangan dan tindakan untuk mengelak berlaku kejadian yang tidak diingini telah diambil, namun adalah tidak dapat dinafikan bahawa sekali-sekala berlaku juga insiden-insiden yang membawa kepada kematian dan sebagainya yang disebabkan oleh spesies hidupan liar seperti gajah, harimau, seladang dan babi hutan kerana hidupan-hidupan liar tersebut kehilangan habitat ataupun gangguan-gangguan habitat yang secara tidak langsung akan kehilangan kawasan keliaran dan sumber makanan. Namun begitu, ia merupakan insiden-insiden yang terasing kerana ianya jarang-jarang berlaku dan dalam bilangan yang kecil. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Soalan tambahan saya ialah apakah pandangan kerajaan di atas pupusnya hidupan liar kita kerana pertukaran atau kekurangan kawasan habitat mereka walaupun kita mempunyai kawasan perlindungan, apakah kerajaan akan memantau kedudukan hidupan liar kita supaya kita tahu kedudukan lokasi mereka kerana kita telah berada di dalam zaman ICT berkemungkinan kita boleh meletakkan apa juga peralatan yang boleh memberi detect, dengan izin, lokasi hidupan liar kita yang semakin pupus terutama sekali gajah dan sebagainya, kerana satu ketika dahulu seperti penyu yang selalu singgah di pantai Terengganu untuk bertelur, ada usaha-usaha dari Jabatan Pertanian supaya dapat mempunyai alat-alat detedion, dengan izin. Jadi kalau kita dapat secara proaktifnya menyediakan perkara-perkara seperti ini, kita berkeyakinan cara kita mengawal dan menjaga keselamatan bukan sahaja hidupan liar tetapi mangsa-mangsa, bakal mangsa daripada berlaku kematian dan juga lain-lain. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya memanglah Jabatan Perhilitan sendiri di bawah kementerian ini melaksanakan pelbagai usaha untuk menyelamatkan dan membiakkan lagi spesies hidupan liar

yang semakin pupus dan berkurangan dalam negara kita ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sendiri kita telah memohon peruntukan lebih kurang RM124 juta untuk program-program yang berkaitan dengan usaha-usaha seperti ini.

Bagaimanapun di dalam menghadapi persaingan dan masalah-masalah yang lebih perlu dihadapi oleh keperluan kehidupan manusia sendiri, kadangkala kita terpaksa mengorbankan sebahagian daripada kawasan-kawasan rizab hutan dan sebagainya, yang selama ini menjadi sebahagian daripada kediaman hidupan liar seperti ini. Dalam hal seperti inilah kadangkala kita terdapat masalah-masalah yang terasing seperti yang dihadapi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat di mana sebahagian daripada harimau-harimau ataupun gajah-gajah yang biasanya hidup dengan aman damai di satu-satu tempat telah diganggu-gugat oleh manusia, dengan sebab itulah berlaku beberapa insiden yang biasanya kita dengar dalam akhbar di negara kita ini. Terima kasih.

9. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kajian telah dibuat untuk meminda syarat-syarat perkhidmatan anggota tentera bagi membolehkan anggota bersara secara pilihan selepas perkhidmatan 21 tahun dan bersara wajib setelah mencapai umur 50 tahun.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia adalah merupakan satu perkhidmatan yang unik yang terasing sifatnya berbanding dengan sektor perkhidmatan awam yang lain. Peraturan mengenai tempoh perkhidmatan, gaji serta kemudahan yang disediakan untuk anggota tentera, adalah berbeza sesuai dengan keperluan fungsi dan tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Profesion ini adalah unik kerana tempoh persaraan anggota tentera ini bergantung kepada pangkat masing-masing dan perkara ini termaktub di bawah Akta Angkatan Tentera 1972. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persaraan anggota tentera lain-lain pangkat adalah berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan yang diakui dan bukannya umur. Tempoh perkhidmatan asal atau dengan izin, initial engagement, bagi anggota-anggota lain pangkat adalah 12 tahun, tempoh ini boleh dilanjutkan mengikut syarat-syarat tertentu sehingga 15, 18 tahun dan seterusnya kepada 21 tahun.

Anggota lain-lain pangkat yang telah berkhidmat 21 tahun perkhidmatan adalah layak mendapat ganjaran perkhidmatan dan pencen perkhidmatan, namun

anggota berkenaan bolehlah memohon untuk menyambung lagi perkhidmatan mengikut syarat-syarat tertentu sehingga mencapai umur 50 tahun, bagaimanapun anggota tentera boleh membuat pilihan sama ada mahu menjadikan profesion ketenteraan sebagai satu kerjaya yang berterusan atau memilih salah satu, dengan izin, exit point, yang dibenarkan di dalam perkhidmatan mereka untuk mencari kerjaya lain yang serasi dengan kehendak masing-masing.

Manakala bagi pegawai yang berpangkat kapten dan ke bawah, persaraan mereka ditetapkan pada umur 45 tahun, seorang pegawai yang berpangkat mejar akan berkhidmat sehingga 50 tahun dan pegawai berpangkat leftenan kolonel pula akan bersara pada umur 52 tahun. Sementara itu bagi pegawai tentera berpangkat kolonel ke atas serta pegawai tentera di bawah tugas ikhtisas seperti doktor dan sebagainya akan bersara pada umur 55 tahun.

Selaras dengan keputusan kerajaan menaikkan had umur persaraan kakitangan awam daripada 55 kepada 56 tahun, Kementerian Pertahanan turut mengkaji semula umur persaraan bagi anggota tentera supaya ianya dapat disesuaikan dengan syarat-syarat perkhidmatan ATM yang unik dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap profesional perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, keputusan melanjutkan tempoh persaraan umur bergantung kepada kelulusan Majlis Angkatan Tentera yang akan bersidang tidak lama lagi sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah langkah dan usaha pihak kementerian di dalam menangani rungutan dan masalah berhubung dengan tuntutan gratuiti yang dibuat oleh pesara-pesara yang telah bertahun-tahun, ada sungutan yang menyatakan sehingga sepuluh tahun mereka telah bersara masih belum memperolehnya lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ada selama sepuluh tahun mereka tidak dapat gratuiti, kalau Yang Berhormat sedar tolong beri saya tahu kes sebenarnya dan tindakan akan diambil.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Pertahanan ada mengumumkan berapa ramai ahli-ahli tentera yang akan bersara dalam masa lima tahun, kalau saya tidak silap lebih kurang dekat 60,000 orang antara yang akan bersara. Soalan saya ialah setelah dibentangkan satu syarat yang amat ketat kepada tentera, adakah ini merupakan satu penghalang

kepada mereka hendak menyertai angkatan tentera kerana kalau saya masuk angkatan tentera umur 20 tahun, bersara selepas 21 tahun berkhidmat, jadi umur 41 tahun, selepas itu menjadi bekas perajurit. Sebagai bekas perajurit kalau tengok daripada rungutan surat khabar banyak yang menyatakan hendak minta permit teksi pun tak dapat dan sebagainya, adakah pihak kerajaan apabila wujudnya sistem yang amat ketat begini, peculiar hanya untuk angkatan tentera, boleh memberikan keutamaan kepada bekas-bekas perajurit setelah bersara begitu awal diberi keutamaan tertentu, kalau mereka bertugas sebagai transport, keluar sahaja terus dapat permit teksi atau permit lori atau sebagainya.

Pada masa yang sama, memandangkan kurangnya angkatan tentera mencerminkan komposisi kaum di negara kita ini, adakah pihak kerajaan ingin menimbang kembali saranan yang pernah saya buat di Dewan yang mulia ini, untuk membanyakkan maktab tentera diraja, sekarang ini ada sebuah iaitu di Sungai Besi dan baru-baru ini, hari ini saya dengar cerita CUEPACS pun menyokong cadangan saya, banyakkkan maktab tentera diraja, setiap negeri sebuah dan di situ rasionya 70 bumiputera, 30 bukan bumiputera. Jadi, ini mungkin boleh mengatasi masalah kekurangan kaum-kaum lain. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, perkhidmatan tentera ini adakah unik. Kerana bagi mereka yang berpangkat lain-lain pangkat, kita tidak boleh benarkan mereka berkhidmat sampai umur 55 tahun kerana askar ini berada di barisan hadapan dan kerana mereka terpaksa berdepan dengan keadaan yang agak mencabar dari segi fizikal, maka kita tidak boleh ada tentera yang tua, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tentera yang tua ini payah sedikit kalau sampai hendak perang.

Jadi, kita fikir umur 40 tahun, 42 tahun ini kira had maksimum. Kalau mereka hendak berada di barisan hadapan dengan memikul senjata, mereka kena ada tahap kecergasan fizikal yang begitu tinggi boleh dikatakan. Jadi, kalau terlalu tua sudah tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keutamaan, sebab itu kita tubuh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan majlisnya sebab kuasa memberi lesen teksi, tanah, kedai, tidak terletak di bawah Kementerian Pertahanan, sebab itu kita tubuh majlis, dan kita harap melalui majlis ini kementerian-kementerian yang diwakili dalam majlis ini akan mengambil iktibar dan seterusnya dapat mencerminkan perkara ini dalam keputusan-keputusan yang dibuat di peringkat kementerian masing-masing.

Tentang maktab tentera diraja ini, kita akan kaji cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya tidak pasti lagi sama ada dengan adanya maktab tambahan mereka akan berminat hendak memasuki tentera, mungkin mereka berminat hendak masuk maktab, tetapi tidak berminat hendak memasuki tentera.

10. Puan See Too Mee minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) jumlah modal yang dilabur oleh syarikat asing pada setakat ini; dan
- (b) adakah pelabur asing berundur diri akibat kelembapan ekonomi; jika ada, jumlah modal yang ditarik balik dari negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak yang perlu dijawab pada 28 Mei 2001 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1980 hingga Mac tahun 2001 sebanyak 15,053 projek perkilangan telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan pelaburan bernilai RM346.8 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 10,013 projek perkilangan adalah dengan penyertaan asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM184.3 bilion atau 53.1% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang telah diluluskan.

Sektor industri yang mempunyai pelaburan asing yang tinggi adalah barangan elektrik dan elektronik, nilai pelaburan sebanyak RM55.7 bilion; barangan petroleum termasuk petrochemical RM35.1 bilion, barangan logam asas RM15.5 bilion, kimia dan barangan kimia RM15.1 bilion, barangan galian dan bukan logam RM9.2 bilion, kertas percetakan dan penerbitan RM8.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh negara mengalami kegawatan ekonomi iaitu dari Ogos 1997 hingga Disember 1998 sebanyak 750 projek perkilangan telah diluluskan dengan penyertaan asing bernilai RM17.7 bilion. Ini merupakan 65.2% daripada jumlah keseluruhan projek dan 49.6% daripada nilai pelaburan yang diluluskan.

Projek perkilangan yang telah diluluskan dengan penyertaan asing selepas tempoh kegawatan ekonomi iaitu dari Januari 1999 hingga Mac 2001 adalah sebanyak 1,217 projek atau 68.8% daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan dengan pelaburan bernilai RM4.3 bilion.

Bagi tempoh Oktober 2000 hingga Mac 2001, sembilan buah syarikat perkilangan milik asing telah memberhentikan operasi disebabkan, antara lain, oleh kekurangan daya saing, penurunan dalam penyertaan eksport. Penutupan sembilan syarikat asing tersebut mengakibatkan pemberhentian 9,000 pekerja. Sekian, terima kasih.

Puan See Too Mee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya. Bagaimanakah keunduran pelaburan asing boleh mempengaruhi ekonomi negara kita dalam bidang ini? Adakah ke menteri ini sedia dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian ini untuk menangani masalah di luar jangkaan yang akan timbul lama kelamaan kelembapan ekonomi sedunia? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan bahawa syarikat yang tutup adalah disebabkan daya saing yang berkurangan dan juga permintaan eksport yang berkurangan. Dan, ada yang berpindah, mereka tidak memindahkan semua operasinya, cuma sebahagian operasi yang lebih bergantung kepada penggunaan tenaga manusia yang lebih tinggi. Kita tidak menafikan bahawa kelembapan ekonomi Amerika Syarikat telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada syarikat-syarikat perkilangan di Malaysia, terutamanya kepada syarikat yang bergantung kepada eksport kepada Amerika Syarikat.

Untuk langkah-langkah yang digalakkan oleh kerajaan ialah syarikat-syarikat tempatan telah mengambil langkah seperti penstrukturan operasi syarikat secara global termasuk proses penggabungan, proses pengukuhan (*consolidation*) dan juga pemindahan lokasi beberapa bahagian operasi yang tidak kompetitif ke lokasi lain.

Dan, untuk pengurangan kos operasi, langkah-langkah yang dijalankan termasuk penutupan bahagian operasi kilang yang tidak efisien dan bertindih, pengurangan *shift* pekerja, pengurangan tenaga kerja, pengurangan waktu bekerja, pemberhentian secara sementara. Syarikat-syarikat tersebut juga mengambil usaha meningkatkan penggunaan automasi dan teknologi terkini bagi mengeluarkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal penghijrahan penutupan pintu, peralihan syarikat-syarikat antarabangsa ke negara-negara lain terutama sekali kalangan negara ASEAN bukan hanya sekadar waktu kegawatan ekonomi atau kemelesetan ekonomi berlaku. Penghijrahan ini disebabkan oleh beberapa perkara yang tertentu, umpamanya mereka mendapat GS pay, *special privilege*, cukai bebas dan sebagainya, dan beberapa perkara yang menarik mereka dan perjalanan ini berlaku setiap masa.

Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah tindakan-tindakan yang diambil kerana globalisasi akan melanda seluruh dunia, terutama sekali negara-negara membangun seperti negara kita dan juga negara ASEAN yang lain? Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian? Umpamanya, mengadakan satu sistem negara ASEAN. Kita tahu ASEAN ditubuhkan – *economic grouping* – apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu sistem antara negara-negara ASEAN supaya syarikat-syarikat sedemikian tidak mengalihkan operasi mereka di kalangan negara-negara ASEAN.

Saya kira, ini adalah suatu perkara yang penting harus dibuat oleh kerajaan bagi membolehkan negara-negara ASEAN tidak dipermainkan oleh *multi-national enterprise*, dengan izin, berhijrah dari satu negara ke negara yang lain, ini akan merugikan negara-negara ASEAN itu sendiri. Ini suatu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka panjang, bukan satu jangka pendek yang harus dilakukan oleh negara ASEAN.

Saya kira, kerajaan harus mengadakan tindakan dengan seberapa segera untuk mempertahankan kepentingan negara-negara – ini hari mereka beroperasi di Malaysia, besok beroperasi di Bangkok, lusa berhijrah ke Vietnam, lusa ke Cambodia dan sebagainya, ini akan merugikan negara-negara ASEAN sendiri. Saya kira, langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara ASEAN, mengadakan pusingan, membuat satu sistem, satu dasar yang sama supaya *multi-national enterprise*, dengan izin, tidak mempermainkan negara-negara ASEAN. Kalau kena rugi ke negara sendiri di kalangan pengurangan kerja, penutupan pintu dan pendapatan ekonomi serta menaikkan ekonomi negara-negara ASEAN sendiri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, apabila perjanjian AFTA sempurna terlaksana menjelang 2010, kuasa AFTA ini telah merupakan satu kawasan yang mempunyai import duti yang sifar untuk semua anggota-anggota

negara ASEAN. Jadi, pada masa itu, boleh dikatakan satu kawasan ASEAN ini adalah secara seolah-olahnya satu kawasan adalah suatu negara dari segi pembangunan ekonomi, walaupun mereka mempunyai sempadan yang berlainan dan negara yang berlainan tetapi dari segi ekonomi, ia adalah suatu kawasan yang sama seperti *European Union*.

Jadi, masa itu, saya rasa sama ada pelabur melabur di Malaysia atau melabur di Thailand atau melabur di Filipina, ia tidak mempunyai apa-apa perbezaan. Cuma ada perbezaan ialah mungkin negara-negara anggota ASEAN, masing-masing ada kekuatan sendiri. Misalnya, Thailand, mungkin dia punya upah lebih rendah, tetapi Malaysia ada kekuatan sendiri dengan kekuatan infrastruktur, kekuatan kerajaan yang lebih stabil dan sebagainya. Tetapi, kalau mereka mengambil langkah yang strategi dan synergy untuk mengadakan operasi di negara-negara anggota ASEAN, maka ASEAN sebagai satu blok masih mempunyai tarikan yang amat bagus untuk pelabur asing. Sekian, terima kasih.

11. Puan Hajah Azizah Datuk Haji Mohd. Dun minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk membantu melahirkan usahawan di kalangan graduan bumiputera memandangkan negara kini menekankan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salah satu usaha dan langkah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu melahirkan usahawan di kalangan graduan bumiputera khususnya di negara ini ialah dengan mengadakan satu program khas untuk siswazah yang dinamakan Skim Usahawan Siswazah sejak tahun 1998.

Skim ini bertujuan untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang perniagaan. Siswazah diminta mendaftar dengan kementerian dan mengikuti latihan asas keusahawanan selama 6 hari yang diadakan setiap bulan bertujuan memberi pendedahan pada aspek-aspek perniagaan dan cara-cara menyediakan rancangan perniagaan.

Sehingga bulan April 2001, seramai 1,209 orang siswazah telah menghadiri latihan asas keusahawanan. Satu dana khas iaitu Tabung Usahawan Siswazah dengan jumlah sebanyak RM10 juta telah diwujudkan untuk peserta Skim Usahawan

Siswazah mendapat pinjaman bagi memulakan pemiagaan. Dana ini diuruskan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad.

Sehingga bulan April 2001, seramai 95 orang peserta telah diluluskan pinjaman bernilai RM8.03 juta. Pinjaman yang diluluskan adalah meliputi pemiagaan dalam bidang teknologi maklumat dan komputer, makanan, penternakan, pertanian, perkhidmatan am, peruncitan, industri kecil dan perundingan. Kementerian dengan kerjasama Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad sentiasa memantau prestasi pemiagaan siswazah yang telah mendapat pinjaman di bawah Tabung Usahawan Siswazah.

Dana Tabung Usahawan Siswazah akan ditambah sebanyak RM30 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk membolehkan lebih ramai siswazah mendapat kemudahan pinjaman untuk menceburi bidang pemiagaan. Terima kasih.

Puan Hajah Azizah Datuk Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan penglibatan bumiputera dalam bidang pengurusan dan juga profesional seperti akauntan adalah masih dalam tahap yang rendah. Sedangkan kehadiran ataupun penglibatan mereka ini adalah penting dalam pembangunan usahawan yang berwibawa khususnya di kalangan bumiputera.

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah dan usaha yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini dalam usaha untuk membangunkan usahawan bumiputera?

Yang kedua, adakah kerajaan mengehendkan jenis-jenis pemiagaan yang hendak diceburi oleh graduan atau siswazah ini untuk layak mendapatkan bantuan daripada kerajaan? Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, golongan profesional termasuk akauntan-akauntan, khususnya bumiputera juga boleh mendapat pinjaman ataupun pembiayaan daripada Tabung Usahawan Siswazah tadi sekiranya mereka mengikuti kursus yang telah disediakan. Di samping itu, dana-dana atau tabung-tabung yang lain juga boleh digunakan untuk membantu mereka-mereka ini.

Soalan yang kedua, mengenai dengan bidang-bidang yang boleh diceburi oleh graduan, adakah dihadkan? Sebenarnya tidak dihadkan apa juga jenis pemiagaan, boleh diceburi oleh graduan-graduan bumiputera atau bakal-bakal usahawan ini dalam pelbagai bidang seperti yang telah saya sebutkan tadi. Dan, sekiranya mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang saya nyatakan

tadi, maka mereka ini layak untuk mendapat pembiayaan daripada kementerian. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memberi peruntukan yang lebih program graduan menjadi usahawan ini daripada RM10 juta kepada RM30 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh kerana ekonomi berasas pengetahuan ini agak baru kepada semua pihak, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah Kementerian Pembangunan Usahawan secara khusus mewujudkan satu unit khas yang memberi fokus kepada usaha aplikasi keseluruhan perniagaan berasaskan pengetahuan?

Kerana ini tidak hanya boleh berhenti setakat membuat seruan di akhbar tetapi lebih kepada pengkhususan yang program konkrit di pihak kerajaan sendiri ke arah merealisasikan program ini.

Soalan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya mendengar pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan tentang pengwujudan Majlis ICT yang saya percaya di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan dan ini amat relevan dengan soalan ini saya ingin bertanya apakah perkembangan tentang pengumuman Majlis ICT ini. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan pengwujudan Majlis ICT ini, memang kementerian telahpun menubuhkan Majlis ICT khusus untuk membantu usahawan, khususnya bumiputera, lebih aktif dalam ataupun berkecimpung dalam bidang ini dengan lebih aktif.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, kita telahpun mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk memulakan bagaimana cara kita untuk meramaikan lagi bakal-bakal usahawan bumiputera ini supaya mereka lebih minat berkecimpung dalam bidang ini dan kita telah pun mengarahkan juga semua perbadanan-perbadanan ekonomi negeri supaya mereka mendaftarkan usahawan-usahawan di tempat masing-masing supaya mereka menghantar laporan dan disampaikan kepada kementerian supaya program-program seterusnya dapat dilaksanakan khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawapan Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 22 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KETIGA (2001-2010)

Aturan Urusan Mesyuarat di baca bagi menyambung semula perbincangan ke atas usul di buat oleh Perdana Menteri yang ditangguhkan atas masalah;

"Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosioekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 - 2000 dan Dasar Pembangunan Nasional;

menyokong usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua menerusi Dasar Pembangunan Nasional iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama;

melulus dan mengesahkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara yang bertujuan menyediakan objektif pembangunan negara dan dasar yang akan dilaksanakan dalam dekad ini sebagaimana terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 11 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Dasar Wawasan Negara, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dan bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing." **[17 Mei 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, menyambung ucapannya.

11.16 pagi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada mukadimah saya, pada hari Khamis berkenaan perbincangan kita berkenaan dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini, saya telah merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah dapat menyediakan satu pembentangan yang agak komprehensif, sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada pagi Khamis yang lalu.

Lanjutan kepada rancangan ini, saya juga mengucapkan tahniah kepada kejayaan kerajaan menubuhkan MAPEN II dan kita berkeyakinan bahawa melalui MAPEN II inilah, ianya menjadi satu daripada asas penyediaan rancangan ini dan juga mengambil kira kegagalan kejayaan Dasar Ekonomi Baru dan juga Dasar Pembangunan Nasional selama lebih kurang 30 tahun, kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong kepada teras RRJP3 yang telah dibentangkan pada Khamis lalu seperti membina bangsa yang berdaya tahan, pengwujudan masyarakat yang saksama, mengekalkan pertumbuhan ekonomi, menghadapi persaingan antarabangsa, menyediakan program k-ekonomi dan membangunkan sumber manusia serta meneruskan pembangunan alam sekitar yang lebih mapan.

Saya juga bersetuju pada Khamis lalu iaitu pelaksanaan dasar RRJP patut banyak bergantung kepada keazaman yang amat tinggi supaya semua pihak dapat melaksanakan program-program yang akan dari masa ke semasa sebagaimana keputusan-keputusan dasar yang sama -sama kita dokong melalui RRJP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus menilai semula kedudukan struktur masyarakat dan kita telah merasakan ianya telah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh, adil dan saksama, melalui DEB dan DPN. Dan, sebagaimana kita tahu bahawa DEB bermula pada tahun 1970, bukanlah merupakan hak keistimewaan orang Melayu ataupun bumiputera tetapi ia lahir daripada rasa tanggungjawab kepimpinan negara dan rakyat untuk mewujudkan perpaduan kaum dan juga untuk membasmi kemiskinan supaya jurang ekonomi di antara rakyat terutama sekali bumiputera dan bukan bumiputera dapat diperapatkan.

Jadi, dalam hal ni, kita telah meletakkan sasaran sebanyak 30% penyertaan secara ekuiti. Melalui pengalaman kita hampir 30 tahun, melalui dasar yang telah kita perkenalkan DEB dan DPN, Tuan Yang di-Pertua, paling maksimum kita telah mencapai sebanyak 20.6% pemegangan ataupun ekuiti untuk bumiputera dalam tahun 1995. Dan, telah menurun melalui proses kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998 dan setakat hari ini berkemungkinan angkanya tidak melebihi daripada 20%, iaitu sebanyak 19.1%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu pandangan baru kita dalam meletakkan sasaran minimum penyertaan bumiputera. Berasaskan kepada persefahaman dalam kepimpinan kerajaan Barisan Nasional, tetapi lebih berpaksi kepada fakta bahawa bumiputera harus digerakkan dengan lebih bersungguh-

sungguh dalam menterjemahkan dasar RRJP ini kalau kita mahu mencapai sekurang-kurangnya minimum, penyertaan bumiputera ekuiti dalam pengagihan kek ekonomi negara kita.

Oleh kerana sasaran adalah merupakan sasaran tetapi biasanya mengikut kaedah pengurusan biasa, kalau kita hendak meletakkan sasaran 30% berkemungkinan ini melalui proses penjuruteraan yang sungguh rapi secara spesifiknya Tuan Yang di-Pertua, harus kita menilai semula kedudukan pemegangan ekuiti minimum kepada bumiputera. Oleh kerana penduduk di negara kita bukan sahaja konsep bumiputera ini hanya diperkenalkan kepada orang-orang Melayu tetapi banyak di antara kaum-kaum lain seperti di Sabah dan Sarawak dan juga berkemungkinan selepas ini Orang Asli akan dikategorikan, insya-Allah, sebagai bumiputera dalam konteks definisi dan pengertian di dalam Perlembagaan Negara. Kita mempunyai lebih daripada 50% penduduk di negara kita maka adalah tidak salah kerajaan menilai semula dengan semangat kerjasama semua kaum supaya sasaran minimum dalam RRJP ini sebanyak sebanyak 50% berasaskan kepada paksi kependudukan di negara kita.

Jadi sekurang-kurangnya di dalam satu dekad yang akan datang iaitu sepuluh tahun dalam RRJP 3 ini sekurang-kurangnya insya-Allah, dengan gerakan yang bersepadu oleh semua pihak, kita berkemungkinan akan mencapai sasaran kita sebanyak 30%. Adalah tidak salah kita meletakkan sasaran yang agak lebih tinggi sedikit kerana kita tahu dalam meletakkan sasaran-sasaran ini, berkemungkinan banyak di antara kekangan dan juga cabaran-cabaran yang akan kita lalui dalam sepuluh tahun yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hendak mempersungguhkan lagi kedudukan bangsa ataupun kedudukan bumiputera dalam memilih tuntutan DEB dan DPN, kerajaan juga telah memperkenalkan MPPB iaitu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera sebagai konsep induk supaya bumiputera akan lebih bersikap *entrepreneurship* dengan izin dan perkara ini telah dilaksanakan dengan pelbagai program oleh hampir 5-6 kementerian dan MPPB ini telah diletakkan dulunya di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri dan sekarang ini kalau tidak silap saya diberi fokus yang lebih kuat dan bersungguh oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. MPPB ini hanyalah merupakan satu daripada konsep secara *authority*nya tidak ada, jadi saya juga mencadangkan kepada kerajaan,

dalam penterjemahan pelaksanaan RRJP ini supaya MPPB ini harus diberi *authority* dari segi sudut pelaksanaannya.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya MPPB dalam apa jua bentuk sekalipun kita hendak menamakan supaya ianya dapat dilembagakan ataupun dimajlisikan contohnya mungkin ini merupakan satu majlis pembangunan usahawan secara menyeluruh, MUM umpamanya Majlis Usahawan Malaysia yang mana kita akan melihat dari sudut Malaysiannya kita membangunkan semua usahawan termasuk bumiputera dan bukan bumiputera tetapi meletakkan beberapa *authority* supaya fokus kita memberi pemantauan dan juga kita boleh menjana beberapa program-program baru supaya matlamat dan sasaran RRJP ini dapat kita jayakan dalam tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Kalau ini dapat dilaksanakan, kita berkemungkinan permasalahan yang ada dan kekangan serta *constrain* dengan izin, yang dihadapi oleh usahawan bumiputera hari ini akan sedikit sebanyak membangunkan mereka untuk memenuhi tuntutan rancangan yang kita cadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus membicarakan pengisian usahawan bumiputera itu sendiri dalam beberapa kaedah iaitu usahawan bumiputera mungkin dari segi ekuitinya kita mesti membicarakan masalah pembangunan usahawan bumiputera yang besar dalam bentuk *corporate* dan sebagainya dan juga kita tidak dapat meninggalkan kedudukan usahawan bumiputera yang sederhana dan kecil. Dari segi pembangunan usahawan kecil bumiputera, berkemungkinan kerajaan telah berjaya meletakkan mereka dari segi kuantitinya malah penyediaan dana-dana yang agak mencukupi telah disediakan oleh kerajaan tetapi fokus yang harus diberi oleh perkara ini ialah supaya selain daripada sektor-sektor yang telah dijayakan oleh bumiputera sebagaimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri pada Khamis lalu iaitu sektor pembinaan, perkhidmatan dan pengangkutan telah dapat sekurang-kurangnya bumiputera dapat mencapai lebih daripada 30%.

Tetapi dalam menggerakkan kedudukan ekuiti bumiputera supaya ada perpaduan kaum yang lebih erat dan akrab untuk kepentingan dan perpaduan negara maka adalah wajar kerajaan memberi fokus yang lebih serius selain daripada tiga sektor yang berjaya ini. Maka adalah tidak salah kerajaan menekankan pengisian usahawan bumiputera kelas besar dan sederhana supaya melibatkan diri mereka dalam sektor-sektor yang strategik, yang sesuai dengan masa dan zaman ini. Sektor-sektor strategik yang dimaksudkan adalah banyak tetapi kalau memberi

fokus kepada kedudukan sekurang-kurangnya pembangunan prasarana secara penswastaan, itu harus ditekankan oleh kerajaan.

Kedua, pemilikan hartanah bumiputera dan Melayu supaya dapat dipertahankan dan dapat menguruskan hartanah ini dalam bentuk yang lebih *business light*, dengan izin, supaya nilai harta tanah bumiputera dapat dipertingkatkan supaya dapat memenuhi fokus ataupun pencapaian minimum ekuiti yang dikehendaki melalui rancangan ini.

Oleh kerana orang Melayu dan bumiputera majoritinya merupakan masyarakat Islam, saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat membangunkan pengurusan-pengurusan dana di peringkat baitulmal itu sendiri. Jadi apa yang berlaku sekarang ialah banyak di antara harta-harta yang di bawah jagaan baitulmal tidak dapat diurus dengan baik dan harus ada satu pakatan yang lebih strategik bagaimanakah baitulmal ini dapat kita bangkitkan supaya ia sesuai dengan masa dan zaman supaya kedudukan bumiputera dapat melibatkan diri mereka. Jadi, kita tidak hendaklah harta dan aset baitulmal hanya dilihat kerana masalah hukum hakam dan sebagainya tidak dapat diselesaikan supaya bijak pandai kita dapat membuat satu pendekatan bagaimanakah baitulmal dapat membangunkan usahawan bumiputera dengan membangunkan aset dan harta-harta di baitulmal.

Kelimanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam proses membangunkan usahawan bumiputera, kita tahu bahawa bukan kerajaan sahaja yang mempunyai tanggungjawab tetapi banyak sektor-sektor lain yang harus diberi tanggungjawab tetapi dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkara kerajaan ini, saya telah melalui dua proses kemelesetan ekonomi. Pada tahun 80-an apabila negara menghadapi kemelesetan ekonomi, ribuan di antara usahawan bumiputera yang dilahirkan oleh kerajaan terpaksa gulung tikar. Apatah lagi dalam tahun 90-an kita telah dapat menjayakan sehingga tahun 1995, pencapaian ekuiti kepada pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 20.6% tetapi akhirnya berlaku *land's slide* sedikit sebanyak 19.1% pada tahun 1999 kerana pada tahun 1997 dan 1998 negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Pertukaran Tuan Yang di-Pertua kita, kita hormatlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jumlah pemilikan ekuiti ini, kita melihat sektor-sektor strategik dan usahawan bumiputera terpinggir daripada kemelesetan ekonomi yang berlaku dalam tahun 1997 dan 1998. Walaupun kita tahu bahawa kerajaan telah menggarap dan menggunakan segala kedudukan dan kuasa yang ada untuk membangunkan bumiputera tetapi akhirnya perlindungan undang-undang ke atas usahawan bumiputera harus dapat perhatian berat.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman usahawan bumiputera tidak boleh dinilai dalam bentuk harta benda ataupun dalam bentuk *tangible*, dengan izin, pengalaman usahawan bumiputera yang baru merupakan kumpulan dan masyarakat yang pertama dalam meletakkan diri mereka membangunkan perniagaan ini berbanding dengan kaum-kaum lain yang telah melalui beberapa generasi. Jadi, harus kerajaan menekankan beberapa perlindungan undang-undang kepada usahawan bumiputera kita terutama sekali berkaitan dengan Akta Kebankrapan .

Akta Kebankrapan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, RM10,000 sudah dijatuhkan bankrap. Kita bukan mempertikaikan masalah ketidakamanan atau ketidakupayaannya usahawan bumiputera sahaja tetapi ianya harus dinilai dalam bentuk yang lebih saksama dalam zaman ini. RM10,00 jumlah minimum yang diletakkan di bawah Akta Kebankrapan untuk memfliskan mana-mana usahawan atau mana-mana peminjam yang engkar adalah di luar pada zaman ini. RM10,000 sekarang kalau motosikal, Tuan Yang di-Pertua, yang canggih sedikit sudah menjangkau RM30,000-RM40,000 dan malah ada RM100,000. Jadi adalah tidak salah kerajaan melalui Akta Ke bankrapan ini untuk meletakkan beberapa perkara baru supaya nilai ini ditambah mungkin RMM100,000 atau RM200,000 dan sebagainya.

Dan keduanya, kerajaan harus menekankan melalui Kementerian Kewangan kepada Bank Negara dan juga institusi kewangan kita. Institusi kewangan kita mahu menyediakan payung kepada usahawan sama ada bumiputera atau tidak bumiputera kepada zaman panas, masa panas, masa hujan tidak diberikan payung dan baju hujan. Inilah sikap institusi kewangan kita. Walaupun dana yang disediakan oleh kerajaan berbilion ringgit tidak dapat digunakan. Setakat tahun lepas sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas selepas Budget tahun lepas, daripada 40 lebih dana-dana yang disediakan untuk usahawan-usahawan kita termasuk usahawan bumiputera, lebih

daripada RM30 bilion tidak digunakan. Apakah dana yang diluluskan oleh kerajaan yang melalui instrumen bank-bank dan institusi kewangan ini melihat dan membuat penilaian dalam bentuk *entrepreneurship* biasa ataupun ianya merupakan dana yang diberi tanggungjawab kepada institusi dan bank-bank supaya dia lebih memberi peluang kedua kepada usahawan terutama sekali usahawan bumiputera.

Dalam konsep pembangunan usahawan, kegagalan adalah perkara biasa, tanpa kegagalan kita tidak akan berjaya, tanpa melalui proses jerit tangis kita menghadapi cabaran-cabaran hidup, seseorang usahawan itu tidak akan berjaya. Maka di samping itu juga adalah elok institusi kewangan mengubah polisi pinjaman mereka supaya kita lebih kepada perkara-perkara yang lebih praktikal supaya usahawan yang telah mempunyai pengalaman ini bukan kerana faktor luaran seperti kemelesetan ekonomi umpamanya dan sebagainya menjadi mangsanya ialah usahawan bumiputera kita sendiri. Membangunkan usahawan bumiputera ertinya kita membangunkan negara ertinya kita memenuhi tuntutan rancangan yang kita cadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat bahawa sebahagian besar daripada aspek kegagalan bumiputera ialah masalah latihan kepada mereka. Latihan walaupun kita sudah nampak beberapa kementerian menyediakan banyak latihan terutama sekali Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya dan banyak akademi yang ditubuhkan yang berlandaskan kepada sektor-sektor, kepada usahawan bumiputera tetapi cara penyediaan latihan haruslah dibuat secara teknikal dengan penuh konsisten dan kalau boleh adalah elok supaya kementerian-kementerian dan agensi kerajaan dan swasta dapat bergabung supaya dapat kita menubuhkan sebuah akademi usahawan bumiputera semata-mata untuk menyediakan latihan secara komprehensif, tersusun dan rapi supaya kita dapat memantau pembangunan usahawan ini.

Kegagalan seseorang usahawan akhirnya akan menyediakan atau merugikan bukan sahaja usahawan itu sendiri tetapi kos kepada kerajaan. Dan kos ini sebenarnya dari segi jangka panjangnya akan merugikan pengalaman membangunkan negara kita sendiri dan akhirnya matlamat yang kita sasarkan ini tidak akan dapat kita rasai ataupun dapat kita penuhi di akhir daripada rancangan yang kita telah sediakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap juga apabila DEB dicetuskan ideanya oleh kerajaan ianya digarap bersama oleh pegawai-pegawai kerajaan. Pembangunan, usaha dan semangat pegawai-pegawai kerajaan bukan lagi menerima mandat ketika itu tetapi pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi pelaksana kepada agensi kerajaan ini menjadikan dasar ini sebagai amanah kepada mereka. Sebab itulah kita melihat DEB pada peringkat awalnya kita melihat pelaksana-pelaksana dasar di peringkat kerajaan dapat berjalan bersungguh-sungguh. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat memberi peluang kepada pegawai-pegawai kerajaan dapat memahami konsep rancangan ini dengan secara lebih bersepadu supaya mereka ini bukan sahaja menerima mandat sebagai tugas dan tanggungjawab dan sebaik-baiknya mereka ini menerima amanah ini supaya kakitangan kerajaan ini bukan sahaja menjadi katalis yang baik tetapi ia menjadi aset yang berguna kepada memenuhi tuntutan objektif rancangan jangka panjang ini.

Saya bersetuju dengan pandangan beberapa kawan, bukan pegawai-pegawai kerajaan dalam Dewan tetapi ada pegawai-pegawai kanan kerajaan kita apakah mereka telah memenuhi tugas dan amanah. Bagaimanakah mereka hendak menterjemahkan dasar yang begini berat untuk membangunkan negara dan apakah mereka ini akan menjadi role model kepada kakitangan-kakitangan bawahan mereka. Jadi kakitangan-kakitangan kerajaan di peringkat tertinggi kalau boleh tidak meletakkan imej golf umpamanya, imej yang lebih tinggi, imej korporat dan sebagainya. Tetapi kita mahu mereka dapat menterjemahkan apa juga dasar yang kita sama-sama rancangkan ini kerana akhirnya matlamat kejayaan adalah banyak bergantung kepada kesungguhan, amanah dan juga kebijaksanaan pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan di peringkat bawah berkemungkinan akan melihat bos-bos mereka dan kalau ini dapat kita ubahkan melalui usaha-usaha dan kefahaman yang lebih serius oleh kerajaan supaya pencapaian kita ke arah memenuhi tuntutan objektif ini dapat kita banggakan ataupun dapat kita rasa sebagai sesuatu yang baik untuk semua pihak.

Pegawai-pegawai kerajaan yang membangunkan usahawan bumiputera umpamanya mungkin mereka tidak akan kaya tetapi dia akan melihat sasaran ataupun usaha mereka untuk memperlekas dan mempercepatkan kelulusan dan sebagainya untuk membantu bumiputera. Maka ianya harus dijadikan satu daripada budaya kita sama ada budaya di peringkat usahawan kita sendiri ianya juga adalah

perlu supaya ianya menjadi budaya baru dalam pegawai-pegawai kerajaan kita memenuhi tuntutan dasar ini.

Saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya kita lebih serius kerana kita banyak membicarakan masalah bumiputera sama ada berjaya atau gagal tetapi kaunter pembangunan bumiputera, contoh di JKR, dulunya ada kaunter bumiputera apakah sekarang telah ditutup. Jadi, saya meminta supaya kerajaan dalam mempergiatkan, mempersungguhkan lagi usaha supaya tiap-tiap kementerian dan jabatan kerajaan yang mempunyai hubung kait dengan pembangunan usahawan bumiputera ini supaya menyediakan kaunter pembangunan bumiputera supaya dari masa ke semasa kita dapat menyelesaikan masalah. Kalau tidak, ramai di antara usahawan-usahawan bumiputera yang berkecimpung secara serius akan menghadapi permasalahan yang besar untuk memajukan mereka apabila bertemu dengan permasalahan dari masa ke semasa.

Ada usahawan akan menjadi mangsa kerana perkara ini banyak berlaku red-tapes, dengan izin, kerana kadang-kadang pegawai boleh menyelesaikan masalah ini pegawai yang lebih tinggi tetapi kita kena faham dalam keusahawanan kita perlukan jalinan dan jaringan bukan sahaja di peringkat kita sesama kita tetapi juga di peringkat mengenali pegawai-pegawai yang lebih tinggi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerajaan dapat mengkaji semula apakah kaunter pembangunan usahawan bumiputera ini sesuai ataupun tidak untuk dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang berkaitan dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kerajaan telah memulakan bagaimanakah untuk menggabungkan secara strategik usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Dan kita lihat ianya dilakukan dengan agak perlahan. Ada bukan bumiputera memerlukan pengalaman daripada usahawan bumiputera dan ada usahawan bumiputera memerlukan pengalaman daripada usahawan bukan bumiputera. Selagi kita tahu berapakah jumlah dan kuantiti penyediaan kita untuk menjalinkan gabungan strategik usahawan bumiputera dan bukan bumiputera ini mesti diteruskan dalam sektor-sektor yang memang lemah oleh bumiputera. Jadi pengenalan ataupun kajian berkenaan sektor-sektor ini harus dibuat dengan lebih bersungguh-sungguh oleh kita semua supaya usahawan bumiputera dan usahawan bukan bumiputera dapat menerus dan menjayakan keusahawanan itu sendiri dalam konsep total yang lebih bersungguh-sungguh oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, sektor-sektor strategik lagi yang harus diberi pemikiran baru oleh kita semua ialah setakat ini kita banyak membicarakan masalah pengeluaran usahawan seperti kilang (manufacturing) dan sebagainya. Tetapi akhirnya produk-produk yang dikeluarkan oleh bumiputera menghadapi red-tape yang panjang dan akhirnya mereka gagal. Kalau di peringkat bawah umpamanya, di peringkat daerah dan negeri umpamanya banyak di antara kilang-kilang kecil bumiputera terpaksa ditutup kerana mereka tidak mempunyai rangkaian dan jalinan pemasaran yang lengkap. Jadi saya berharap daripada masyarakat usahawan bumiputera melalui kursus dan sebagainya kalau boleh dan juga oleh kerajaan sendirilah supaya meletakkan satu asas baru selain daripada kita menilai pembangunan keusahawanan ini dalam bentuk production oriented, dengan izin, tetapi kita harus memberi satu pendekatan baru supaya usahawan-usahawan kita menjadi lebih kepada pemasaran supaya kita lebih marketing oriented.

Jadi di sini saya berharap institusi-institusi pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan supaya lebih menumpukan kepada satu reka cipta baru supaya kita lebih berorientasikan kepada pemasaran daripada kita berorientasikan kepada pengeluaran semata-mata kerana kita tahu bahawa pemasaran adalah penting dalam menyudahkan ataupun di dalam membangunkan pengurusan mana-mana organisasi termasuk usahawan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, usahawan bumiputera telah didedahkan dengan banyak usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan juga pihak swasta dan syarikat-syarikat yang lebih besar telah menyediakan banyak program-program pembangunan seperti konsep vendor umpamanya, francais, IKS dan sebagainya. Tetapi sejauh manakah jumlah mereka ini berjaya? Apakah anchor company, dengan izin, seperti yang besar-besar, MAS, Petronas, Telekom, TNB dan lain-lain telah memenuhi tuntutan ini. Dan apakah dia kalangan mereka berjaya sejauh mana dan apakah mereka ini telah gulung tikar kerana polisi-polisi anchor company ini tidak bertepatan dengan konsep francais dan konsep vendor serta pembinaan IKS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya satu proses pemantauan oleh mana-mana mungkin yang saya cadang awal tadi melalui lembaga ataupun akademi dan sebagainya supaya pemantauan kepada usahawan bumiputera melalui francais, vendor, IKS dan sebagainya ini dapat dilihat supaya mereka terus kekal di dalam bidang masing-masing dan akhirnya mereka terus

cemerlang dan membangun sebagaimana kita semua kehendaki. Saya juga mencadangkan kepada kerajaan oleh kerana ekonomi negara kita adalah secara terbuka, jadi saya mencadangkan kepada korporat-korporat bukan bumiputera seperti Genting umpamanya atau mana-mana organisasi yang besar yang telah disenaraikan di papan BSKL dan juga papan-papan lain di peringkat antarabangsa dapat menterjemahkan hasrat dan dasar kerajaan ini supaya memberi latihan kepada usahawan kecil dan sederhana bumiputera.

Sekarang ini oleh kerana banyak di antara korporat-korporat bukan bumiputera terutama Cina mereka lebih selesa menggunakan usahawan kecil dan sederhana Cina. Jadi akhirnya pembangunan keseluruhan kepada usahawan bukan bumiputera tidak akan tercapai. Saya rasa bukan bumiputera yang telah berjaya amat gembira sekiranya kerajaan dapat membuat satu dasar baru bekerja sama bagaimanakah usahawan kecil dan sederhana bumiputera ini dapat bersama-sama membangunkan organisasi yang besar dimiliki oleh bukan bumiputera. Saya rasa satu pendekatan baru harus dilakukan oleh kerajaan dan kita rasa usaha sama ini secara besar kecil ini harus kita lihat sebagai satu budaya baru dalam pembinaan pembangunan usahawan bukan sahaja di peringkat bumiputera tetapi juga di peringkat bukan bumiputera kerana bumiputera harus belajar daripada kelebihan-kelebihan dan keutamaan-keutamaan yang telah ada pada bukan bumiputera sebagai rakan kita dalam membangunkan usahawan keseluruhan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semua ini harus dinilai dalam bentuk yang lebih bersepadu. Sekarang ini kita percaya bahawa kerajaan telah bersungguh-sungguh membangunkan walaupun berlaku proses koordinasi di antara agensi kerajaan dan beberapa kementerian-kementerian tetapi ia harus disepadukan. Jadi siapakah hendak nilai sebenarnya usahawan kita. Kalau berlaku kegagalan bumiputera kita nampak semua, ada menteri, ada pegawai kerajaan dan sebagainya menyalahkan seratus peratus kepada bumiputera itu sendiri. Tetapi siapakah sebenarnya hendak membuat penilaian kepada kejayaan usahawan-usahawan kita sama ada bumiputera atau bukan bumiputera.

Saya mencadangkan kepada kerajaan dalam rancangan ini supaya dalam bentuk apa juga sekalipun supaya kerajaan dapat menubuhkan satu lembaga ataupun satu jabatan kerajaan di dalam mana-mana kementerian yang sesuai supaya dalam bentuk memberi piawaian ataupun standard kerana sekarang ini apakah kejayaan usahawan bumiputera ataupun bukan bumiputera. Biasanya kita

melihat dari segi pembangunan fizikal semata-mata pejabat yang baik, organisasi yang besar seperti daripada motosikal mungkin berkereta besar dan sebagainya, dari segi imejnya inilah yang dikatakan berjaya. Tetapi hakikat kepada pembangunan usahawan bukanlah kejayaan kebendaan semata-mata. Ia sebenarnya bermula daripada minda dan kekuatan fikiran sanggup menghadapi cabaran, itulah sebenarnya kejayaan mana-mana usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Lembaga Piawaian Pembangunan Usahawan Malaysia diwujudkan oleh kerajaan supaya kita dapat memberi fokus bagaimanakah hendak membuat garis pandu supaya usahawan kita ada dia punya tahap-tahap standard dan sebagainya. Jadi piawaian ini diharapkan dapat membantu agensi-agensi kerajaan lain dan usahawan itu sendiri setakat manakah mereka ini sebenarnya berjaya. Kalau kita melihat dari segi korporatnya apakah penjualan saham Tan Sri Tajudin kepada kerajaan balik sebagai satu kejayaan ataupun kegagalan. Tetapi oleh kerana ini adalah seorang usahawan korporat yang besar mungkin kita tidak melihat ini sebagai kegagalan individu berkenaan. Tetapi seorang usahawan kecil yang berniaga buah di tepi jalan umpamanya apabila ditutup perniagaan apakah beliau merupakan satu usahawan yang gagal. Apakah seorang penjual kacang yang dulunya berbasikal, selepas itu mempunyai rangkaian van dan sebagainya berselerak di seluruh daerah masing-masing apakah ini dinamakan seorang usahawan bumiputera yang telah berjaya yang telah dapat merubah dan berlaku anjakan dalam kehidupannya membentuk dan mempertahankan organisasinya.

Tuan Zainal bin Rampak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Jadi kita berharap lembaga ini akan menjadi penting kepada jangka masa panjang untuk kepentingan usahawan bumiputera kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak minta laluan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Oh, sorry ya, tidak nampak.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput, Yang Berhormat

Tuan Zainal bin Rampak: Sebab saya di belakang Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersimpatilah dengan apa yang telah dijelaskan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Dalam usaha-usaha kita untuk mempertingkatkan kalangan bumiputera dalam dunia perniagaan. Saya ingat barangkali bukan sahaja kerajaan boleh menubuhkan institusi ataupun badan-badan khusus untuk melatih kalangan bumiputera untuk menjadi usahawan yang maju, tetapi yang paling penting, Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat bersetuju dengan saya iaitu dedikasi kalangan usahawan-usahawan bumiputera itu sendiri untuk memperlihat, menceburkan diri dan juga mengambil inisiatif. Kita tidak seharusnya semata-mata bersandarkan usaha-usaha yang harus dilakukan oleh kerajaan. Oleh kerana usaha-usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menolong di kalangan bumiputera. Tetapi yang paling penting saya jangka, saya fikirlah, dedikasi di kalangan usahawan bumiputera itu sendiri untuk mempertingkat dan memperlihatkan kecemerlangan mereka.

Saya ingin mencadangkan di kalangan usahawan bumiputera supaya mereka ini mempelajari daripada kalangan syarikat-syarikat multi-national enterprise atau syarikat gergasi besar di dunia yang telah berjaya.

Di kalangan mereka ini, umpamanya, Bill Gates, seorang usahawan dari awal lagi memang tidak mempunyai pelajaran tinggi tetapi kerana sikap dedikasi beliau menjadikan beliau begitu berjaya dan menjadi orang yang terkaya dalam dunia. Ini satu perbandingan. Saya ingat barangkali usahawan bumiputera haruslah lebih banyak membaca dan mempunyai dedikasi, mengambil masa yang begitu panjang untuk mempertingkatkan syarikat-syarikat mereka. Itu cadangan daripada saya.

Yang keduanya, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini sudah lebih dua, tiga rasa saya sudah.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang ketiganya ialah soal saya ingat kalangan usahawan kita harus – sepertimana kita lihat seperti Yang Berhormat Tun Daim sewaktu beliau – saya kenal beliau daripada seorang peguam dan menceburkan diri terutama sekali dalam usahawan mendirikan Gudang Garam di Kuala Selangor, jatuh bankrap tetapi beliau turut berdedikasi, terus berusaha sehingga beliau berjaya dalam perniagaan mereka.

Kenapa kita tidak mempelajari daripada apa yang berlaku di masa-masa lepas? Kalau kita dapat mempelajari, saya yakin bukan sahaja usaha kerajaan akan dapat menolong mereka tetapi mereka dapat menolong diri sendiri dan kita akan

berjaya dan akhirnya rancangan pembangunan negara untuk menjadikan orang-orang bumiputera 30% maju dalam ekonomi, bukan sahaja 30% malahan kita dapat mencapai ke tahap lebih daripada 50% satu hari kelak. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya akan pergi kepada usahawan bumiputera itu sendiri di akhir nanti. Jadi, saya akan cuba mengolah sedikit sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mencadangkan beberapa program baru ini, kita berharap juga kita mengenal pasti beberapa lagi sektor strategik dengan tidak melupakan sektor yang strategik tetapi tidak dirangsangkan dalam pembinaan pembangunan usahawan seperti pertanian dan penyediaan makanan. Kita tahu kita import makanan lebih daripada RM10 bilion setahun. Jadi, saya rasa kerajaan juga harus menggerakkan usahawan tani ini, bagaimanakah kita hendak majukan mereka selain daripada untuk memenuhi dan mengurangkan pertukaran wang asing kita di peringkat antarabangsa.

Jadi, ada program-program yang berorientasikan herba, umpamanya. Kalau kita tengok beberapa hari lalu, Timbalan Menteri Pertanian menyatakan hampir keseluruhan herba kita telah mendapat pasaran yang meluas untuk membuat air wangi, umpamanya. Apakah kita telah ada kilang air wangi yang sesuai? Kalau tidak, dari segi *brand*nya Tuan Yang di-Pertua, satu pun air wangi buatan negara kita, saya belum rasa tertarik. Yang lain semua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, air wangi kah minyak wangi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Minyak wangi tetapi orang Terengganu panggil air wangi, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Air wangi itu, kata dia. Tidak apa, saya akan cuba bakukan bahasa saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi sektor-sektor yang lebih strategik dan bukan strategik tetapi penting untuk pembangunan negara harus dilihat secara keseluruhannya. Kia berharap penyediaan kita di peringkat kementerian dan beberapa organisasi yang saya cadangkan tadi, kalau dapat kita gabungkan, dapat kita sepadukan, insya-Allah, walaupun kita akan banyak menemui cabaran dan permasalahan tetapi berkemungkinan kita akan dapat memenuhi tuntutan pencapaian matlamat minimum 30% itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada akhirnya, kerana kita tahu dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional sudah tidak dapat dipersalahkan lagi, terutama sekali dalam penyediaan ekuiti kepada bumiputera. Dari segi dasarnya kita telah lihat bermula daripada DEB, DPN dan apatah lagi dalam RRJP ini, saya berkeyakinan penuh inilah pendekatan ataupun penyediaan rancangan yang amat baik untuk dilaksanakan oleh negara kita tetapi yang menjadi permasalahannya ialah sejauh mana kita boleh memenuhi dari segi pelaksanaannya.

Jadi, kalau berkaitan dengan pembangunan usahawan bumiputera, kita pun tahu bahawa usahawan bumiputera dinilai dalam imejnya di negara kita sebagai kumpulan kelas kedua. Ini imej yang berlaku tetapi kita telah tahu ramai di antara bumiputera yang telah berjaya. Kalau kontraktor, kontraktor kelas kedua. Kalau usahawan kecil, usahawan kecil di taraf yang kedua. Kalau usahawan sederhana kelas kedua, kalau usahawan besar pun kelas kedua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya 100% pandangan sahabat saya Yang Berhormat akhirnya kejayaan bumiputera itu bergantung kepada bumiputera itu sendiri. Kalau kita hendak bercakap masalah dana, pelbagai dana telah disediakan. Kalau kita hendak bercakap masalah peluang (opportunity) dan sebagainya, pelbagai peluang telah disediakan, bukan sahaja oleh kerajaan dan swasta, kerana kita tahu bahawa iklim ekonomi negara kita memang memberi ruang yang begitu luas kepada mana-mana usahawan termasuk bumiputera untuk menempatkan mereka menjadi usahawan yang berjaya.

Saya bersetuju perkataan dedikasi ataupun tanggungjawab yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai satu daripada asas penting, apakah usahawan bumiputera akan menjadi kumpulan masyarakat yang bertanggungjawab ataupun dalam bentuk bahasa sayanya, apakah usahawan bumiputera itu telah memenuhi tuntutan jati diri mereka sebagai usahawan dan apakah dalam proses pembangunan mereka itu, ianya harus dilakukan dengan berani, cekal, bijaksana, apatah lagi dengan penuh tanggungjawab sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi.

Jadi, anjakan paradigma dan sikap bumiputera harus bersedia untuk berubah terus. Apakah kita sanggup lebih berusaha? Apakah kita tidak menyalahkan kerajaan semata-mata dan orang lain di sekeliling kita apabila kita menghadapi kebuntuan dan kejatuhan perniagaan? Apakah apabila kita gagal, ianya akan mengakhiri karier kita sebagai usahawan? Dan ketiganya, apakah kita bersikap positif di dalam iklim perdagangan yang begini bebas untuk meletakkan diri mereka

seiring dengan orang lain? Apakah kita lebih terbuka dan membina rangkaian dengan rakan-rakan yang lain dari bangsa-bangsa yang lain ataupun di peringkat antarabangsa? Apakah kita lebih jujur dalam urusan perniagaan dan kehidupan kita sehari-hari dan lain-lain sikap positif yang saya rasa banyak dalam buku-buku dan kursus-kursus motivasi dan sebagainya.

Rumusannya Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah tidak berapa setuju saya berucap panjang sangat kerana...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, teruskan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: ...bermula hari Khamis

Tuan Yang di-Pertua: Belum ada tanda-tanda tidak setuju.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tidak ada. Saya melihat daripada kedudukan ekor mata Tuan Yang di-Pertua itu. Saya sudah hendak rumus, sudah hampir satu jam, hari Khamis lepas pun sudah lebih daripada setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kejayaan DEB dan DPN serta mengetahui segala kelemahan kita, kita berharap RRJP3 ini akan menjadi lebih kukuh, bukan di peringkat dasar tetapi juga di peringkat pelaksanaannya. Kita berharap RRJP3 akan menjadi pegangan perjuangan kita, bukan sahaja di peringkat politiknya tetapi juga di peringkat pelaksanaannya iaitu pegawai-pegawai kerajaan supaya ianya akan menjadi rakyat Malaysia dan berharap rakyat Malaysia akan lebih bersedia menghadapi alaf ini kerana kita tahu bahawa RRJP bukan lagi sebagai satu daripada tindakan ataupun dasar biasa tetapi ia harus diletakkan sebagai tonggak bangsa Malaysia yang bertamadun dengan mengisi jati diri sebagaimana saya katakan tadi, berasaskan kepada kekayaan harta benda belum cukup syaratnya, Tuan Yang di-Pertua, ia harus ditunjangi dan dikawal dengan prinsip akhlak dan iman sebagaimana dikehendaki oleh agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan kekayaan material dan kebendaan ini mesti berlandaskan kepada kekayaan keperibadian yang total, iman yang teguh, hati budi yang tinggi, minda serta akal yang bijaksana dan ilmu yang canggih bagi mencapai satu tamadun yang tinggi dan madani.

Tuan Yang di-Pertua, melalui RRJP3 ini menuntut seluruh rakyat Malaysia bangun dan bangkit sebagai satu kesedaran baru, bukan meletakkan kekayaan harta benda semata-mata tetapi keperibadian diri, keperibadian dengan ciri dan penjaan sifat-sifat dan sikap yang rajin, teliti, ikhlas, jujur dan sebagainya sebagai mengisi mengikut acuan kita, mengikut suasana yang dikehendaki oleh rancangan ini sendiri.

Tanpa pengisian jati diri ini, saya tidak yakin kita akan dapat menjayakan rancangan ini dan kita kena ingatlah bahawa dalam tamadun yang tinggi, kita baru sahaja memulakan dan kita berharap kawan kita daripada parti pembangkang terutama sekali PAS, DAP dan juga Keadilan yang tidak menyertai MAPEN2 yang menyediakan kertas ini, dapat membahaskan dengan lebih baik. Mereka harus menjadi pemerintah minoriti yang bertanggungjawab. Walaupun mereka dikatakan pembangkang tetapi hampir keseluruhan pemimpin-pemimpin ini hanya mengkritik dari satu sehingga akhir tetapi akhirnya tidak ada natijah untuk dapat dilaksanakan ataupun diambil iktibar secara baik-baik.

Mereka menggunakan propaganda dan isu yang anti semata-mata tanpa meletakkan diri mereka bertanggungjawab sebagai seorang daripada pemimpin pemerintah minoriti di negara kita. Saya berharap satu pakatan baru dapat dilaksanakan dan sikap terbuka pemimpin-pemimpin politik yang pembangkang ini dapat menyedarkan mereka bahawa kegagalan negara banyak bergantung kepada sejauh manakah kita membentuk keadilan dan membentuk keazaman dan apa yang penting ialah iklim keharmonian di negara kita.

Jadi, saya berharap pemimpin politik pembangkang tidak menjadi pengkritik semata-mata tetapi menjadi pembantu kepada usaha-usaha kerajaan, walaupun kita berlainan pendapat tetapi kita mesti mempunyai persamaan untuk membangunkan negara kita.

Dengan kata-kata itu, saya ucapkan terima kasih daun keladi kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan kerana sanggup menunggu ucapan saya yang agak panjang. Terima kasih. Saya turut menyokong RRJP3 ini, semoga berjaya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

12.03 tgh.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya buat pertama kali dalam membahaskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga Malaysia yang telah diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Khamis yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami, MTUC dan kaum pekerja negara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah campur tangan untuk menyelesaikan isu piket yang dirancangan oleh kongres

MTUC pada 12 Mei yang lepas dengan menyatakan dengan secara bertulis bahawa kerajaan bersetuju terhadap persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh MTUC, memperbaiki lagi perjalanan kewangan KWSP dan mengkaji semula isu anuiti skim yang dirancangkan di mana Perdana Menteri sendiri mencadangkan supaya perjalanan atau pelaksanaan anuiti skim itu ditangguhkan sehingga satu kajian dibuat.

Begitu juga Perdana Menteri sendiri mencadangkan supaya pembayaran kematian kurang upaya dikembalikan semula kepada asal iaitu daripada RM1 ribu kepada RM30 ribu, bukan kepada kaedah yang sekarang iaitu RM2 ribu dan juga ketelusan good governance, dengan izin, bagi pihak KWSP memberi pinjaman kepada pihak-pihak yang berkenaan ingin memohon wang pinjaman KWSP

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha yang diambil oleh Perdana Menteri dan akan kita kaji dan akan dibuat penyelesaian dan melaksanakan secepat mungkin dan perbincangan-perbincangan sedang diambil dan dibuat dengan pihak pengurusan KWSP dan juga Kementerian Kewangan supaya perkara-perkara yang berlaku di masa-masa yang lepas tidak berulang lagi. Ini terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, dari ketelusan di mana terdapat beberapa syarikat-syarikat kalau sekiranya mereka gagal meminjam wang daripada bank mereka mencari KWSP untuk mendapatkan pinjaman. Ini adalah kerana pinjaman dengan KWSP boleh digunakan dengan cagaran saham mereka. Jadi, perkara sedemikian berlaku, di mana kami mahu memastikan perkara sedemikian tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 kerajaan telah menggariskan beberapa perancangan yang saya jangka segala apa yang dirancangkan oleh kerajaan begitu baik sekali. Perancangan yang sedemikian merupakan satu matlamat tepat, matlamat jangka panjang yang membawa kemakmuran kepada negara. Persoalan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah dasar-dasar ini akan dapat dilaksanakan dengan segera. Kerajaan boleh merancang, boleh membuat pelbagai rancangan untuk kepentingan negara dan rakyat negara kita tetapi yang pasti kepada kita ialah soal pelaksanaan. Apakah pelaksanaan ini akan dapat dilaksanakan.

Seperti mana masa yang lepas Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita telah membuat pelbagai rancangan sehingga ia mendapat sanjungan daripada kerajaan-kerajaan negara-negara membangun di seluruh dunia. Tetapi masalah yang timbul

dalam negara kita ialah seperti mana kata Yang Berhormat Tuan Rosli tadi bahawa persoalannya ialah pelaksanaan yang harus dilaksanakan oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Saya mendapati di masa-masa yang lepas, perancangan-perancangan demikian selalunya tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Saya kira jika sekiranya keadaan sedemikian terus wujud, Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang dirancang oleh kerajaan ianya tidak akan mendapat kejayaan.

Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan terutama sekali saya mencadangkan supaya satu post-mortem, kajian dibuat rancangan yang lepas, dari satu kementerian ke satu kementerian berapa jauh kah kemajuan yang telah diperolehi. Terlaksanakah rancangan-rancangan yang telah dirancang oleh kerajaan, kerana dari post-mortem ini kita dapat mengkaji kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam kementerian-kementerian yang berkenaan.

Oleh kerana kadangkala rakyat menyalahkan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dari pengalaman saya kerajaan tidak harus dipersalahkan kesemuanya tetapi yang dipersalahkan ialah kakitangan awam di peringkat atasan yang melaksanakan rancangan ini, bukan peringkat yang bawah, saya tidak menyalahkan pegawai-pegawai yang bawahan tetapi mereka yang menjadi penggerak yang menggerakkan rancangan-rancangan kerajaan. Kalangan dari mereka ini tidak begitu dedikasi, tidak begitu rela sama sekali untuk melaksanakan. Mereka menjalankan tugas dengan sambil lewa, soal dedikasi tidak wujud di kalangan mereka.

Jadi post-mortem yang saya jalankan ini akan dapat mengkaji semula sama ada pegawai yang berkenaan benar-benar berkelayakan, mampu untuk menjawat tanggungjawab yang demikian atau mereka ini di*transfer*, ditukar kepada tempat yang lain jika mereka tidak mempunyai keyakinan, tidak sanggup berkorban, tidak ada dedikasi untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang telah disusun oleh kerajaan kerana kegagalannya akan menyebabkan kritik-kritik selalu dibuat oleh rakyat jelata dan juga pihak-pihak yang tertentu.

Jadi, post-mortem yang saya cadangkan ini amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita dapat meninjau keadaan-keadaan dan perancangan-perancangan yang telah dijalankan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu persoalan kepada kita semua, soalnya ialah soal corruption, dengan izin, yang berlaku dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, corruption akan melemahkan sebuah kerajaan. Saya ingin membawa satu perhatian, Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Dewan saya ingat barangkali mendapat budget daripada kerajaan sebanyak RM100,000 dalam satu penggal untuk tiga tahun. Pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, begitu pahit sekali, bila mana saya memohon untuk mendapatkan kelulusan sebanyak RM50,000 untuk membeli reference books, dengan izin, the law books, undang-undang buruh dan sebagainya untuk kutubkhanah MTUC dan saya telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri membolehkan saya membeli buku sejumlah sedemikian rupa.

Seorang pegawai kerajaan yang bertanggungjawab sewaktu saya tidak berada di negara ini menghadiri persidangan ILO di Geneva datang berjumpa seorang pegawai MTUC menyatakan permohonan Yang Berhormat telah diluluskan sebanyak RM50,000, katanya kita boleh berbincang dan kita boleh membeli buku sebanyak RM30,000 dan RM20,000 lagi kita boleh share di antara kita berdua. Pegawai saya menyatakan 'this is impossible' katanya, dengan izin, saya tidak sanggup untuk berbuat demikian kerana ini adalah belanjawan yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat balik.

Bila mana saya balik, saya berjumpa dengan pegawai yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa dengan beliau dan beliau menyatakan, "Yang Berhormat, sebenarnya silap, bukan RM50,000; apa yang diluluskan ialah sebanyak RM5,000", tetapi saya cakap saya mempunyai surat daripada Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan dengan jelas RM50,000 - satu kosong pun tidak hilang, kenapa sekarang RM5,000. Katanya dasar telah ditukar, sekarang ini hanya RM5,000 sahaja. Kalau begitu saya nyatakan simpan dahulu, saya akan bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri adakah benar.

Selepas itu saya menghubungi pegawai Jabatan Perdana Menteri, pegawai yang berkenaan menyatakan, "Tidak Yang Berhormat, memang jelas RM50,000, tidak silap". Kemudian saya menghubungi kembali, dan beliau berkata mereka akan menghubungi Jabatan Kerajaan Negeri Selangor, Sekretariat Negeri Selangor untuk memastikan bahawa RM50,000 yang diluluskan tidak silap dan tidak ada perubahan dasar kerajaan membenarkan RM5,000 sahaja. Saya menemui kembali

pegawai yang berkenaan, beliau menyatakan Yang Berhormat silap, sebenarnya tersilap taip, sebenarnya RM50,000 betul, bukan RM5,000.

Jadi, kalau begini saya kata, bagaimana kalau ini sudah benar saya memohon supaya diluluskan. Beliau berkata, "Yang Berhormat bolehlah menghubungi mana-mana kedai-kedai buku untuk mendapatkan buku-buku yang dikehendaki" dan beliau berkata "kedai-kedai buku Yang Berhormat beli ialah kedai-kedai buku yang disenaraikan, diwartakan oleh pihak Kementerian Kewangan". Pegawai saya menghubungi sebuah syarikat dan dalam perbincangan tersebut pegawai syarikat yang berkenaan menyatakan "Yang Berhormat boleh tetapi katanya cuma kami mahu 20% komisyen daripada RM50,000." Saya nyatakan bila mana pegawai tersebut menghubungi saya, saya menyatakan satu sen pun saya tidak mahu beri. RM50,000 charges tetap RM50,000.

Jadi, saya menghubungi semula pegawai Jabatan Perdana Menteri dan saya menyatakan saya ini budget saya diluluskan seolah-olah macam bola, ditendang sana, di tendang sini, masing-masing hendak potong minta komisyen dan sebagainya. Saya menyatakan saya hanya memberi masa hanya seminggu untuk pegawai Jabatan Perdana Menteri menyelesaikan perkara ini, kalau tidak saya akan report kepada ACA. Tidak sampai pun 24 jam saya menerima telefon yang mengatakan, "Yang Berhormat, ini dari Kerajaan Negeri Selangor, Pengarah Kemajuan Negeri Selangor menyatakan bahawa budget Yang Berhormat RM50,000 tetap diluluskan, saya sendiri mengambil alih atas kelulusan tersebut, Yang Berhormat boleh membeli buku yang berkenaan dan hantar bil kepada kami dan kami akan membayar dengan serta merta."

Jadi, inilah perkara yang berlaku dalam negara kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soal corruption Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku saya ingat di kalangan rakyat jelata tambahan mereka boleh lakukan orang seperti saya atau rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, corruption adalah merupakan satu perkara yang harus kita perangi habis-habisan bagi memastikan bahawa nama kerajaan tidak menjadi persoalan. Kalau sekiranya berlaku keadaan sedemikian, mereka tidak menyatakan pegawai kerajaan tetapi mereka menyalahkan kerajaan. Kerajaan itu siapa, kerajaan itu kepada pemimpin negara sendiri. Ini yang berlaku dalam negara kita.

Jadi, kita harus bertindak secara berkesan, Yang Berhormat. Kita berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya Ketua Pengarah Anti Corruption Agency menangani

perkara ini. Kami bagi pihak kesatuan sekerja sentiasa memberi sokongan supaya keadaan sedemikian tidak berlaku dan harap dihapuskan kalau boleh corruption ini dalam masyarakat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pertanian, saya hendak bercakap dua, tiga perkara oleh kerana banyak perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain. Dalam soal pertanian, saya telah menjelaskan di masa yang lepas iaitu sektor pertanian adalah satu sektor yang paling penting dalam negara kita. Usaha-usaha harus dilakukan oleh Kementerian Pertanian walaupun pada satu ketika dahulu saya melihat Menteri Pertanian begitu gigih untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara. Saya hendak membangkitkan satu soal, iaitu soal pengeluaran beras negara. Hari ini kita terpaksa import, membawa masuk beras dari luar negeri, sedangkan banyak tanah yang terbiar dalam negara kita. Seperti di Tanjong Karang pada satu ketika dahulu merupakan satu kawasan pengeluaran beras negara yang penting dalam negara kita. Hari ini kita tidak mendengar lagi pengeluaran beras dari Tanjong Karang begitu hebat. Walaupun ada, ia adalah cara kecil-kecilan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat beras-beras dikeluarkan oleh negara-negara bukan makanan beras sebagai makanan utama, seperti Amerika, mengeluarkan beras yang paling bermutu tinggi untuk dipasarkan. Mengapa mereka melakukan sedemikian. Mengapa tidak kita sebagai negara iklim yang mempunyai hujan yang begitu banyak, tanah yang begitu subur, mengapa usaha-usaha tidak kita lakukan untuk mengeluarkan beras sebagai pengeluaran negara kita untuk cukup dimakan di negara kita.

Jadi, ini satu perkara yang harus dititikberatkan oleh kerajaan bagi memastikan kita tidak harus mengimport beras-beras dari luar negeri, tetapi memperbanyakkan lagi beras dalam pengeluaran negara. Ini satu perkara yang harus dititikberatkan oleh Kementerian Pertanian.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal kalangan bumiputera. Yang Berhormat Tuan Haji Rosli telah banyak menitikberatkan soal isu-isu kalangan bumiputera menceburkan diri dalam lapangan perniagaan di negara kita ini. Saya ingin untuk menegur kalangan bumiputera negara kita ini. Walaupun kerajaan memberikan beberapa keistimewaan, beberapa privilege di kalangan bumiputera, tetapi kalangan bumiputera kita kadangkala mereka ini tidak humble, dengan izin, ataupun dengan lain perkataan, merendah diri. Kita melihat kadangkala apabila

mereka menjadi orang korporat, mereka begitu menunjukkan 'hidung yang tinggi', bersikap lebih menyombong bila menjadi corporate figures. Mereka tidak humble.

Kalau kita lihat kalangan bangsa-bangsa lain - saya ini subcriticism. Kadangkala mereka ini maju, saya ingin melihat mereka ini maju. Tetapi kita lihat kadangkala mereka ini bila jadi ahli perniagaan, ahli korporat, mereka telah menunjukkan sikap yang begitu meninggi diri dengan pakaian yang begitu mahal. Saya tidak jealous mereka pakai begitu mahal, motokar besar dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat bangsa lain walau begitu kaya, bukan sahaja million naire tetapi billionaire, tetapi kalau kita melihat mereka ini begitu humble, begitu merendahkan diri, tidak menunjukkan sangat mereka sebagai seorang korporat yang maju dan sebagainya.

Ini satu sikap yang harus diperbaiki. Kita tidak harus menonjolkan diri kita seorang corporate figures yang mempunyai perniagaan yang besar dan sebagainya. Akhirnya satu hari kelak kita melihat mereka telah jatuh bankrap dan sebagainya. Tetapi yang penting bagi mereka ialah berdedikasi, bekerja keras, humble, rendahkan diri dan membuat perniagaan dengan baik, membawa keuntungan sehingga berjaya, dan kita ingin melihat mereka ini menjadi seorang korporat yang setanding atau setaraf dengan antarabangsa. Itu satu aspek.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kawan-kawan kita di Negeri Sembilan gelarkan jenis ini 'bior papo asal begayo'. *[Ketawa]*

Tuan Zainal bin Rampak: Itulah Tuan Yang di-Pertua, memang betul, saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, seorang rakan saya daripada Ghana, Ahli Lembaga Pengarah ILO. Dia Setiausaha Agung Ghana Trade Union Congress. Saya memang rapat dengan beliau. Saya tahu Kerajaan Malaysia juga rapat dengan negara Ghana. Ramai peniaga kita, investment kita pergi ke Ghana, umpamanya Telekom. Mula-mula dahulu kalau orang putih datang ke negara kita ini berniaga menjadi seorang usahawan, jadi CO sebuah syarikat, mereka begitu sombong dan memandang rendah rakyat negara kita. Saya berpengalaman 40 tahun dalam kesatuan sekerja terpaksa berlawan dengan mereka, bertentangan dengan mereka. Pada peringkat awal 1960-an dan 1970-an selalu mogok, piket di sana-sini kerana sikap angkuh yang ditunjukkan oleh orang-orang colonial, orang-orang luar negeri terhadap rakyat pekerja negara kita.

Sekarang pula saya mendengar orang-orang korporat kita yang berhijrah untuk berniaga di luar negeri, di Ghana umpamanya. Saya berasa malu, Tuan Yang di-Pertua, rakan saya daripada Ghana mengatakan bahawa seorang pegawai Syarikat Telekom negara kita menjadi CO di Ghana. Waktu beliau menunggu drivernya datang mengambil beliau, terlewat sedikit dan mereka masuk ke dalam motokar dan bertanya mengapa lambat dan menggunakan perkataan yang kasar dan meludah ke muka driver itu dalam kereta tersebut. Orang Ghana ini membuat laporan kepada Kementerian Dalam Negeri dan akhirnya pegawai yang berkenaan diminta keluar daripada Ghana dalam masa 24 jam.

Ini satu perkara yang tidak harus berlaku. Itu sebab saya mengatakan kita tidak harus bersikap meninggikan diri, menonjolkan diri kita. Kita hendaklah bersikap lemah-lembut, humble dan menunjukkan satu sikap yang baik. Yang paling penting perniagaan kita harus maju. Kita harus disanjung tinggi seperti mana hemah yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri sendiri. Bila mana beliau berucap di luar negeri, beliau begitu humble. Saya banyak menerima laporan oleh rakan-rakan saya daripada kesatuan sekerja dari luar negeri. Di waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negeri dia begitu humble bercakap atas isu-isu semasa, atau isu-isu ekonomi, atau isu-isu politik. Kenapa kita tidak mempelajari dari pemimpin negara kita.

Saya ingin mengingatkan ahli-ahli korporat ini supaya bersikap sedemikian, tukar sikap dan sebagainya bagi membolehkan mereka berjaya dalam apa juga lapangan. Kalau berada di luar negeri menunjukkan sikap yang baik kerana nama kita dan nama Malaysia sendiri. Saya yakin bukan sahaja ianya berlaku di Ghana, tetapi saya banyak menerima laporan di negara-negara Afrika dan juga negara-negara membangun di rantau Asia Tenggara. Kalangan orang-orang korporat kita sendiri yang bersikap begitu sombong, meninggi diri dan bersikap seolah-olah mereka merupakan neo-colonialism yang datang melabur modal di negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam negara kita kalangan orang-orang usahawan bumiputera sendiri harus bersikap demikian. Kalau mereka dapat menukar sikap mereka dari segi characteristic, dari segi sikap mereka merendahkan diri, mempelajari perniagaan, tidak begitu menonjolkan diri dan sebagainya, saya yakin mereka akan boleh berjaya. Seperti mana kata saya tadi bukan sahaja 30%, tetapi malahan lebih daripada 50% boleh mencapai kejayaan. Saya kira kerajaan

telah menolong banyak kalangan bumiputera. Persoalannya, berapa lama kerajaan harus memberi pertolongan kepada mereka, berapa lama. Adakah selama-lamanya kerajaan harus memberi pertolongan kepada kalangan bumiputera dalam negara kita ini. Itu persoalannya.

Jadi, mereka tidak semestinya bila mana kerajaan memberi pertolongan semestinya mereka diberikan pertolongan setiap masa. Dan bila mana mereka jatuh, kekurangan modal, mereka mencari pinjaman bank. Tak dapat pinjaman bank, mereka nanti mengatakan bank tidak memberi pinjaman. Dan paling senang kepada mereka pergi KWSP, pinjam KWSP dan mencagarkan saham mereka. Tetapi kalangan mereka ini sesetengah dari mereka mempunyai aset yang begitu besar, wang tunai yang begitu tinggi di dalam akaun mereka. Kenapa tidak menggunakan aset yang ada pada mereka, wang tunai yang ada pada mereka. Tetapi mereka tidak mahu menggunakan wang tunai yang ada pada mereka, tetapi mereka sanggup meminjam dari KWSP. Mereka sama sekali tidak mahu menggunakan cash flow yang ada pada akaun mereka untuk meneruskan perniagaan mereka. Ini satu sikap yang buruk yang ditunjukkan oleh mereka.

Walaupun ucapan saya besar kemungkinan akan dikecam oleh mereka, namun demikian, saya sanggup untuk berdepan dengan mereka dan menjelaskan kepada mereka. Oleh kerana ini adalah merupakan satu criticism yang baik untuk mereka kalau sekiranya mereka ingin berusaha dan maju dalam perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal membasmi kemiskinan pergerakan kesatuan sekerja sentiasa ingin melihat rakyat negara kita terutamanya kalangan golongan miskin, kaum pekerja, ekonomi mereka dapat dipertingkatkan. Itulah sebabnya kita sentiasa memohon seperti mana tuntutan gaji, pendapatan mereka ditambah. Dengan ini, kita akan dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat jelata ini. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini saya ingin mengulang kembali tuntutan kita supaya kerajaan dan pihak syarikat swasta menerima cadangan MTUC, iaitu mewujudkan satu gaji minimum sebanyak RM900 sebulan. Kalau ini dapat diwujudkan, saya yakin usaha kerajaan mengurangkan kemiskinan - kita tahu kita tidak dapat menghapuskan kemiskinan sama sekali, tetapi pengurangan kemiskinan dari masa ke semasa dapat dilakukan. Usaha-usaha ini harus diteruskan, dan saya yakin kalau pihak kerajaan dan pihak syarikat swasta menyokong usaha-usaha yang diperkatakan oleh MTUC, saya percaya negara kita akan lebih maju daripada negara-negara lain. Kerana daripada segi pendapatanlah kita akan dapat

meyakinkan kepada rakyat bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada nasib golongan kalangan berpendapatan rendah.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bercerita soal untuk menuntut kenaikan gaji, meninggikan taraf pendapatan kaum pekerja, persoalan yang wujud yang selalunya ditimbulkan oleh kalangan sesetengah syarikat swasta dan juga sesetengah kalangan orang atasan negara ini menyatakan bahawa soal produktiviti, pendapatan kaum pekerja di negara ini tidak selaras dengan pendapatan yang diterima .

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Dato' Seri Rafidah Aziz telah menjelaskan untuk memastikan bahawa produktiviti pekerja negara kita bertambah, beliau telah menjelaskan iaitu pada tahun 1999 produktiviti pekerja negara ini telah meningkat kepada 13.5% lebih kurang. Pada tahun 2000 peningkatan telah bertambah kepada 18.5%. Jadi, maknanya penambahan sebanyak 5% dari segi produktiviti kalangan pekerja negara kita. Apakah ini masih lagi dipertikaikan oleh sesetengah pihak.

Jadi, saya berharap kepada pihak-pihak yang tertentu yang selalu mempertikaikan soal produktiviti pekerja negara kita harus melihat dari satu sudut sumbangan yang telah dilakukan oleh pekerja-pekerja, pengorbanan yang telah dilakukan oleh pekerja-pekerja negara ini bukan sahaja daripada sektor swasta, malahan juga dari kakitangan awam sendiri yang bertungkus-lumus memastikan perkembangan ekonomi, mempertingkatkan produktiviti, menggerakkan jentera kerajaan, menggerakkan industri negara ini supaya negara ini menjadi sebuah negara maju dalam tahun 2020 iaitu newly industrialize country, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta kepada pihak tertentu supaya tidak lama membangkitkan soal bila mana pekerja kakitangan awam ataupun swasta memohon kenaikan gaji tidak lagi mempertikaikan soal produktiviti. Soal produktiviti telah dapat dijelaskan terang oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri bahawa peningkatannya telah bertambah dan peningkatan itu telah meningkat.

Jadi, persoalan sekarang ini ialah soal *return* ataupun dengan izin, pulangan balik pembayaran gaji yang berpatutan, pendapatan-pendapatan berpatutan harus diberikan oleh pihak swasta dan juga kerajaan bagi memastikan pekerja-pekerja negara ini dapat menyara keluarga mereka seperti mana yang telah saya jelaskan di masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu pekerja hanya seorang sahaja bekerja untuk menanggung sebuah keluarga, hari ini kita melihat suami dan isteri juga turut bekerja, sanggup meninggalkan anak di rumah kerana menambah pendapatan mereka pada tiap-tiap bulan.

Jadi, ini harus kita fikirkan pengorbanan yang telah kita lakukan dan tidak semestinya gaji pekerja-pekerja negara ini berasaskan kepada harga pasaran seperti mana yang telah dijelaskan oleh setengah-setengah pihak itu, dengan izin, *a limit to market forces to decide* gaji pekerja-pekerja ini. Ini tidak lagi menjadi persoalan sekarang ini, yang menjadi persoalan ialah apakah sumbangan kita kepada pekerja, tahap pengorbanan yang telah dilakukan oleh pekerja mempertingkatkan ekonomi dalam negara kita.

Jadi, saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan mengkaji soal perkara ini dan tidak mempertikaikannya. Dalam perbincangan kita dengan Perdana Menteri pada tahun lepas beliau telah bersetuju pada hakikatnya untuk memperkenalkan satu gaji minimum tetapi soalnya ialah berapakah jumlahnya? Cadangan ini tidak diterima oleh pihak majikan dalam negara kita, pihak majikan dalam negara kita masih berpegang teguh kepada konsep *market forces to decide*, dengan izin.

Saya ingin memohon kepada pihak majikan negara ini menukar sikap mereka bagi memastikan bahawa kita tidak lagi wujud dalam zaman 60'an, 70'an, 80'an, kita telah masuk ke alaf baru new millennium, dengan izin, dan penukaran harus dilakukan dan pekerja memerlukan satu pendapatan tetap, masa depan yang terjamin untuk mereka, menyara keluarga mereka. Bukan sahaja segelintir 5% rakyat negara kita ini mempunyai pendapatan yang tinggi, menikmati kemewahan pertumbuhan ekonomi negara tetapi seluruh rakyat termasuk kaum pekerja juga harus menikmati kemakmuran dalam negara kita.

Jika ini dapat dilakukan saya percaya kita akan berjaya dalam usaha kita untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kelapan seperti mana yang dirancang oleh kerajaan. Usaha kerajaan Tuan Yang di-Pertua, memang begitu baik, begitu bagus, kerajaan memang sentiasa merancang. Kita melihat tidak seperti negara-negara ASEAN, saya tidak pernah melihat negara-negara ASEAN seperti di Thailand, Philippines, Indonesia ataupun negara-negara membangun di rantau Cambodia, Vietnam, Laos dan sebagainya merancang rancangan sedemikian.

Hanya kerajaan negara kita sahaja membuat perancangan yang sedemikian. Ianya harus diberikan sokongan yang lebih, sokongan yang penuh.

Dalam soal ekonomi Ahli-ahli Yang Berhormat kita tidak harus campur adukkan dengan soal politik dan semua pihak sama ada yang memerintah, yang tidak memerintah harus memberikan sokongan yang penuh supaya perkembangan ekonomi negara kita ini dapat diwujudkan kerana dari kewujudan dan perkembangan ekonomi yang baik, perkembangan ekonomi yang diberikan sama rata, ini akan dapat lebih meyakinkan pelabur asing dan menstabilkan politik dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, atas usaha-usaha ini saya menyokong dengan penuh perancangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang telah diusulkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 17 Mei yang lepas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok.

12.35 tgh.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 17 Mei di Dewan yang mulia ini.

Saya akan menumpukan perbahasan saya hanya kepada tiga perkara iaitu kemiskinan, masyarakat perindustrian dan perniagaan bumiputera dan gender oleh kerana rakan-rakan saya telah pun membincangkan perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP1 telah direka oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan seterusnya memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi di antara kaum, masyarakat dan wilayah. Kemudian RRJP2 yang meliputi tahun 1991 hingga tahun 2000 telah digubal oleh kerajaan untuk merangkumi dasar yang dikenali sebagai Dasar Pembangunan Nasional sebagai kesinambungan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu saya di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah negara Malaysia selama ini.

Dengan wawasan pemimpin-pemimpin kerajaan negara kita telah mencapai kejayaan dan kemajuan di banyak bidang dan peringkat. Di samping itu, perpaduan

di antara kaum yang ada pada masa ini adalah kerana usaha Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin kepada kebajikan dan sosial ekonomi masyarakat yang berbilang keturunan. Perpaduan dan suasana aman damai yang wujud telah memberi kerajaan ruang untuk mengimplementasikan rangka-rangka yang dijadualkan oleh RRJP1 dan RRJP2.

Saya juga mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana teguh dengan pendiriannya untuk membangun infrastruktur-infrastruktur besar berhadapan dengan kritikan-kritikan pembangkang kepada projek-projek ini. Misalnya, jika kerajaan lemah tidak akan negara pada hari ini ada Lebuhraya Selatan dan lebuhraya-lebuhraya yang lain, tidak akan kita ada jambatan Pulau Pinang, kereta Proton, KLIA, Multimedia Super Corridor dan Putrajaya. Semua ini dapat dilaksanakan di samping pembangunan-pembangunan yang lain kerana rakyat menyokong usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan negara dan memakmurkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini kita memulakan perjalanan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang menggariskan hala tuju pembangunan negara untuk 10 tahun yang akan datang. Memanglah kerajaan membuat perangkaan yang begitu baik untuk pembangunan rakyat dan negara dalam 10 tahun yang akan datang.

Walau bagaimanapun, usaha kerajaan ini memerlukan bahawa setiap lapisan masyarakat Malaysia mesti berusaha bersama dengan gigih supaya dapat capai kejayaan yang gemilang. Kerjasama di semua peringkat ini adalah penting lebih-lebih lagi dengan cabaran-cabaran yang akan kita hadapi dalam era globalisasi dan teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga digubalkan berasaskan satu dasar yang dinamakan Dasar Wawasan Negara dan mempunyai perpaduan sebagai tonggak utamanya. Dasar Wawasan Negara ini bertujuan membina bangsa Malaysia yang maju, makmur dan hidup sama-sama dalam harmoni dan akan melibatkan semua pihak secara sepakat dan saksama.

Pada masa ini walaupun kita telah melalui tujuh Pelan Pembangunan Malaysia dan dua RRJP kita masih mempunyai insiden-insiden kemiskinan yang tinggi di beberapa tempat termasuklah negeri saya Sabah. Oleh itu saya sarankan bahawa kerajaan memberi tumpuan istimewa kepada golongan termiskin tidak kira di bandar atau luar bandar dan memastikan program-program pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan berkesan.

Pengurangan kemiskinan hendaklah diberi tumpuan untuk memastikan faedah pembangunan dinikmati oleh semua golongan masyarakat dan jurang pendapatan tidak melebar. Kita difahamkan bahawa pada tahun ini sahaja sejumlah RM182 juta telah diperuntukkan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Program ini adalah untuk melaksanakan projek-projek pemulihan rumah, peningkatan taraf kesihatan, pemberian mikro kredit, pembangunan ekonomi kampung dan bantuan pertanian.

Pada tahun-tahun yang lalu juga berjuta-juta telah dibelanjakan untuk Program Pembasmian Kemiskinan. Kita difahamkan bahawa kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar berkurangan hampir separuh daripada tahap kemiskinan yang dicatatkan pada tahun 1990.

Walau bagaimanapun, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila menyampaikan RRJP3 di Dewan Rakyat memaklumkan bahawa kadar kemiskinan di kalangan bumiputera kekal tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan etnik lain. Maklumat ini menyedihkan sekali. Kerajaan telah membawa beberapa program kepada rakyat bumiputera seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, PPRT, TEKUN dan sebagainya semenjak beberapa tahun yang lalu.

Di samping itu, sejumlah RM300 juta telah diperuntukkan sebagai tabung pusingan kepada golongan termiskin untuk menambah pendapatan tetapi walaupun dengan bantuan-bantuan sedemikian terdapat ramai lagi kaum bumiputera yang termiskin.

Sehubungan dengan ini, saya cadangkan kepada kerajaan bahawa untuk tujuan baik kerajaan ini dapat disampaikan dan dinikmati oleh rakyat sasaran pegawai-pegawai di peringkat implementasi dan pemantauan mestilah komited dan fokus kepada tugas mereka. Badan-badan dan agensi-agensi yang diamanahkan untuk melaksanakan program-program membasmi kemiskinan mesti mengambil perhatian serius dan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berhemat agar dana yang disediakan benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran. Jika tidak jutaan ringgit yang disediakan oleh kerajaan tidak akan memberi kesan yang dikehendaki. Di samping itu, golongan rakyat termiskin juga seharusnya diberi motivasi dan bimbingan supaya mereka sanggup dan yakin berusaha lebih gigih dalam merebut peluang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada hala tuju masa depan RRJP3 ialah mencapai objektif pengagihan untuk memastikan penyertaan yang lebih seimbang

dan saksama di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Penekanan ini adalah sangat dialu-alukan khususnya oleh masyarakat saya. Masyarakat saya di Sabah jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat di Semenanjung Malaysia memang perlu lagi banyak galakan dalam memperbaiki kebolehan, mekanisme, pelaksanaan serta perlu diperkenalkan kepada langkah-langkah baru.

Dalam usaha kerajaan untuk memberi perhatian kepada peningkatan kualiti keusahawanan dan memastikan penyertaan bumiputera yang berkekalan, saya harap perhatian khusus dapat diberikan kepada masyarakat Kadazandusun di Sabah melalui agenda-agenda pengagihan yang dirancang oleh kerajaan. Tidak dapat dinafikan bahawa Program-program Pembangunan Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang menumpukan kepada membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berdaya tahan, berdikari dan bertaraf dunia telah memberi banyak tumpuan kepada bumiputera di Semenanjung Malaysia.

Kita lihat bahawa pada masa sekarang sudah ramai bumiputera dan perniagaan-perniagaan mereka wujud yang berdaya maju dan seterusnya telah membantu peningkatan ekonomi negara. Dalam usaha kerajaan untuk terus menambah penglibatan bumiputera dalam aktiviti utama ekonomi negara saya harap bumiputera dari Sabah tidak ketinggalan dalam usaha kerajaan meningkatkan bilangan usahawan bumiputera yang berdaya maju.

Sehubungan dengan hal ini saya ingin meminta kerajaan mengusahakan program pakej pembangunan vendor dan francais bahawa lebih peluang lagi diberi kepada usahawan-usahawan dari Sabah dan Sarawak menyertai dalam program ini. Program ini sepatutnya dikaji semula supaya menjadikannya lebih berkesan dan diperluaskan supaya dapat meliputi lebih banyak industri bagi menjana peluang-peluang baru untuk syarikat-syarikat bumiputera, bukan sahaja syarikat daripada Semenanjung tetapi juga syarikat-syarikat dari Sabah dan Sarawak.

Seperti mana yang saya kata pada awalnya perbezaan di antara MPPB daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung memang banyak. Misalnya, jika Dewan Perniagaan Melayu sudah wujud selama 50 tahun lebih dan Dewan-Dewan Perniagaan Cina sudah wujud lebih daripada 100 tahun, Dewan Perniagaan Kadazandusun di Sabah hanya wujud enam tahun sahaja. Oleh itu tujuan RRJP3 untuk menghapuskan ketidakseimbangan keadaan ekonomi di antara kaum dan wilayah membawa harapan yang begitu cerah dan meyakinkan kami daripada Timur Malaysia.

Masa depan nampak cerah kepada MPBB daripada Sabah khususnya kerana RRJP3 dan juga RMK-8 telah merangkakan peluang-peluang yang begitu baik untuk masyarakat peniaga-peniaga. Di antara program-program yang membawa harapan kepada MPBB di Sabah ialah pengwujudan 1,000 pemegang francais baru bumiputera dengan 50 pemberi francais dalam tempoh RRJP3 ini. Di samping itu, 300 vendor baru bumiputera juga akan dipilih di bawah program pembangunan vendor manakala usahawan tulen dijangka mewujudkan 100 usahasama baru di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera.

Skim modal teroka PUNB juga dijangka akan memilih 500 usahawan baru bumiputera sebagai rakan kongsi pelaburannya.

Dalam hal ini dan selaras dengan objektif RRJP3, saya harap kerajaan melalui kementerian yang berkenaan akan memastikan bahawa a reasonable portion of these new opportunities, dengan izin, akan diberikan kepada MPBB di timur Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa RRJP3 telah memberi tumpuan kepada peningkatan penglibatan wanita dalam pembangunan. Apa yang menarik kepada saya ialah kenyataan bahawa, dengan izin, I quote, *“Semua bentuk diskriminasi yang berasaskan gender dan berat sebelah yang mementaskan sumbangan wanita sepenuhnya akan dikenal pasti dan dikurangkan secara progresif sama ada melalui perundangan ataupun pendidikan.”*

Saya berpendapat bahawa kita telah pun mengenal pasti bentuk diskriminasi yang berasaskan gender dan berat sebelah. Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2) yang bertumpuan kepada Dasar Pembangunan Wawasan 2001-2010 telah memberi lebih penekanan khusus kepada isu-isu berkenaan wanita dalam pembangunan.

MAPEN2 telah menyarankan bahawa program pembangunan negara yang menyeluruh perlu mengambil kira penyertaan bukan sahaja dari sudut kaum, agama dan wilayah tetapi juga dari segi gender. Perspektif gender ini perlu dalam pembangunan di Malaysia kerana wanita merupakan hampir 50% jumlah penduduk negara. Kadar penyertaan wanita terlibat dalam pekerjaan sama ada di bandar atau di luar bandar ialah 43.3% dan wanita juga merupakan 52% daripada bilangan pengundi di Malaysia.

Perspektif gender juga diperlukan kerana keperluan wanita adalah berbeza dari minat dan keperluan lelaki. Selain dari itu, kebanyakan penggubal dasar adalah

kaum lelaki dan memang tidak memahami kehendak atau keperluan wanita. Wanita sentiasa berhadapan dengan masalah ketidaksamaan dalam pelbagai bidang. Masalah ini timbul akibat tradisi hubungan kuasa gender dalam masyarakat yang menyebelahi kaum lelaki. Ini ditambah pula dengan salah anggapan bahawa wanita sendiri menerima peranan mereka di bidang reproduktif sahaja. Oleh itu, strategi-strategi yang digubalkan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kesejahteraan wanita adalah sangat dialu-alukan.

Saya yakin Kerajaan Malaysia ialah komited kepada beberapa resolusi dasar dan dokumen-dokumen yang dihasilkan selaras dengan kemajuan wanita pada tahap nasional dan global. Di sini saya ingin mengambil peluang untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini, bahawa negara kita telah menjadi *signatory* kepada deklarasi Convention On The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women dan juga Geneva Summit Declaration For Rural Women pada tahun 1992 dan juga Beijing Platform for Action 1995.

Saya percaya dokumen-dokumen lain yang telah menjadi landasan komitmen kerajaan ialah dekad wanita Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1985 dan Nairobi Forward Looking Strategies, Dasar Wanita Negara dan kemudian Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Syabas kepada Kerajaan Malaysia di atas keprihatinannya kepada kaum wanita.

Komitmen ini terus dipertingkatkan lagi dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga baru-baru ini. Syabas sekali lagi kepada Kerajaan Barisan Nasional. Dengan kementerian ini saya yakin kemajuan wanita ke hadapan akan lebih cepat lagi dalam dekad dan millenium ini. Kemunculan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini belum terlambat untuk menghadapi abad ke-21 di mana saya percaya peranan wanita akan menjadi lebih penting ke arah mencapai Wawasan 2020 dan k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, proses mengintegrasikan isu wanita dan gender memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina, Yang Berhormat Datuk Ghazi hendak minta laluan. Dijemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Christina kerana memberi laluan. Saya amat tertarik dengan pandangan dan ulasan Yang Berhormat tentang peluang-peluang

yang diberi kepada kaum wanita dan bagaimana peranan kerajaan kita di peringkat internasional dan juga tempatan berusaha ke arah ini.

Yang ingin saya bertanya Yang Berhormat ialah perkembangan sekarang dari segi wanita ini, nampaknya begitu pesat sekali, kerana kalau kita lihat dalam kemasukan pelajar-pelajar universiti tempatan, sudah sampai meningkat 70%, kalau trend ini berterusan dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang yang relevannya dalam RRJP3 ini, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah tidak ini juga akan menghasilkan masalah sosial dalam negara, saya tak payah ulas panjang-panjanglah apa masalah sosialnya, tetapi dalam bentuk kekeluargaan, dalam bentuk jawatan, dalam struktur yang lain mungkin akan memberi kesan-kesan yang negatif yang bukan hajat kita begitu.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat sebagai seorang wanita sendiri dalam hal ini dengan secara objektif, apakah perancangan lain yang patut kita memperseimbangkan kalau pun perlu. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Christina.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Ghazi. Saya memang bersetujulah ada kemungkinan pada masa-masa yang akan datang, lebih wanita dalam beberapa peringkat walaupun di kerajaan ataupun swasta. Tetapi pendapat saya ialah wanita ini memang mempunyai sikap yang sederhana dan walaupun lebih wanita pada pendapat saya, di beberapa peringkat mereka akan mengambil sikap yang sederhana untuk menghadapi apa-apa masalah.

Mengenai dengan masalah sosial, dengan pendidikan yang kita ada sekarang dan juga penampilan beberapa pemimpin wanita yang berkaliiber, saya berpendapat bahawa kita akan dapat membendungkan beberapa banyak masalah yang akan kita hadapi di masa-masa yang akan datang. Walau macam manapun, saya juga berpendapat bahawa dengan kemunculan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini, kita akan mengadakan beberapa strategi-strategi untuk menghadapi masalah-masalah yang akan timbul di masa-masa yang akan datang.

Itulah yang saya katakan tadi, bahawa is not too late, tidak berapa kelambatan untuk kemunculan kementerian ini kerana kita sudah sedar bahawa pada masa hadapan barangkali masalah-masalah yang dianggapkan oleh Datuk Ghazi yang akan timbul itu mungkin berlaku, jadi melalui kementerian ini kita harap kementerian ini akan dapat menggubalkan strategi-strategi, tindakan-tindakan yang

dapat membendungkan masalah-masalah yang kita anggap akan terjadi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan, proses pengintegrasian isu wanita dan gender memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak dan kementerian-kementerian, seluruh jentera kerajaan dari peringkat atasan hinggalah ke akar umbi, dari pelbagai sektor kerajaan dan sektor swasta. Untuk ini, saya ingin sarankan di sini langkah-langkah yang perlu diambil kira dalam usaha kita mengintegrasikan wanita dan gender dalam pembangunan.

Hasrat Malaysia untuk meningkatkan perwakilan wanita ke -30% di semua peringkat membuat keputusan mestilah diusahakan dengan secepat mungkin. Menggubal satu agenda untuk memberi kursus dan latihan kepekaan gender kepada semua kakitangan lelaki atau wanita di semua peringkat, memperkukuhkan dan meluaskan kepakaran analisis gender kepada para perancang ekonomi, pembentuk program dan projek pembangunan dan juga mempercepatkan persediaan operasi sepenuhnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di semua peringkat supaya strategi-strategi yang digubal oleh kerajaan untuk pembangunan wanita dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan yang dicadangkan dalam RRJP3 dan Dasar Pembangunan Negara pada sepuluh tahun yang akan datang memberi saya sebagai seorang wanita suatu ekspektasi yang bersemangat untuk masa depan yang baik untuk kaum wanita. Saya yakin bahawa melalui rangka-rangka dan prinsip-prinsip pembangunan wanita, kita akan dapat menjamin kesejahteraan kaum wanita dan akan dapat menghapuskan barangkali bukan semua, perkara-perkara yang menjadi penghalang dalam hasrat wanita untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan.

Saya percaya bahawa tindakan-tindakan affirmative dalam beberapa aspek seperti kesihatan, peluang pendidikan, pekerjaan dan penceburan dalam ekonomi akan memastikan wanita menikmati peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Saya yakin bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini will make a lot of difference women in Malaysia, dengan izin, apa lagi dengan Yang Berhormat Menteri yang dilantik untuk mengetuai kementerian ini ialah seorang wanita yang berkebolehan dan memang sangat prihatin dengan is-isu wanita. Saya harap supaya kerajaan akan memberikan kementerian ini peruntukan

dan kakitangan yang secukupnya supaya ianya dapat menjalankan program-program kementerian dengan berkesan dan licin.

Sempena itu, ingin saya sarankan di sini untuk kementerian ini membuka pejabat-pejabat di peringkat negeri dan daerah-daerah supaya matlamat-matlamat Kerajaan Barisan Nasional untuk peningkatan, penglibatan kaum wanita dalam semua aspek dapat dinikmati oleh semua lapisan wanita khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.57 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan RRJP3 pada kali ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada seluruh kakitangan kerajaan yang telah bertungkus lumus untuk menyelidik, merancang dan mengatur strategi persiapan bagi menghasilkan satu rangka perancangan jangka panjang yang ketiga bagi negara kita ini untuk sepuluh tahun yang akan datang. Sememangnya tujuan dan objektifnya tentulah bersifat jangka panjang serta mengambil kira cabaran juga realiti yang dihadapi oleh negara masa kini serta unjuran persaingan global masa depan yang semakin sengit.

Nampaknya Dasar Wawasan Negara yang kini menggantikan Dasar Pembangunan Nasional selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru masih membawa dan mempunyai agenda yang sama, walaupun selepas beberapa peringkat Dasar Ekonomi Baru dibuat, namun kita melihat sekarang ini orang Melayu kita masih dikenali sebagai masyarakat kampung, masih banyak lagi ataupun luar bandar yang masih dalam kedudukan masyarakat petani dan nelayan sementara kebanyakan kaum India masih lagi kebanyakannya dikenali di dalam masyarakat buruh atau estet. Pendek kata, rakyat kita masih lagi belum keluar sepenuhnya daripada kemelut dan belunggu kemiskinan.

Pemilikan ekuiti bumiputera sejak dua RRJP yang lepas juga masih belum pun mampu mencecah 20% bahkan sebaliknya menurun daripada 19.3% pada tahun 1990 kepada 19.1% pada tahun yang lepas. Kalaulah dalam tempoh yang panjang iaitu 30 tahun rakyat bumiputera belum mampu mencapai tahap pemilikan ekuiti sebanyak 30%, adalah sukar kita jangkakan apakah dan sejauh mana keadaan

ini dapat kita ubah dan pertingkatkan untuk menjelang tamatnya pada tahun 2010 yang akan datang.

Berdasarkan kepada beberapa permasalahan yang ada dalam pentadbiran ekonomi dan politik Malaysia, pada hemat saya RRJP sebenarnya memerlukan satu pembaharuan, penyuntikan dan falsafah moral dalam keseluruhan aspek pembangunan negara yang sedang dirancang, yang akan dirancang dan akan diadakan. Asas pembangunan mestilah seimbang antara keperluan material dan juga keperluan kerohanian, pembangunan yang menyeimbangkan antara kepentingan dunia dan juga kepentingan akhirat. Kita tidak mahu melahirkan satu masyarakat yang kaya dari segi material tetapi miskin dari segi maruah, moral dan akhlak. Kita juga tidak mahu adanya pemimpin yang tidak amanah dan terlibat dalam jenayah rasuah serta seumpamanya.

Dasar Pembangunan Negara yang tidak seimbang telah meninggalkan kesan agihan pendapatan yang tidak seimbang. Walaupun telah tujuh rancangan Malaysia yang telah berlalu, namun pencapaian ekonomi masih belum memuaskan, kadar kemiskinan baik di bandar ataupun

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, boleh disambung nanti selepas rehat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan Dewan ini akan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, menyambung ucapannya.

2.33 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Nasional yang tidak seimbang telah meninggalkan kesan agihan pendapatan yang tidak seimbang. Walaupun telah 7 rancangan Malaysia telah berlalu namun pencapaian ekonomi masih belum memuaskan. Kadar kemiskinan baik di bandar mahupun di luar bandar masih terus membelenggu rakyat.

Usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum masih kurang berjaya. Pemilikan saham masih tidak sama rata. Pemilikan bumiputera yang disasarkan sebanyak 30% juga belum terlaksana. Namun pemilikan asing telah meningkat dari masa ke semasa di mana pada tahun 1990 ianya berjumlah 25% dan menjelang tahun 2000, pemilikan asing ini telah meningkat kepada 33%.

Saya suka juga mencadangkan agar keadaan ini dapat diambil perhatian yang sewajarnya agar ianya tidak merugikan rakyat dan negara kita sendiri. Kita tidak mahu akan sampai masanya nanti, di mana negara kita dilihat sebagai kaya tetapi hakikatnya rakyat jelata kita masih lagi berada dalam tahap kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era globalisasi ini, hak warga dunia telah memperluaskan pasaran masing-masing ke peringkat antarabangsa. Kita tidak mampu menghalang situasi ini daripada terus menghambat pembangunan negara secara tidak lebih terancang dan terarah dalam segala aspek. Melalui RRJP3, kita tidak pasti bagaimanakah caranya negara dan rakyat menghadapi segala apa juga bentuk ancaman kesan daripada langit terbuka dan dunia tanpa sempadan sedangkan perkara ini harus diberi perhatian oleh kerajaan.

Globalisasi juga seharusnya menuju ke arah pembebasan nilai-nilai kemanusiaan di mana sistem penghambaan kepada sesama manusia dihapuskan dan diganti dengan penghambaan yang mutlak hanya kepada Allah S.W.T. dalam segenap aspek kehidupan.

Globalisasi juga perlu menyemai rasa kecintaan kita terhadap kehidupan beragama, menjadi pemangkin reformasi sejagat dalam usaha menegakkan keadilan dan kebenaran. Globalisasi juga sewajarnya akan terus menjamin hak-hak rakyat dan tanggungjawab mereka sebagai bangsa dan negara yang berdaulat dapat terus diterjemah dalam setiap aspek melalui tindak-tanduk masing-masing.

Globalisasi juga sepatutnya menghapuskan jurang perkauman, mewujudkan dialog budaya dan peradaban, mengurangkan pergeseran ideologi dan fahaman yang merugikan, menghapuskan kejahilan dan kemunduran bahkan juga kemiskinan, di samping menzahirkan perpaduan dan keamanan di peringkat antarabangsa. Malangnya globalisasi kini banyak memberi kepentingan semata-mata kepada golongan kapitalis yang berkuasa sedangkan rakyat menjadi golongan bawahan yang terus ditekan dalam arus kemajuan dan pembangunan.

Lebih menakutkan lagi apabila kita melihat dan mendapati betapa globalisme ini telah menjadi satu ideologi dan anutan baru masyarakat antarabangsa yang telah

diatur oleh kuasa-kuasa besar sebagai satu strategi baru untuk menyekat kebangkitan semula Islam, menghalang pemulihan ekonomi Asia Pasifik dan menindas negara-negara membangun. Bahkan globalisme juga membawa kemunculan satu sistem ekonomi antarabangsa, perkembangan jalinan komunikasi tradisional dan pertumbuhan organisasi atau rejim antarabangsa yang mengurangkan kuasa sesebuah kerajaan dalam menentukan struktur politik, ekonomi dan sosial negaranya sendiri, di samping menghalang pembangunan negara-negara membangun.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan agar kerajaan memberikan garis pandu kepada kita semua dalam berhadapan dengan segala ancaman globalisme ini, memandangkan isu sebenar globalisasi ini ialah globalism itu sendiri. Saya juga mencadangkan agar kerajaan juga membuat kajian akan sejauh mana golongan belia dan remaja Malaysia yang semakin terdedah dan mengikut corak gaya hidup Barat, kesan daripada kemasukan budaya kuning yang berleluasa di dalam masyarakat.

Kita tidak mahu ciri-ciri dan budaya Ketimuran dirobek rakus daripada kehidupan mereka. Justeru, kerana kemodenan bagi sesuatu bangsa itu bukanlah apabila ia meniru dan mengikut budaya bangsa dan ideologi negara lain. Pihak bertanggungjawab harus peka akan permasalahan sosial yang semakin kronik ini, kesan daripada kebudayaan-kebudayaan Barat melalui proses sosialisasi yang tidak terarah.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan mesti terus diberi penekanan dalam hidup rakyat keseluruhannya. Justeru, aspek ini juga tidak begitu diambil perhatian dan tidak begitu diberi penekanan yang sewajarnya dalam usaha mewujudkan bangsa dan rakyat yang berdaya tahan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, kerajaan melalui RRJP3 telah mengemukakan lebih kurang 9 perkara yang menjadi teras utama pelan pembangunan ekonomi negara. Salah satu daripadanya ialah mempercepatkan pembangunan infrastruktur maklumat bagi membantu pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Justeru itu, saya turut mencadangkan agar kerajaan dapat menumpukan lebih perhatian kepada kawasan-kawasan yang masih kurang menikmati faedah pembangunan, khususnya di kawasan luar bandar agar maklumat dapat diperluaskan dan ini seterusnya akan meningkatkan pengetahuan rakyat setempat.

Rasionalnya kawasan yang banyak menerima maklumat atau terdedah dengan maklumat akan lebih mudah dimajukan dan mudah menerima idea pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya juga mencadangkan agar kerajaan berusaha mengenal pasti sasaran-sasaran yang berpotensi bagi tujuan tersebut. Adalah mustahil bagi kerajaan untuk membawa idea kemajuan yang berkesan di semua tempat ataupun bahagian di dalam satu masa. Oleh yang demikian, pihak kerajaan sewajarnya mengambil langkah awal iaitu mengatur strategikan pembangunan dan kemajuan yang terancang dengan terlebih dahulu mengenalpasti kawasan-kawasan bandar dan luar bandar yang berpotensi untuk dimajukan. Melalui cara ini juga ianya akan membantu kerajaan untuk mencapai pembangunan wilayah yang seimbang.

Negara kita dulunya merupakan sebuah negara yang berteraskan pertanian. Ini diperkuatkan lagi dengan kewujudan persekitaran yang subur bagi pengusahaan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, kerana begitu terdorongnya kita untuk menjadikan sebuah negara industri maju maka kerajaan kemudiannya lebih banyak memberi penekanan kepada bidang perindustrian. Walau bagaimanapun, sektor perindustrian yang kita ceburi sebenarnya banyak tertumpu kepada sektor elektronik semata-mata. Pasaran terhadap sektor ini pula adalah tidak begitu meluas, di mana kita hanya banyak bergantung kepada pasaran di Amerika Syarikat.

Oleh sebab itulah, ekonomi kita terjejas akibat kelembapan ekonomi yang kini berlaku di negara tersebut. Justeru itu, bagi menjamin kekukuhan ekonomi jangka panjang, saya menggesa agar kementerian yang bertanggungjawab berusaha mencari pasaran yang lebih meluas bagi memasarkan hasil produktiviti elektronik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan RRJP3 juga, salah satu yang menjadi teras utama keekonomi ialah meningkatkan kandungan pengetahuan dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Saya sesungguhnya amat mengalukan perhatian kerajaan ke atas sektor pertanian negara yang dulunya antara yang unggul di rantau ini. Bahkan pernah mampu bersaing di peringkat dunia, contohnya seperti getah. Kesesuaian Malaysia untuk bangkit sebagai sebuah negara pertanian moden sebenarnya adalah tidak boleh dinafikan.

Walaupun bagaimanapun, pihak-pihak berwajib seharusnya terus berusaha menanamkan keyakinan kepada rakyat seluruhnya akan kewujudan potensi ini khususnya kepada generasi muda belia. Justeru itu, usaha ke arah

memperkenalkan dan membudayakan pertanian yang berasaskan kepada pengetahuan ini adalah amat perlu diberi penekanan yang bersungguh-sungguh. Peningkatan sektor pertanian dalam kandungan pengetahuan terutamanya melalui penggunaan teknologi moden dan sains hayat, biologi yang lebih meluas akan dapat membantu mempertingkatkan produktiviti pertanian negara.

Di samping itu juga, bio-teknologi, contohnya juga akan mampu menyumbang kepada peningkatan dalam hasil kualiti dan perlindungan tanaman. Kemajuan sains kaji hayat juga seterusnya akan meningkatkan permintaan terhadap keluaran pertanian negara sebagai input dalam pengeluaran bahan seperti vaksin yang boleh dimakan dan bio-racun serangga dan bio-pharmaceutical. Sehubungan dengan itu, saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk mewujudkan rangkaian inovasi di kalangan penyelidik, pengeluar dan pekerja dalam usaha penggunaan pengetahuan yang optimum dalam sektor pertanian moden.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sektor pertanian juga dijadikan antara sasaran yang sangat penting untuk menjadi salah satu sumber pertumbuhan dalam tempoh RRJP3 ini, saya mencadangkan agar pihak kerajaan menitikberatkan usaha penubuhan, pewujudan sekolah-sekolah yang beralirankan pertanian termasuklah sekolah-sekolah vokasional yang mengajar subjek pertanian yang lengkap kepada generasi-generasi muda belia.

Manakala bagi mana-mana sekolah seperti contohnya kawasan pedalaman di luar bandar di Sabah yang telah mengadakan subjek ini – pertanian, sejak dahulu lagi hendaklah diperkasakan dan diberi galakan serta bantuan yang lebih lagi bagi melahirkan generasi muda negara yang tidak jijik dengan kerja-kerja pertanian. Saya yakin dan percaya bahawa generasi muda akan berminat untuk menceburkan diri ke dalam sektor ini seandainya pihak kerajaan memberikan kemudahan dan insentif kepada mereka sejak awal lagi. Bidang ini sebenarnya merupakan satu bidang yang tidak akan merugikan sesiapa jua yang menceburinya. Tinggal lagi terpujanglah kepada pihak kerajaan untuk menggunakan cara yang mudah dan lebih berkesan bagi menarik perhatian kepada generasi muda belia kepada bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa walaupun kita sibuk membicarakan soal ICT dan globalisasi tetapi usaha yang sungguh-sungguh untuk melahirkan generasi pelapis bagi sektor pertanian ini perlu dibina dan dipupuk mulai awal RRJP3 ini. Kita perlu menanamkan kepercayaan ke dalam kotak fikiran dan

hati mereka bahawa sektor ini merupakan satu sektor penyelidikan jangka panjang yang menarik dan yang mempunyai kesan yang baik untuk generasi yang akan datang. Kita tidak mahu anak-anak kita tidak lagi mengenali jenis-jenis tanaman, tumbuhan ataupun tidak mengenali antara cangkul, pangkis dan seumpamanya.

Di samping itu terdapat beberapa kesan positif seandainya kita berjaya memulihkan semula kepercayaan rakyat khususnya generasi muda kepada potensi sektor pertanian ini. Kesan ini bukan setakat kepada mereka bahkan juga kepada negara seluruhnya. Di antara kesan positif yang saya maksudkan ialah dengan memperkasakan semula sektor ini, iaitu boleh dijadikan satu profesion alternatif kepada generasi muda belia khususnya sepertimana yang pada hari ini di mana penawaran buruh untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan melebihi daripada permintaan dan keperluan.

Peluang kerja yang semakin kurang, kesan daripada kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 hingga 1999, di samping kelembapan ekonomi Amerika, kini telah menatijahkan ramai generasi intelektual teknokrat negara menjawat jawatan penganggur kehormat. Oleh itu, pergerakan buruh sebelum ini terlalu banyak bertumpu kepada sektor industri elektronik sehinggakan menjejaskan keperluan dan penawaran buruh bagi sektor pertanian.

Dan, apabila berlaku kegawatan sepertimana yang sebelum ini, dan kini kita telah mengakibatkan ramai pihak yang kehilangan sumber pendapatan masing-masing. Ini menunjukkan kepada kita, betapa kita tidak boleh hanya terlalu bergantung kepada sektor tersebut, apatah lagi ketika mana pasaran bagi sektor industri elektronik masih agak terbatas.

Oleh itu, kita berharap agar dengan mewujudkan keseimbangan antara kedua-dua sektor pertanian dan perindustrian ini maka kita akan sekurang-kurangnya mengurangkan masalah pengangguran. Rasionalnya apabila masalah pengangguran dapat dikurangkan maka kadar kemiskinan negara juga akan menurun. Seterusnya kadar pendapatan purata rakyat juga akan dipertingkatkan. Oleh demikian, matlamat pembangunan negara dan penyusunan masyarakat kita akan dapat direncana dengan lebih adil dan progresif.

Oleh itu, saya dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Kee Ah Kau dahulu, se lepas itu Datuk Ghazi.

2.45 ptg.

Tuan Kee Ah Kau: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010. Tindakan Kementerian Pendidikan baru-baru ini tentang memberi keutamaan kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dan Sains untuk murid-murid tahun satu adalah langkah yang bijaksana dan tepat pada matlamat RRJP3 yang ingin meningkatkan keupayaan sumber manusia bagi membentuk masyarakat yang berdasarkan pengetahuan di mana-mana Bahasa Inggeris dan Sains merupakan kunci masuk kepada penguasaan ICT dan meneruskan pembangunan sumber manusia yang berkebolehan, berdaya tahan, berdaya saing, dedikasi, produktif dan berpengetahuan. Penguasaan ICT dapat meningkatkan kecepatan dalam melaksanakan tugas dan kemahiran berfikir secara kritikal dan mendorong menghasilkan pembelajaran sepanjang hayat. Aset utama Malaysia adalah sumbangan tenaga manusia yang dapat digemblengkan akan dapat melaksanakan dengan jayanya Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong nisbah pengambilan pelajar universiti iaitu 55:45 memandangkan Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kumpulan etnik, agama, bahasa dan budaya untuk menjadi negara yang berdaya tahan dan saing. Perpaduan rakyat Malaysia merupakan satu prasyarat penyatuan tenaga kerja yang cukup produktif dan penyatuan adalah hasil pendidikan institut pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, lantikan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir untuk jawatan 'perintis' Bahasa Inggeris-Bahasa Cina adalah satu tindakan yang baik kerana dapat memahami dengan lebih tepat dan jelas tentang masyarakat Cina, kesetiaan dan semangat kaum Cina kepada pemimpin dan negara yang tidak berbelah bahagi. Jika dilihat tentang pembangunan sumber manusia seperti yang dicadangkan dalam RRJP3 adalah:

- (i) pembentangan kecemerlangan dalam sistem pendidikan.
- (ii) Menabungkan sejumlah besar sumbangan-sumbangan dalam pendidikan dan latihan.
- (iii) Sistem pendidikan diorientasikan semula
- (iv) Tenaga kerja dilantik semula dan dipertingkatkan secara berterusan di kolej komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya berpendapat langkah-langkah di atas adalah untuk jangka yang panjang sama ada 5 atau 10 tahun tetapi bagaimana pula cara mengatasi masalah ketiga krisis ekonomi yang menghalang negara dalam pembangunan tenaga manusia. Yang berkemahiran, berdaya tahan dan saing serta berpengetahuan dalam tempoh masa pendek iaitu satu hingga dua tahun, saya ingin mencadangkan beberapa langkah yang boleh dipertimbangkan, dianggap sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan masalah dalam tempoh setahun dua ini. Kaedah-kaedah yang dicadangkan khas untuk Menteri Sumber Manusia:

- (i) Latihan – Kaedah latihan di tempat kerja. Contoh, latihan organisasi dan pensosialan pekerja baru. Latihan sesama Kerja (LSK) atau Job on Job Training, dengan izin, latihan berdasarkan alat bantuan kerja untuk sistem penasihat. Latihan pelaksanaan komputer, latihan pembangunan kerjaya, latihan pusingan kerja. Kebaikan latihan tempat kerja menyelesaikan masalah tenaga kerja dengan cepat dan setia. Minimum kos latihan kerana pemindahan pelajar kemahiran dan pengetahuan di alam persekitaran yang sama menghasilkan pelajaran yang positif.
- (ii) Kaedah latihan di luar tempat kerja untuk penyerapan teknologi maklumat dan komunikasi ICT. Contohnya, persidangan jarak jauh, kelas korporat, teknik pandang dengar dan pengalaman alat bantu komputer dan simulasi peralatan.
- (iii) Kaedah latihan pembangunan, perusahaan dan insentif. Pengurusan yang berjaya dapat mengembalikan tenaga manusia yang terhad, maksimum sehingga berjayanya matlamat organisasi dan negara.
- (iv) Memberi perhatian kepada PKS luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keadaan-keadaan di atas, diharapkan dapat memberi lebih perhatian kepada kilang-kilang PKS - Perusahaan Kecil dan Sederhana atau SMI yang terletak di kawasan luar bandar atau terpencil untuk menjalankan latihan khas bagi pekerja agar dapat meningkatkan produktiviti, kualiti, produk dan keuntungan kepada mereka. Ini adalah disebabkan kebanyakan pekilang PKS kekurangan pengalaman dan pengetahuan tentang pertimbangan

mengadakan latihan untuk menghasilkan sumber pengetahuan dan berupaya menghadapi cabaran ekonomi berasas pengetahuan .

Penambahan infrastruktur ICT untuk PKS di kawasan luar bandar. Memandangkan bahawa kerajaan memberi galakan kepada PKS mencampuri struktur pembuatan berdasarkan IT, memberi peluang bagi mendapatkan latihan dengan menekankan khusus kepada pencapaian terhad teknologi maklumat IT adalah amat diharapkan oleh PKS kepada Kementerian Sumber Manusia.

Besar harapan saya bahawa indeks-indeks yang dicadangkan di atas dapat membantu pembangunan negara sehingga Malaysia maju jaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong penuh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

2.55 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap perbahasan mengenai RRJP3. Saya juga turut menyokong usul rancangan yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan membaca surah Al-Zumar, ayat 9 yang membawa maksud; *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* Maksudnya, *"Engkau yang lebih baik atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan azab Hari Akhirat serta mengharapakan rahmat Tuhannya. Katakanlah lagi kepadanya adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."*

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan ayat ini sebagai menyambung ayat dahulu saya membaca surat Al-Alaq kerana ini juga mengajar kita untuk menuntut seluruh umat untuk gemar membaca. Membaca adalah teras kemajuan untuk menimba ilmu dan sesuai dengan tema RRJP 3 yang sebenarnya berteraskan ilmu, berdasarkan ekonomi, pengetahuan yang selalu kita cakapkan.

Di sini saya ingin membangkitkan semula perkara yang kita cakap semasa soal jawab tadi tentang tajuk meminta menggalakkan kepakaran warga Malaysia yang di luar negara. Soalan yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri

berkenaan telah dijawab tetapi saya rasa saya ingin menyambung sedikit maksud saya yang tersirat dalam mengemukakan soalan yang berkenaan.

Pagi tadi bila Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia memperkatakan cara-cara kerajaan menarik minat warga negara Malaysia yang di luar negara. Saya turut menyokong kuat segala usaha yang baik itu kerana telah mempelbagaikan segala usaha termasuk lawatan ke luar negara melalui program sesi dialog, seminar termasuk juga penggunaan *web site* dan sebagainya.

Yang ingin saya menekankan bahawa oleh kerana kita melihat pengkhususan kerajaan ialah untuk mengajak mereka datang ke sini, yang saya ingin menarik perhatian ialah apakah kita boleh memikir selain daripada mengajak mereka datang ke negara kita, kita juga mesti mengambil kira bahawa mereka warga Malaysia ini sekarang ini amat berpuas hati dengan keadaan di mana mereka sekarang. Mungkin keluarganya sudah sesuai dengan *environment*, latar belakang negara luar yang mereka tinggal. Mungkin anak pinak semuanya sudah bersekolah dan mungkin mereka telah begitu terikat dengan *networking*, rakan usaha sama kerja dan sebagainya.

Yang ingin saya lanjutkan ialah patut dengan secara spontan dan cepat, pihak kerajaan memberi penumpuan ini supaya langkah bersepadu diambil dengan secepat mungkin kerana kebanyakan rakyat ini yang berada di sana mereka telah mempunyai rakan kongsi perniagaan yang sudah lama, yang sudah bermanfaat untuk menjalankan apa-apa sahaja perusahaan yang mereka tumpukan lebih-lebih lagi kalau kita tujukan pada bidang teknologi termasuk teknologi ICT yang kita beri penekanan.

Jadi apa yang perlu dibuat ialah mengajak mereka ini sebagai program insentif khusus supaya pulang ke Malaysia adamasanya untuk bercuti untuk berkenalan lebih dengan environment di sini dan memberi pendedahan tentang apa yang kita ada di sini menunjukkan bahawa kita sedang berusaha ke arah mewujudkan environment seperti mana yang dia suka di luar negara tetapi ada kelebihannya kalau sekiranya dia bersama-sama dengan kita dalam satu agenda pembangunan nasional yang besar.

Kalau program selaku insentif dalam masa dia bercuti balik ke kampung dia tahu seluk belok apa yang berlaku dalam negara dan seterusnya bercakap melantik mereka ini sebagai ejen kita sebagai wakil rasmi kita, sebagai duta perniagaan kita dalam bidang-bidang tertentu yang kita pilih lebih-lebih lagi dalam bidang ICT yang

sekarang ini kita telah mulakan dalam bidang bio-teknologi pada masa depan kerana apa sahaja kita hendaklah mulakan dengan rakan warganegara yang ada di luar. oleh kerana kalau kita menggunakan teknologi yang canggih dari segi komunikasi dia sudah faham kita segala apa yang berlaku di luar negara katalah di Amerika, dia akan mengetahui sepintas kilat apa yang berlaku di sana dan dia menghubungi terus kepada kita di mana-mana sahaja perkara yang berlaku.

Ini lebih tepat lagi dalam dunia umpamanya dalam contoh yang saya ingin tonjolkan di sini dalam bidang kewangan umpamanya, pernah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa kadang-kadang perjalanan perniagaan kewangan melalui elektronik ini kita tidak boleh tahu apa sebenarnya berlaku. Oleh kerana itu kalau kita ada rakan-rakan warganegara sendiri yang kita kata rakan strategik atau ejen strategik yang bertempat di luar negara umpamanya di Silicon Valley atau di Washington, New York dan sebagainya, maka maklumat-maklumat terkini yang mereka dapat daripada kalangan masyarakat perniagaan dan kewangan akan dapat dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang perayaan Hari Guru baru-baru ini. Saya amat menghargai jasa guru, saya amat menghargai segala usaha pihak kerajaan untuk memberi lebih manfaat dan lebih kemajuan kepada kaum guru. Tetapi saya

Datuk Haji Karim Ghani: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan ya.

Datuk Haji Karim Ghani: Boleh beri laluan? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta sedikit penjelasan tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi. Kita ingin memujuk rakyat kita yang berada di luar negara untuk kembali pulang dan berkhidmat di negara kita. Tentu sekali orang yang berada di luar negara, kita hendak pujuk datang balik ke negara ini adalah orang-orang yang bolehlah dikatakan successful di tempat luar. Kalau orang ini sudah successful di negara luar dia tentu mempunyai kemudahan-kemudahan yang baik di sana. Tentu sekali dia tidak akan balik ke negara kita kalau kemudahan kita tidak sebaik apa yang diterima di sana.

Dan yang kedua tentulah orang-orang yang kita hendak dipujuk ini orang-orang yang boleh dikatakan berjaya, dewasa, mempunyai isteri atau suami. Antara sungutan yang kita dengar kalau mereka balik ke Malaysia isterinyalah susah hendak dapat kerja, suaminya susah hendak dapat kerja, masalah *permanent stay*

dan sebagainya timbul. Jadi macam mana boleh kita selesaikan masalah ini? Minta sedikit penjelasan. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Karim. Sebenarnya mungkin Datuk Karim tersilap faham sedikit apa yang saya maksudkan. Saya bersetuju kata memang susah. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Karim mengatakan untuk mengajak mereka bermastautin di sini dan menjalankan perusahaan, susah. Saya akui itu. Oleh kerana itulah saya mencadangkan alternatifnya.

Ini saya kata langkah bersepadu. Dalam masa kita mengajak mereka pulang ke tanah air, saya juga mencadangkan supaya kita lantik mereka sebagai ejen mereka tetap bermastautin di luar negara. Yang saya kata jemput mereka pulang ini hanya insentif, jemput pulang untuk bercuti bekerja untuk orientasi mengetahui seluk belok perkembangan dalam negara dan menghargai apa agenda nasional yang kita hendak wujudkan. Itu maksud saya.

Jadi, cadangan saya sendiri sebenarnya telah menjawab permasalahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Karim. Terima kasih untuk bertanya soalan itu kerana saya berpeluang untuk mengukuhkan lagi cadangan yang saya sebutkan. Terima kasih banyak.

Tadi saya bercakap tentang perayaan Hari Guru dan rata-rata mengatakan bahawa guru ini amat diperlukan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam majlis perasmian mengatakan guru perlu dorong rakyat dan kata dia juga mahu golongan pendidik memiliki kebolehan yang mampu mendorong rakyat khususnya generasi muda menyumbang kepada pembangunan negara berkeupayaan berfikir serta menilai antara yang baik dan buruk.

Ini amat tepat sekali apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cuma yang saya ingin membuat sedikit teguran dan sedikit pandangan kepada pihak kementerian ialah saya mengikuti dan keluar dalam gambar pun seramai lima orang tokoh guru yang diberi penghormatan. Dan lima tokoh guru ini semuanya dari Johor umur 61 tahun, dari Sarawak 59 tahun, dari Kelantan 57 tahun, dari Negeri Sembilan 65 tahun, dari Pulau Pinang 78 tahun. Umurnya semua lanjut belaka, kategorinya warga emas, diberi penghormatan sebagai tokoh.

Yang saya ingin jadikan sebagai pemikiran untuk berkongsi pendapat ialah nampaknya seolah-olah penghargaan dan pengiktirafan Kementerian Pendidikan terhadap kewibawaan atau kebolehan seseorang itu jauh selepas dia bersara, terlalu amat lama. Yang tidak ditonjolkan ialah apakah penghargaan memberi fokus semasa dia sebenarnya menjalankan tugasnya itu harian dibahagikan dalam kategori umpamanya setakat umur 40 tahun, 40 sampai 50 tahun dan mempelbagaikan kategori.

Saya rasa dengan cara ini penghormatan yang kita beri kepada kaum guru adalah spontan, seiring dengan masa dia berkhidmat. Umpamanya, kalau kita bercakap tentang situasi atau ekonomi berteraskan pengetahuan, meminta kita menggunakan akal fikiran yang kritis, yang kreatif, yang inovatif. Kita mesti memberi ruang kepada guru-guru ini umpamanya untuk menjalankan satu peraduan ataupun sistem yang boleh kita mengukur kebolehan seseorang guru itu dalam bidang-bidang ini, bidang-bidang yang kita hendak dia tonjolkan kecemerlangan mereka. Bukan di akhir setelah dia habis, tamat riwayat kerja guru di umur yang saya sebut tadi.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan Dato' Ghazi. Kecemerlangan penjawat awam semasa perkhidmatan biasanya diberi dalam bentuk menegak, melintang. Adakah itu tidak cukup perlu diberi lagi dengan pemberian sebagai tokoh lagi. Macam mana pandangan Yang Berhormat Dato'?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih. Saya rasa tidak memadai. Bukan setakat argument saya awal tadi tetapi saya ada lagi yang ingin saya hendak sebut. Kita menyebut umpamanya kita sebut profesion perguruan. Ini telah menjadi perdebatan hangat. Kita sebut profesion perguruan tetapi sebenarnya guru tidak dianggap sebagai seorang profesional. Sistem kerajaan yang Yang Berhormat Datuk sebut tadi kata melintang, menyulur dan sebagainya itu pun sebenarnya tidak mengiktiraf taraf profesionalisme bagi seorang guru, hanya manis di bibir sahaja.

Maksud saya ialah kalau bidang profesional sebagai doktor, diiktiraf sebagai doktor ada skalanya yang tertentu, begitu juga dalam bidang engineering, dalam bidang perundangan dan sebagainya. Tetapi guru setakat menyebut profesion guru tetapi tidak ada pengiktirafan khas yang dikenal pasti dalam skim gaji umpamanya bahawa dia seorang profesion, oleh kerana itu dia diberi taraf yang lebih. Jadi yang tadi itu biasa yang saya kata ini kena khusus.

Berlanjutan dengan argument itu, saya ingin mengatakan bahawa sudah sampai masanya, umpamanya pihak kerajaan mengkaji supaya dibuat satu sistem dikenal pasti kalau dia ini kalau profesion begini dia boleh ini, dia boleh itu dan sebagainya, sampai tahap dia dikenal pasti sebagai guru profesional. Ini yang baru, guru profesional. Bila sudah sampai tahap guru profesional sama taraf dia, recognition dia sebagai sama taraf dengan lawyer, engineer, doktor dan sebagainya.

Jadi, kalau begitu bolehlah seorang guru yang mempunyai taraf profesionalisme ini mewujudkan umpamanya institut atau gabungan ianya sendiri macam MMA (Malaysia Medical Association) dengan Institute of Engineers, dengan izin, Institut Medical Doctor, dengan izin. Jadi, bidang ini adalah satu pertubuhan bertaraf profesionalisme barulah yang kita kata seperti dengan yang kita kota.

Saya harap perkara ini akan diberi penekanan. Suntikan semangat kepada kaum guru yang ratusan, hampir 300,000 guru di dalam Malaysia ini semuanya tidak bertaraf profesionalisme. Mungkin sampai masanya perkara yang pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa "guru" pensyarah di universiti pun sepatutnya mempunyai kelulusan untuk mengajar. Mungkin sampai masanya kalau kita ada satu sistem menaik taraf, mengenal diri ini sebagai guru yang berkebolehan yang berprofesional, maka pensyarah universiti sebagai seorang guru pada konsep ini, juga mesti melalui proses ini barulah dapat taraf profesional yang dia layak terima sebagai seorang guru.

Jadi, ini yang saya hendak sebut sebagai menyuarai perasaan kaum-kaum guru yang senantiasa diberi beban yang begitu amat teruk dan dengan tanggungjawab yang begitu kita menyerahkan anak kita umpamanya keseluruhan hari hampir kepada guru-guru. Jangan sebut lagi tentang perubahan-perubahan baru kita *pump in* seolah-olah kita kilang mengeluarkan idea dan terus minta guru buat itu dan ini. Cuba bayangkan, sebelum dia boleh faham arahan yang dahulu, dia sudah mendapat arahan yang baru untuk dilaksanakan. Oleh kerana itu perkara ini hendaklah dilihat dengan lebih kritis dan positif supaya mutu keseluruhan pendidikan akan dapat tercapai seperti mana yang kita hajati.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan ayat yang saya baca tadi, saya ingin juga memetik sedikit isi kandungan buku ini - tokoh-tokoh keserjanaan sains Islam. Saya hendak tekankan bahawa dalam ilmu pengetahuan, Islam mempunyai sejarah gemilangnya masa dahulu dan telah melahirkan para pemikir, para cendekiawan yang begitu amat bermakna yang telah pun menunjukkan kecemerlangan dan

kebolehan sehingga Barat juga turut mempelajari daripada kita. Dan oleh kerana Barat mempelajari daripada kita memanfaatkan mereka lebih cemerlang dan sekarang nampak seolah-olah mereka lebih hebat, orang Islam yang mundur.

Saya ingin memetik umpamanya, nama-nama seperti Al-Hawarizmi dalam tahun 846 Masehi, pengasas ilmu algebra; Al-Khindi, bapa falsafah Islam; Al-Batani, pakar ilmu falak; Abu Bakar Al-Radzi, tokoh ilmu perubatan; Al-Farabi, tokoh falsafah; Al-Buzjani, pakar dalam geometri; Ibni Yunus, pakar astronomi; Al-Kharki, pakar Matematik; Ibni Al-Haitam, sarjana sains dan falsafah. Di antara nama-nama besar Islam yang telah pun melahirkan ilmu pengetahuan yang begitu amat berguna pada zaman mereka yang saya tidak baca satu persatunya tetapi ini pada awal abad, 800 Masihi dan 900 Masihi.

Yang saya tekankan di sini ialah tanggungjawab guru yang hendak mendidik anak-anak itu sambil dia menyampaikan tanggungjawab mereka dalam bentuk kreatif, dalam bentuk yang begitu inovatif, yang kita hendakkan ialah sejarah sarjana Islam yang lama-lama juga hendaklah dikaitkan dalam masa dia memberi pengajaran ini supaya keseluruhan penduduk ataupun pelajar menyedari bahawa ilmu pengetahuan itu berasal usulnya daripada sejarah Islam itu sendiri dan apabila kita menyampaikan ilmu dalam segala bidang sekalipun, semuanya adalah asal-usulnya berteraskan Islam. Saya rasa perkara ini akan lebih memberi makna dan memberi relevan kepada pelajar-pelajar apabila mereka mempelajari sesuatu dalam sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah tentang Bulan Citrawarna Malaysia 2001. Perayaan sebulan menyambut Citrawarna Malaysia 2001 ini, saya tidak tahu apa sejarahnya yang sebenar tetapi setakat apa yang saya dapat daripada akhbar, mengatakan bahawa ini adalah kaitan dengan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah ini akan berterusan kerana hari keputeraan ialah hari tiap-tiap tahun.

Oleh kerana kali ini, tahun 2001 ini dibuat selama sebulan dengan begitu amat *grand*, dengan izin, sekali, di antara 26 Mei hingga 24 Jun dan melibatkan keseluruhan negara, serentak di sana sini – di bandar, di lapangan terbang dan sebagainya, maka saya melihat ini sebagai satu usaha yang baik sepintas lalu. Cuma yang saya hendak bangkitkan ialah apakah yang kita hendak tekankan aspek menarik pelancongan? Ya, ada. Aspek menunjukkan segala bentuk pakaian

beraneka warna, ada. Aspek menunjukkan pada zahirnya, dari segi seni, budaya, tarian dan sebagainya, ada.

Yang saya ingin bangkitkan di sini ialah apakah bentuk seni budaya ini hanya kita tonjolkan dalam bentuk ini? Yang selalu kita kata hendak seimbangkan dari segi usaha kita untuk membawa masuk nilai-nilai murni di dalam masyarakat kita.

Tadi saya mendengar Yang Berhormat sebut juga dasar budaya kebangsaan, kalau tidak salah. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada perkara dasar budaya kebangsaan yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan telah pun, alhamdulillah, terima kasih kepada *Berita Harian*, Rabu, 25 April 2001 kerana apabila dia mengumumkan satu forum kebudayaan kebangsaan berlangsung di Melaka, ia juga menyebut Senator Ghazi Ramli baru-baru ini meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengkaji semula dasar kebudayaan kebangsaan supaya bertepatan dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apa sudah jadi? Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah cadangan saya dalam Dewan yang dahulu yang diulang dalam *Berita Harian*, 25 April yang lalu mengenai dasar kebudayaan kebangsaan, adakah sekarang ini sedang dikaji ataupun tidak? Sudahkah kita membuat rombakan dan menjadikan asas untuk kita mengadakan Citrawarna yang hebat, yang *bercolourful*, yang saya sebut tadi. Ini *angle* saya.

Saya mendengar khabar, boleh jadi saya salah bahawa, sebenarnya bukan mendengar khabar lagi, saya ada maklumat. Sebenarnya dalam tangan saya ini, saya mempunyai kertas-kertas kerja Forum Kebudayaan Kebangsaan yang berlaku di Melaka pada 27 dan 28 April. Saya tidak hadir dan saya minta rakan untuk turut hadir dan mendapat segala kertas kerja dan saya pun menelaah sedikit sepintas lalu.

Mengikut pengumuman, alhamdulillah, memberangsangkan. Saya kata alhamdulillah. Maka, berlakulah proses untuk menggubal dasar kebudayaan kebangsaan. Tetapi setelah saya pulang dari luar negeri baru-baru ini dan saya meneliti ini, saya daripada alhamdulillah bertukar menjadi masya-Allah, dengan maksud tidak sampai hajat yang saya harapkan.

Yang saya perhati di sini, ada kertas yang hanya membicarakan soal-soal seni budaya dari aspek akademik. Itu betul, itu tidak apa. Saya tidak mahu *quote* pun, banyak benda. Memperhalusi melihat melalui mikroskop tentang bidang

budaya dan sebagainya, itu okey. Kita hendakkan praktikal. Kita hendakkan yang lebih berunsur tindakan.

Kalau saya perhati kepada satu kertas kerja yang telah mengatakan bahawa, "Oh, pihak kementerian sudah membuat rombakan, menambahkan kakitangan katanya untuk menghadapi cabaran baru". Tetapi dari segi perubahan penggubalan dasar kebudayaan kebangsaan yang baru tidak ada. Jadi, dari segi berlandaskan sedikit pengetahuan pengurusan yang saya tahu, kita telah mendahulukan sesuatu yang patut belum berlaku.

Apabila satu dasar sudah kita bertukar, sudah kita kaji, kita hendak tukar, oleh kerana kita menukar ini, jadi kita kata perlu kepada tenaga yang banyak untuk memberi pengkhususan kepada bidang-bidang yang tertentu tetapi yang saya lihat di sini ialah kita mengambil langkah untuk tambah dahulu kakitangan dengan harapan untuk meneruskan membuat sesuatu yang tidak pernah kita membuat perubahan lagi. Jadi, bentuk yang beginilah yang saya rasa mempunyai impaknya yang besar dari segi perkembangan khususnya tentang nilai-nilai murni, nilai-nilai seni dalam masyarakat.

Tadi Yang Berhormat Datuk Zainudin dalam menjawab sedikit soalan tambahan saya menyebut bahawa RTM mengadakan setengah jam atau 15 minit, akan datang dia sebut setengah jam, pengkhususan tentang cinta seni, ruangan membaca puisi dan membaca pantun dalam RTM. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Penerangan khususnya RTM yang telah menuju ke arah memperkayakan lagi seni puisi, seni sastera, seni melalui bacaan puisi, pantun dan sebagainya.

Ini baik dan langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin pun baik tetapi semua ini hendaklah berpandukan kepada dasar kebudayaan kebangsaan. Kalau ini belum lagi kita kemaskinikan (update) yang sudah hampir 30 tahun umurnya, kita masih di bibir sahaja dari segi pengamalan, pembudayaan dari aspek seni sebab aspek seni mempengaruhi masyarakat, mempengaruhi melalui muzik, melalui tarian, melalui teater yang saya sebut pagi tadi dan sebagainya.

Perkara-perkara yang seperti...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Ghazi dengan budi baik memberi laluan kepada saya dalam

memperkatakan soal seni sastera, budaya dan sebagainya, saya tertarik dengan mukadimah awal yang diperkatakan oleh Datuk tadi memperlihatkan ketamadunan Islam pada keseluruhan di zaman globalisasi ini cukup comel, cantik dan sempurna.

Maka, tidakkah boleh kita tarik sedikit perhatian dalam meningkatkan ketamadunan seni budaya yang berteraskan Islam selain daripada kita menambahkan seni budaya yang berteraskan kebangsaan? Jadi, bagaimana pandangan Datuk Ghazi? Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Jamilah yang membuat soalan. Saya rasa amat bertepatan sekali. Kalau kita sudah berpeluang untuk mengulang kaji dasar kebudayaan kebangsaan yang 30 tahun umurnya, maka sudah sampai satu cabaran, bagaimanakah kita hendak masukkan unsur-unsur Islam dalam ini kerana kita telah pun ada tetapi kita hendak baiki lagi dari segi pengamalan kita mengikut amalan yang kita faham dalam suasana sekarang. Jadi, saya amat bersetuju.

Oleh kerana itulah apabila kita boleh masukkan unsur-unsur Islam dalam dasar kebudayaan kebangsaan yang baru yang telah diulang kaji umpamanya, maka perseimbangan akan berlaku dalam serba aspek. Perseimbangan dari segi pembentukan material dan juga rohani yang selalu kita sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan aspek ini, saya juga ingin membangkitkan soal Filem Festival Malaysia ke-15 yang akan diadakan pada 3 sampai 5 Ogos di Shah Alam, anjuran GAFIM dan juga TV3 sepertimana yang telah diumumkan baru-baru ini, dengan kerjasama FINAS dan Kerajaan Negeri Selangor.

Yang saya ingin bangkitkan di sini, ingin sekali lagi bertanya kepada pihak Kementerian Penerangan umpamanya, mungkin lebih relevan. Baru-baru ini pihak Kementerian Penerangan menyatakan bahawa dalam usaha memberi galakan tentang penerbitan filem tempatan, mereka memperuntukkan sebanyak RM12 juta untuk mengeluarkan sebanyak 12 filem dalam satu tahun.

Yang saya ingin tanya ialah apakah kemajuannya setakat ini dan apakah perancangan strategiknya untuk mendapat satu bentuk filem yang kita rasa bangga keseluruhannya sebab rata-rata dalam perbincangan dunia perfileman ialah katanya yang selalu idea kita ada, ceritanya ada tetapi kewangannya kurang, tetapi mungkin yang sebenarnya ialah ideanya juga kurang, kekuatannya juga kurang, kreatifnya juga kurang, lebih teruk lagi kewangannya pun kurang.

Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Penerangan yang di mana FINAS di bawahnya, di manakah kedudukan satu cogan kata yang pernah diberi panduan (guide) yang berbunyi "Filem Kita Wajah Kita". Jadi, setakat manakah *guide* ini diberi perhatian dalam menghasilkan cerita-cerita legenda Malaysia yang orang-orang luar amat menunggu dan ingin melihat kerana apa yang kita sudah baca kalau mengikut akhbar, setakat yang ditulis dalam sebuah akhbar yang baru-baru ini diterbitkan ialah "filem Melayu masih celaru serta keliru".

Jadi, dalam perkara ini saya rasa industri perfileman yang ada kait-mengaitnya dengan pembentukan *e-village* dalam koridor raya multimedia adalah amat berkenaan kerana apa sahaja yang berlaku dalam industri sekarang, akan terhasil melalui penerbitan-penerbitan filem.

Persatuan-persatuan filemnya begini banyak mungkin sampai masa untuk kita melihat model industri kewangan, model industri perbankan di mana penggabungan keseluruhan bank pada sepuluh buah sahaja adalah memberi manfaat kepada industri itu sendiri. Malah dalam banyak perbincangan mungkin dalam sepuluh bank wujud dalam Malaysia ini pun sudah terlalu amat banyak. Telahpun diperkatakan bahawa bank sepatutnya hanya beroperasi setakat tiga atau empat sahaja dalam Malaysia ini. Berlandaskan mengambil analogi industri perbankan saya melihat dalam industri perfileman yang badan-badan hampir 20 persatuan badan dan sebagainya yang bercakap tentang hal kreativiti. Kalau dari segi tajuk besarnya ialah bidang kreatif multimedia yang ada kaitannya perfileman sudah banyak begini mungkin inilah masanya untuk badan-badan yang 20 ini bergabung satu. Kalau mereka ini bergabung satu maka keseluruhan kepakaran yang ada akan dapat diberi tumpuan supaya menghasilkan betul-betul satu produk yang boleh kita banggakan sebagai filem kita wajah kita.

Maka peruntukan yang RM12 juta itu pun akan dapat lebih dimanfaatkan kerana sudah ada satu perancangan sebuah filem hebat yang boleh kita betul-betul rasa bangga.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat Datuk Ghazi berpendapat bahawa pada masa ini filem kita tidak berwajah kita. Kalau filem kita tidak be rwajah kita apakah pengajaran yang boleh diambil oleh rakyat negara ini untuk dijadikan contoh membina sahsiah rakyat negara kita ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan sekarang begitulah, itu pendapat sayalah kerana itulah saya juga bersetuju dengan setengah-setengah pendapat dalam beberapa banyak forum seminar yang dibincangkan. Malah ada pendapat mengatakan bahawa setengah-setengah cerita kalau kita tukar alih bahasa kita *darkkan* dengan izin dengan bahasa lain mungkin ini boleh jadi cerita asing keseluruhannya. Jadi, ini menunjukkan bahawa ini adalah acid test dengan izin mengatakan bahawa cerita yang kita tonjolkan tidak merupakan wajah kita. Oleh kerana itulah satu perancangan yang lebih konkrit untuk menghasilkan ini mesti diambil, mesti dibuat, mesti diberi galakan kerana pengwujudan FINAS dalam bentuk yang ada sekarang tidak ke mana, kita tidak sampai hasil, perkara-perkara seperti ini yang saya rasa mesti diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu lagi Yang Berhormat wanita bangun.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Yang Berhormat Dato' saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat 12 filem yang akan diberi bantuan oleh Kementerian Penerangan. Bukankah elok kalau dari jumlah itu satu filem Tamil ataupun satu filem berbahasa Cina juga dimasukkan kerana pada masa sekarang semua filem yang diimport mungkin tidak sesuai dengan keadaan di negara ini. Kita hendak wujudkan satu masyarakat Malaysia yang mempunyai kebudayaannya tersendiri. Tetapi kalau unsur-unsur atau filem-filem Melayu sahaja digalakkan bukankah bererti masyarakat lain khususnya masyarakat India dan masyarakat Cina tidak diambil kira dan tidak ada apa-apa kegiatan seni untuk menggalakkan artis-artis tempatan daripada dua masyarakat ini dan juga unsur-unsur yang penting dalam menurut keadaan masyarakat Malaysia dimasukkan dalam filem-filem ini. Kalau tidak kita sering mendengar filem-filem dari Bollywood ataupun filem-filem dari Hong Kong tidak sesuai dan mempunyai pengaruh yang amat kuat terutamanya di kalangan belia India dan juga belia Cina. Sekiranya Kementerian Penerangan menggalakkan penerbitan filem tempatan dalam bahasa ini mungkin kita boleh mengelakkan pengaruh yang kuat daripada negara asing. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menyebut tadi. Saya sebenarnya bernama Ghazi bukan Tan Sri Khalil untuk menentukan sama ada komposisi filem begitu patut

diwujudkan. Maksud saya perkara-perkara ini akan diambil kira sekiranya suatu perancangan strategik diadakan dari segi, pertama Dasar Kebudayaan Kebangsaan, yang saya tunjukkan sebagai satu base term of reference dengan izin. Kemudian kita tanya adakah RM12 juta ini hendak kita wujudkan 12 filem ataupun hanya 6 dan kalau 6 dalam bentuk bagaimana 3:2:1 atau apa? Ini maksud saya. Tetapi pandangan Yang Berhormat itu amat tepat inilah yang saya katakan merangkumi segala-galanya. Saya pun tidak mengatakan bahawa hanya patut filem Melayu, saya tidak sebut. Saya hanya sebut ke arah itu berdasarkan satu dasar kebudayaan kebangsaan yang telah dikemas kini. Itu maksud saya dan pandangan mengenai belia suka filem yang begitu dan begini saya juga bersetuju termasuk filem-filem Bollywood yang saya juga turut mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah ini saya rasa pihak Kementerian Penerangan juga patut memberi pengkhususan untuk memberi galakan kepada anak-anak muda untuk menonjolkan kebolehan dalam bidang kreativitinya. Sebab yang kita nampak sekarang ini kita mengharapkan kepada kumpulan yang saya sebutkan tadi, kumpulan yang sudah 20 persatuan yang selalu bertelagah dan berpolitik sesama sendiri, tetapi satu kumpulan lain, kumpulan remaja yang selalu kita kata generasi muda. Kalau dalam Commonwealth hampir 50% umur 25 tahun. Yang 1.7 bilion manusia ini 25 tahun 50%. Jadi, pada saya satu program khusus kepada generasi muda mungkin Kementerian Penerangan bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan memberi penumpuan tentang bidang kreativiti yang kita melihat even satu discovery channel baru-baru ini telah mengumumkan mereka menjalankan satu program memberi galakan kepada orang muda membuat documentary. Galakan kepada mereka ialah kalau ada idea yang baik kita terima, kemudian kita bawa you pergi ke satu tempat dan kita memberi kursus kilat tentang cara-cara hendak mengeluarkan satu documentary yang bermutu tinggi, di mana mutu itu mereka control kalau awak boleh buat begini insentifnya ialah kita akan menyiarkan ini melalui discovery channel yang dalam Astro yang selalu kita lihat itu.

Telah dipilih dua orang pemuda dari setiap negara ASEAN ini dan pada saya begini orang muda merasakan bahawa mereka juga ada ruang untuk terus ke pentas dunia melalui satellite melihat kerja mereka dalam bentuk digital yang sama-sama kita ketahui. Dengan cara ini saya rasa kita memberi ruang kepada anak muda generasi muda yang mempunyai pelbagai minat dan kemahiran dan kebolehan supaya menonjolkan apa sahaja tajuk yang dia rasa baik, asalkan dia

mengikuti garis panduan yang kita beri. Jadi, Kementerian Penerangan mempunyai kuasa untuk memberi garis panduan. Garis panduan bagaimana? Garis panduan berlandaskan dasar kebudayaan kebangsaan yang dikemas kini. Oleh kerana itulah soal content, soal isi ini terlalu amat mustahak. Saya ingin membaca apa yang telah diucapkan oleh seorang dari luar negara dengan izin founder and director of mega trend Asia.

Dia menyebut dalam ucapannya baru-baru ini nama Miss Fook. Katanya dengan izin "we must not create culture as a show case to others" dengan izin dia terus bercerita lagi bahawa kita tidak patut, "Asian must be confidence in own culture", orang Asia hendaklah rasa yakin tentang budaya sendiri. Ini yang kita tekankan, kalau orang luar juga dalam PATA baru-baru ini mengatakan ini kepada kita. Ini menunjukkan bahawa yang dalam penglihatan mereka tidak nampak dari segi culture asli kita. Jadi, dia dalam majlis rasmi inilah yang dia sebut, kata dia lagi, "she also stressed the importance of artistic values and cultures before business as you would be more profitable and the low rank if priority were set right. Jadi, bukan hanya dari segi aspek komersial yang patut ditekankan tetapi dari segi investment, pelaburan dalam aspek culture seni ini hasilnya pulangnya adalah amat berjauhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdullah Ayub.

3.44 ptg.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub: Bismillahir Rahmanir Rahim, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul yang meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 hingga 2010 di dalam Dewan yang mulia ini. Buat permulaannya saya ingin mengucapkan tahniah dan pujian kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana telah berjaya menerbitkan satu rangka rancangan jangka panjang dengan izin outline perspective plan, menggariskan dasar dan hala tujuan pembangunan Malaysia sepuluh tahun yang akan datang untuk membawa negara ke arah pencapaian wawasan 2020 yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan seperti ini bukanlah kali pertama diterbitkan oleh kerajaan bahkan sudah tiga kali semenjak tahun 1970 bermula dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia 20 tahun yang bermula pada tahun 1971 hingga 1990 yang merangkumi Dasar Ekonomi Baru dan selepas itu Dasar Pembangunan Nasional mulai tahun 1991 hingga tahun 2000 dan sekarang Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang bermula dari tahun 2001 hingga 2010. Untuk melaksanakan dasar-dasar dan hala tujuan yang disarankan oleh rangka rancangan-rancangan ini beberapa rancangan lima tahun telah dikeluarkan dan kali ini adalah Rancangan Malaysia Kelapan bagi meliputi lima tahun yang pertama.

Tidak banyak negara-negara di dunia ini yang telah menghasilkan rancangan-rancangan seperti yang dilaksanakan oleh negara kita dan berjaya mencapai tujuannya. Kejayaan negara kita dalam hal ini ialah oleh kerana kebijaksanaan pemerintah yang ada sekarang yang telah berkuasa hampir 45 tahun dalam suasana yang aman dan damai.

Ada juga negara-negara lain yang merancang untuk membangunkan negara mereka dengan kaedah rancangan pembangunan lima tahun, tetapi oleh kerana pertukaran kerajaan yang kerap berlaku dan pemerintahan yang kucar-kacir, rancangan-rancangan itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggubal rancangan jangka panjang dan rancangan lima tahun, penglibatan dan kerjasama yang erat di antara ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kerajaan adalah sangat mustahak. Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa sebahagian besar daripada kejayaan negara kita pada hari ini adalah dengan berkat khidmat yang cekap, jujur dan setia yang diberikan oleh semua peringkat pegawai kerajaan yang memberi input, dengan izin, dalam perancangan dan dalam pelaksanaannya. Oleh itu, kita patutlah merekodkan perasaan terima kasih kita kepada mereka sama ada yang sedang berkhidmat atau yang telah bersara sebagai penghargaan kita ke atas sumbangan mereka yang membolehkan negara kita maju, aman dan makmur.

Pagi tadi kita telah mendengar teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan dan juga Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak mengenai sikap pegawai-pegawai kerajaan terutama yang berjawatan tinggi yang dikatakan menjalankan kerja mereka sambil lewa atau rasuah. Saya rasa tidaklah berpatutan bagi kita melemparkan tohmahan kepada mereka sama ada

secara umum atau secara khusus di dalam Dewan ini kerana pegawai-pegawai kerajaan itu tidak ada peluang untuk menjawab tohmahan itu di Dewan ini di mana kita sekalian dilindungi oleh undang-undang. Sungguhpun saya tidak lagi berkhidmat dengan kerajaan, saya percaya tidak ramai pegawai tinggi yang berperangai seperti yang dituduh dan saya yakin sebahagian besar daripada pegawai kerajaan bertugas dengan penuh dedikasi, jujur dan setia dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh mengenai kedudukan pesara-pesara kerajaan yang pada suatu masa dahulu telah memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan negara kita sekarang. Apabila seseorang itu mula bersara setelah berkhidmat begitu lama dengan kerajaan, dia akan mengalami beberapa kejutan atau *shock*, dengan izin. Kejutan itu berlaku kerana beberapa sebab. Yang pertama, apabila seseorang pegawai itu bersara, dia akan mendapat separuh atau satu perdua daripada gaji bersihnya sebelum masa ia bersara dahulu. Dia tidak lagi mendapat elaun sewa rumah, elaun lebih masa, elaun perkhidmatan, elaun perjalanan dan mereka juga tidak dapat kenaikan mata gaji atau *increment*, dengan izin. Oleh itu, sebenarnya dia mendapat hanya lebih kurang satu pertiga daripada pendapatan sebelum dia bersara. Sekiranya dia tidak mempunyai wang simpanan atau ada punca pendapatan yang lain, dia akan menghadapi masa hadapan yang sukar.

Kejutan yang kedua, semua pegawai kerajaan mempunyai kuasa, daripada yang tinggi kepada yang rendah. Pegawai tinggi berkuasa meluluskan pelbagai permohonan, permit, lesen, tanah, pasport, peruntukan wang, naik pangkat dan sebagainya. Pegawai-pegawai yang rendah pula, seperti polis konstabel, boleh menangkap orang, mengarahkan orang bersurai dan posmen pula boleh mempercepatkan atau melambatkan sampai surat. Begitu juga pembantu pejabat, dia boleh menurun atau menaikkan fail. Apabila pegawai-pegawai itu bersara dia sudah tidak mempunyai kuasa lagi.

Kejutan yang ketiga, kehilangan kedudukan dan maruah diri. Pada masa berkhidmat dahulu seseorang pegawai itu biasanya mendapat keutamaan di hospital, di Jabatan Imigresen untuk pasport, di Pejabat Pos atau di JPJ untuk lesen kereta dan sebagainya. Sekarang mereka terpaksa beratur dalam *queue* bersama orang ramai. Di dalam majlis rasmi atau majlis kahwin, seorang pegawai itu disediakan tempat duduk tertentu di sebelah hadapan. Apabila telah bersara dia

terpaksa cari tempat sendiri, selalunya di belakang. Di masjid pun biasanya apabila menjadi pegawai dia duduk hampir dengan imam. Tetapi selepas dia bersara dia terpaksa duduk di belakang. Begitu juga keadaan di rumah, dahulu pada masa dia bekerja dia tidak ada di rumah, selalu sahaja mesyuarat siang dan malam. Tetapi sekarang sudah sentiasa berada di rumah sehinggakan isteri pun jemu melihatnya.

[Ketawa]

Kesan-kesan yang saya sebut itu barangkali juga tidak dapat dielakkan kerana sudah menjadi tabiat dunia. Biar pun begitu, kita hendaklah ingat bahawa pesara itu mempunyai barang atau komoditi yang sangat berharga iaitu masa. Masa yang banyak itu boleh dibazirkan begitu sahaja jika tidak digunakan dengan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, berkat kemajuan negara kita, taraf kehidupan dan taraf kesihatan rakyat kita juga telah bertambah baik. Dengan itu jangka hayat, *life expectancy*, dengan izin, seorang penduduk itu telah juga meningkat kepada 72 tahun bagi lelaki dan 75 bagi wanita. Pada masa ini umur wajib pesara seseorang pegawai kerajaan ialah 55 tahun iaitu satu umur yang masih muda, berkat taraf kesihatan yang kita capai sekarang. Sama ada umur wajib bersara itu patut dinaikkan ataupun tidak akan mengambil masa yang panjang untuk membahaskannya. Tetapi saya rasa banyak keuntungannya daripada kerugiannya sekiranya umur bersara wajib itu ditingkatkan sehingga 60 tahun atau lebih seperti yang dilakukan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, skim pencen yang dipakai oleh kerajaan sekarang adalah satu skim yang berpatutan kalau dibandingkan dengan skim yang dipakai di negara-negara lain terutama negara-negara yang berhampiran dengan kita. Walau bagaimanapun, ada kelemahan-kelemahannya yang patut diperbaiki supaya pesara-pesara tidak hidup di bawah tahap kemiskinan. Pada masa ini adalah lebih kurang 30% daripada pesara yang berjumlah hampir 400,000 orang mendapat pencen kurang daripada RM350 sebulan. Nyatalah mereka ini hidup di bawah tahap kemiskinan. Oleh yang demikian, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia yang saya wakili telah mengesyorkan supaya satu pencen minimum ditetapkan bagi semua pesara agar mereka juga terkeluar daripada taraf kemiskinan seperti yang diutarakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Mengikut skim pencen yang ada sekarang, pembayaran pencen adalah berdasarkan faktor satu per enam ratus darab tempoh berkhidmat, darab gaji terakhir

tetapi tidak melebihi satu perdua gaji terakhir. Ini bermakna perkhidmatan selama 25 tahun sahaja yang diambil kira. Perkhidmatan selebih itu tidak diambil kira. Sekiranya orang itu berkhidmat selama 35 tahun, maknanya 10 itu tidak diambil kira. Kalau tempoh ini diambil kira, pesara-pesara yang berkhidmat lebih daripada 25 tahun yang kebanyakannya pegawai bergaji kecil akan menikmati pencen yang lebih sempurna dan dengan sekali gus dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh pesara yang menerima pencen yang terlampau kecil.

Perkara ini telah dibawa beberapa kali oleh Persatuan Pesara kepada kerajaan dan akhirnya pada tahun 1996 kerajaan telah bersetuju secara prinsipnya untuk melaksanakannya tetapi malangnya, kerajaan tidak jadi melaksanakannya kerana kekurangan wang pada masa itu. Jadi, Persatuan Pesara berharap kerajaan akan menimbang semula keputusan itu dengan tujuan untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 hingga 2010) yang dimajukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dahulu.

3.56 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Dab' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 17 Mei 2001.

Sebelum saya meneruskan perbincangan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah menyediakan satu rangka rancangan jangka panjang yang begitu mantap, baik dan seimbang dari segi semua aspek. Saya percaya banyak masa telah digunakan untuk mengkaji, membincang dan menyediakan rangka rancangan jangka panjang ini. Oleh yang demikian, saya ingin juga memberi tahniah dan syabas kepada mereka yang telah terlibat dalam menyediakan rangka rancangan ini terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini seperti mana yang saya maklumkan tadi adalah lengkap dan mantap dan mempunyai arah tujuan yang tertentu. Saya percaya segala pengalaman iaitu baik dari segi pencapaian mahupun dari segi kelemahan yang telah kita lalui semasa pelaksanaan

Dasar Ekonomi Baru dan juga Dasar Pembangunan Negara telah serba sedikitnya memberi, dengan izin, *input* ke atas rangka rancangan jangka panjang ini. Begitu juga dengan suasana yang ada sekarang di mana kita menghadapi banyak cabaran terutama sekali cabaran daripada keadaan globalisasi dan juga liberalisasi dan seterusnya kemajuan dan penggunaan teknologi maklumat dan perhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, semua yang telah dirangka dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini tentu sekali tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa penglibatan rakyat, maka tumpuan kerajaan dalam menitikberatkan ke atas pembangunan manusia untuk menjayakan rangka rancangan ini kelak melalui pendidikan, latihan dan latihan semula adalah tepat dan wajar. Saya percaya Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan tentu sekali akan menjalankan tanggungjawab mereka dengan tekun dan baik.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa kelemahan di sana-sini dalam pelaksanaan sesuatu projek itu memang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, saya ingin memberi peringatan kepada agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan projek-projek supaya berhati-hati dalam menjalankan tugas mereka supaya tiap-tiap perkara yang telah dirancang dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini akan dapat dilaksanakan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini telah dimaklumkan bahawa kerajaan berhasrat untuk memberi kemudahan, pendidikan kepada rakyat di luar bandar dan juga di bandar, kalau boleh dalam tahap yang sama supaya kita dapat merapatkan lagi jurang kemudahan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin hendak menyentuh sedikit ataupun memberi peringatan kepada kementerian dan jabatan yang berkenaan terutama sekali dalam pelaksanaannya kelak bagi negeri Sarawak dan mungkin juga Sabah, ini adalah kerana kalau kita lihat Sabah dan Sarawak negerinya luas, sekolah-sekolahnya berselerak dan terpencil dan tidak mudah kita hubungi seperti apa yang dapat kita buat di bandar-bandar. Oleh yang demikian, saya berharap kemudahan yang akan kerajaan beri kelak kepada sekolah-sekolah di luar bandar terutama sekali alat-alat *information technology* dan juga *generator*, dengan izin, yang akan dibekalkan ke sekolah-sekolah ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang pernah kita alami di masa-masa yang lampau, walaupun perancangan itu dibuat dengan baik terdapat juga sekolah-sekolah di luar bandar mengalami masalah yang tidak baik seperti apa yang dirancangan. Sebagai contoh, kalaulah sekolah di luar bandar itu mempunyai atap yang bocor ataupun kerosakan ke atas bangunannya, kerja-kerja untuk membaiki pulih perkara-perkara yang rosak itu akan memakan masa yang begitu panjang. Ini tentu sekali kita lebih maklum kerana mungkin jarak sekolah itu terlalu terpencil. Kalaulah sekolah itu di bandar di mana Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab mudah pergi melihat dan menerima laporan, dengan segeranya sahaja kerosakan di bangunan sekolah itu akan dapat dibaiki tetapi tidak bagi sekolah yang berada di dalam kawasan pedalaman ataupun di luar bandar.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk membekalkan komputer dan *generator set* ke sekolah-sekolah luar bandar, saya berharap pihak kerajaan akan menyediakan, dengan izin, *back up services*. Memang benar pihak kementerian yang berkenaan tentu peka dengan perkara ini dan tentu sekali sudah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti apa yang saya sebut tadi. Tetapi dukacitanya apabila kita melaksanakan sesuatu projek kadang-kadang kelemahan itu selalu timbul dan kita lupa dan oleh yang demikian, maka sekolah-sekolah di luar bandar tentulah sekali anak-anak murid ataupun pelajar-pelajar di luar bandar akan mengalami ketidakpuasan dalam pemberian kemudahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya di kawasan luar bandar itu sesebuah sekolah tidak mempunyai guru IT yang terlatih, besar kemungkinan komputer itu akan rosak jikalau dibiarkan pelajar-pelajar menggunakannya tanpa bimbingan. Begitu juga bahasa jikalau penuntut-penuntut di luar bandar tidak dapat menguasai bahasa Inggeris, maka sukarlah bagi mereka untuk menggunakan komputer itu. Dan keadaan yang menyedihkan akan timbul sekiranya tidak ada alat ganti yang dapat diberi untuk menggantikan alat-alat komputer yang rosak ataupun tidak dapat menggantikan alat-alat generator set yang rosak, kalau dapat digantikan pun ianya akan memakan masa sampai berbulan-bulan. Jikalau keadaan seperti ini berlaku besar kemungkinan kebanyakan daripada alat-alat komputer kita dan juga generator set itu akan menjadi, dengan izin, *white elephant*. Ianya ada di sekolah-sekolah tetapi tidak dapat digunakan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi peringatan sekali lagi kepada kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ini supaya bersedia membuat ataupun memberi perkhidmatan sokongan kepada alat-alat komputer dan juga generator set yang dihantar ke sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RRJP3 ada menyebut berhubung dengan pendidikan sepanjang hayat. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan mengalu-alukan usaha untuk memberi kemudahan pendidikan sepanjang hayat supaya lebih ramai lagi rakyat yang tidak bernasib baik, yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi akan dapat melanjutkan pelajaran mereka di kemudahan-kemudahan yang akan disediakan oleh kerajaan sebagai contoh, community college, dengan izin.

Dengan adanya community college ini kelak, saya percaya lebih banyak lagi pelajar-pelajar yang tidak bernasib baik akan dapat meneruskan pelajaran mereka. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini juga supaya bagi negeri Sarawak dan Sabah kalau bolehlah, negeri-negeri ini tidak ketinggalan dalam pemberian kemudahan community college kelak apabila projek ini dijalankan.

Dan bagi negeri Sarawak, yang begitu panjang dan luas, saya berharap lebih daripada satu community college itu akan dapat dibinakan supaya lebih banyak lagi pelajar-pelajar di Sarawak akan dapat berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka. Sebagai contoh, kalaulah kawasan selatan iaitu kawasan Kuching, Sibu, Sri Aman dan Kapit mungkin community college itu boleh diadakan di Kuching dan bagi kawasan utara, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas mungkin kolej itu boleh diadakan di kawasan Miri. Dengan adanya agihan community college seperti itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya lebih banyak lagi rakyat di Sarawak akan dapat melanjutkan pelajaran mereka lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RRJP3 kerajaan juga berusaha sambil kita meneruskan penguasaan kita dalam bahasa Malaysia, kita juga akan berusaha menguasai bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa yang lain, ini adalah baik Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya penguasaan kita dalam bahasa Malaysia, kita akan dapat memantapkan lagi bahasa perpaduan iaitu bahasa kebangsaan Malaysia dan dengan adanya kita belajar dan fasih dalam bahasa Inggeris, ianya akan membolehkan kita untuk berhubung dengan dunia luar dan juga menguasai bahasa dalam IT dan begitu juga dengan bahasa lain, tetapi di sini ingin juga saya bertanya kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan, Kementerian Pendidikan bercadang

menggalakkan pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan pelajar-pelajar bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengutarakan cadangan ini berdasarkan kepada penggunaan bahasa Mandarin itu yang digunakan oleh sebahagian besar daripada rakyat negara ini. Kalau tidak salah saya bahasa Mandarin juga digunakan di seluruh dunia ini mungkin dalam peringkat kedua setelah bahasa Inggeris. Dan saya juga telah membaca dalam surat khabar bahawa di satu simposium ataupun seminar yang baru diadakan di Penang baru-baru ini, berhubung dengan bahasa di mana seorang peserta daripada Australia telah mengatakan bahawa penggunaan bahasa Mandarin dalam IT juga telah meningkat dan populariti mengenai bahasa Mandarin di dunia sekarang telah juga meningkat, begitu juga dengan bahasa Sepanyol.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, memandangkan negara kita mempunyai hubungan yang rapat juga dengan negara-negara yang menggunakan bahasa Mandarin, maka saya ingin menyarankan supaya penuntut-penuntut bumiputera juga digalak secara serius untuk belajar bahasa Mandarin.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berusaha untuk boleh mengeluarkan bahan makanan sendiri. Dan pengetahuan untuk bertani telah kita perhebatkan di institusi-institusi pengajian tinggi tetapi saya tidak tahu sama ada pengetahuan ini juga kita pertingkatkan di kalangan murid-murid ataupun penuntut-penuntut di sekolah rendah terutama sekali mereka yang berada di kawasan luar bandar ataupun kawasan pedalaman.

Saya berharap kerajaan juga akan memberi pendedahan yang lebih banyak lagi tentang pendidikan pertanian kepada murid-murid di luar bandar, supaya murid-murid ini jikalau mereka gagal untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi, sekurang-kurangnya mereka akan dapat menggunakan tangan mereka untuk menghasilkan pendapatan dari bumi melalui pertanian dan ini juga akan menarik minat mereka lebih lagi untuk berkecimpung dalam pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara begini, kita akan dapat menghalang terlalu banyak daripada rakyat di luar bandar berhijrah ke bandar. Memang bagus kalau rakyat dari luar bandar berhijrah ke bandar untuk mendapatkan peluang-peluang yang ada di bandar, tetapi jikalau terlalu banyak mereka berpindah berhijrah ke bandar, tentu sekali tidak ada rakyat kita yang akan mengusahakan pertanian kita dari segi penyertaan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia adalah bahasa perpaduan negara kita dan setakat ini kita bangga dengan penghayatan dan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat Malaysia. Tetapi saya ingin bertanya kepada kerajaan, sama ada kerajaan masih lagi meneruskan pelajaran Bahasa Malaysia di kelas-kelas perpaduan untuk rakyat Malaysia yang sudah berumur yang mungkin tidak sempat belajar Bahasa Malaysia sebelum ini.

Kalau tidak silap saya, di dalam tahun 70-an dan 80-an, kita mempunyai kelas-kelas perpaduan dan juga kelas-kelas malam untuk orang-orang dewasa. Dan, salah satu daripada mata pelajaran yang diajar ialah Bahasa Malaysia. Jadi, saya ingin bertanya sama ada usaha ini masih diteruskan. Dan, saya berharap jikalau ia sudah diperlahankan, ia haruslah diperketatkan ataupun diperhebatkan lagi supaya lebih banyak lagi daripada lapisan rakyat kita di Malaysia ini akan dapat faham dengan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membangunkan negara ini, kita memang mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing kerana dengan adanya penglibatan pelabur-pelabur asing di negara kita ini, ia bukan sahaja membawa ataupun memudahkan pemindahan teknologi bahkan ia juga akan membawa pemindahan kewangan dan juga mendedahkan hasil keluaran negara kita ke pasaran yang lebih besar lagi.

Tetapi di sini saya ingin mengingatkan pihak kerajaan supaya dalam kita berusaha untuk membawa pelabur asing masuk, kita hendaklah berjaga-jaga supaya pelabur asing tidak akan mengambil kesempatan, di mana mereka akan membawa masuk teknologi-teknologi ataupun jentera-jentera yang sudah usang, yang mana sudah tidak berguna lagi di negara mereka, mereka bawa ke sini untuk dijadikan ekuiti.

Mungkin perkara begini pernah berlaku di masa-masa yang lampau, Tuan Yang di-Pertua, dan saya percaya mungkin masa kini ia sudah tidak berlaku lagi. Walau bagaimanapun, kita hendaklah berwaspada kerana seperti mana yang kita maklum teknologi maklumat bertukar, berubah dengan pantas dan sekiranya kita membawa pelabur-pelabur asing masuk dan kita tidak bersedia, dan kita tidak memeriksa dan mengawal selia dengan teliti, besar kemungkinan teknologi yang masuk adalah teknologi yang sudah usang, kerana seperti mana yang saya maklumkan tadi, teknologi yang kita alami sekarang adalah suatu teknologi yang cekap dan cepat berubah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai rangka-rangka rancangan untuk meluaskan lagi perdagangan kita. Dan, seperti mana yang kita maklum dengan adanya WTO dan AFTA kelak, maka cara kita berdagang adalah dengan izin, *liberal* ataupun satu situasi *liberalization* akan wujud, di mana kita akan mempunyai pasaran yang luas, bebas untuk berniaga. Dan, bagi kita di Malaysia, alhamdulillah, seperti apa yang kita lihat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, kita sudah bersedia untuk menangani masalah-masalah yang akan timbul dan kita bersikap positif terhadap liberalisasi ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini, sebab tadi semasa soal-jawab, saya berharap soalan saya yang bernombor 12 dapat peluang dan saya hendak bertanya soalan tambahan tetapi masa tidak mengizinkan. Dengan adanya peluang ini, saya akan bertanyalah. Saya berharap pihak kerajaan akan lebih berhati-hati lagi supaya apabila AFTA wujud kelak, kita akan dapat mengawasi situasi di mana barang-barang daripada negara yang bukan ASEAN masuk ke negara ASEAN melalui salah satu daripada negara ASEAN sebagai pintu masuk dan dengan itu dapat bersaing dengan kita dengan menggunakan kemudahan yang ada dalam AFTA. Perkara ini sudah timbul dan dilaporkan dalam surat khabar di mana ada didakwakan bahawa sebuah negara bukan anggota ASEAN akan menggunakan pintu masuk melalui salah sebuah daripada negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak kerajaan dan pegawai-pegawai kita tentu lebih cekap lagi untuk mengatasi dan menangani segala masalah yang telah saya sebut atau kemungkinan yang akan berlaku tetapi saya rasa saya tidak menjalankan tugas saya sekiranya saya tidak memberi peringatan. Apa yang saya buat hanyalah untuk memberi peringatan supaya kita lebih berwaspada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk membangun usahawan sangatlah dialu-alukan kerana usahawan juga menyumbang kepada pembangunan negara. Dan, mereka juga telah membantu kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada pekerja-pekerja kita dan dengan sendirinya meringankan beban kerajaan. Dan, selain daripada itu, kerajaan akan dapat sokongan dari segi pembangunan negara jikalau usahawan-usahawan kita dapat mengusahakan kegiatan-kegiatan mereka dengan cekap dan maju.

Saya pun juga ikut serta dengan sahabat saya yang lain, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, terutama sekali Yang Berhormat Tuan Rosli, yang pada

pagi ini telah memaklumkan dan bercakap panjang lebar tentang penglibatan usahawan bumiputera dalam perniagaan. Saya di sini ingin bertanya sama ada pihak bank hanya memberi tugas untuk memberi pinjaman sahaja kepada usahawan ataupun mereka juga mempunyai, dengan izin, *social obligation*, untuk melihat supaya usaha usahawan-usahawan kecil kita, terutama sekali, dengan izin, *small business operators*, terutama sekali bumiputera dapat diberi bimbingan dari segi kemajuan perniagaan mereka.

Seperti mana yang kita maklum, apa yang berlaku di negara kita terutama sekali yang berlaku ke atas peniaga-peniaga kecil ialah apabila mereka menghadapi masalah, bank selalunya hanya mengambil tindakan yang senang iaitu menghentikan kemudahan pinjaman kepada mereka. Kalau diberi *overdraft*, *overdraft* itu diturunkan parasnya. Dengan sendirinya keadaan begini akan menyusahkan peniaga-peniaga kita yang kecil dan mereka mengambil tindakan seperti ini adalah disebabkan peniaga itu tidak mempunyai prestasi yang baik.

Sepatutnya pihak-pihak bank juga mempunyai satu bahagian di mana mereka seharusnya memberi nasihat kepada peniaga-peniaga kecil ini bagaimana untuk memperbaiki perniagaan mereka. Dan, di mana letaknya kesilapan dan kelemahan mereka dan di mana perlu pihak bank haruslah memberi sokongan.

Sepertimana yang kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, tidak semua perniagaan ini untung, ada juga barangkali mungkin sebahagian besar daripada mereka, usahawan-usahawan yang menceburkan diri dalam perniagaan kecil misalnya rugi, tidak banyak yang berjaya, mungkin lebih banyak lagi yang rugi. Maka dengan itu jikalau pihak bank mempunyai satu sikap yang melebihi keuntungan daripada membantu peniaga-peniaga kecil kita begini maka usaha kerajaan untuk membangunkan usahawan-usahawan kecil tidak akan dapat tercapai walaupun kerajaan telah banyak memberi infrastruktur ataupun suasana yang lebih baik untuk pengusaha-pengusaha kita berusaha sehingga maju.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya membahaskan pembangunan usahawan ini, saya juga ingin menyarankan supaya kementerian yang bertanggungjawab akan mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan persatuan-persatuan, peniaga-peniaga kerana saya percaya melalui persatuan peniaga-peniaga terutama sekali peniaga-peniaga kecil, pihak berkuasa yang berkenaan akan dapat mengetahui masalah dan banyak lagi perkara-perkara lain yang melibatkan usahawan-usahawan kecil kita dengan lebih banyak lagi dan mudah. Oleh yang demikian, saya berharap

kementerian yang berkenaan akan membimbing persatuan-persatuan peniaga kecil dalam urusan mereka supaya prestasi mereka akan mempunyai satu kesan yang baik untuk kepentingan ahli-ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan ini, saya menyokong rangka-rangka yang ada dimuatkan dalam RRJP3 yang berhubung dengan rakyat kita yang harus berdisiplin dan berhemat tinggi untuk menjayakan rancangan ini dan untuk mencapai tahap ini, rakyat hendaklah bersatu padu, matang dalam politik, bertolak ansur dan lebih faham dan bekerjasama di antara satu dengan lain. Semoga apa yang telah kita rancang seperti apa yang ada dimuatkan dalam RRJP3 akan dapat terlaksana.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Ratnam.

4.29 ptg.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas usul OPP3. Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana telah membenteng OPP3 yang dianggap komprehensif dan bermatlamat menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan, pengagihan pendapatan meliputi masyarakat Malaysia keseluruhan. Kesemua kaum akan dapat peluang untuk menaikkan taraf kehidupan. Kami juga ucapkan syabas kepada kerajaan Barisan Nasional yang telah menyediakan beberapa rancangan khas untuk bumiputera supaya yang mundur di dalam kalangan bumiputera dapat dinaikkan taraf kehidupan dari segi pelajaran, perniagaan, pembinaan dan di kesemua sektor lain-lain. Kami sokong dasar kerajaan Barisan Nasional supaya dapat meneruskan dasar ini dengan rancangan-rancangan khas untuk mencapai matlamat kerajaan supaya bumiputera dapat memegang 30% ekuiti. Bumiputera adalah sahabat kita, sahabat yang *tolerant*, sahabat yang kita sayangi, sahabat yang tidak cemburu dengan kemajuan kaum-kaum lain di negara ini.

Pada masa yang sama, adalah tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional untuk membantu yang mundur dari kaum bukan bumiputera supaya beliau juga dapat menikmati dalam perkembangan kek-ekonomi negara kita ini. OPP3 bagi tempoh sepuluh tahun mulai 2001 hingga 2010 adalah satu rancangan gergasi yang akan membawa kemakmuran kepada kesemua kaum di tanah air kita. OPP3

adalah satu peluang besar yang telah diperolehi oleh kaum India melalui Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2) yang telah menyarankan program ekonomi bagi meningkatkan pegangan ekuiti kaum India. Kerajaan Barisan Nasional telah meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Dua kejayaan besar pentadbiran politik Barisan Nasional ialah pertumbuhan ekonomi dan pemerintahan kerajaan yang berkesan. Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab dan sensitif kepada keperluan rakyat.

Satu perkara yang amat membimbangkan ialah terhadap rendah penglibatan kaum India dalam ekonomi negara. Kaum India telah dapat menikmati sedikit sebanyak kejayaan dalam bidang perniagaan tradisional tetapi pada keseluruhannya mereka masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Mereka hanya bekerja makan gaji dan tidak berpeluang untuk menceburkan diri dalam perdagangan dan industri kerana kekurangan sumber yang diperlukan. Kekurangan modal menyukarkan perkembangan perniagaan tradisional. Saya mengalu-alukan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang penyayang. Kerajaan sedar bahawa kaum India adalah mundur dan oleh sebab itu perlu beri keistimewaan kepada kaum itu supaya beliau juga dapat mengikuti arus pembangunan negara kita. Dengan tujuan ini kerajaan telah merancang supaya ekuiti korporat kaum India juga perlu ditingkat daripada 1.5% sekarang ke 3% dalam tempoh sepuluh tahun OPP3 itu. Syabas dan terima kasih kepada bukan sahaja kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad tetapi kepada Presiden Parti MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu dan kesemua ahli-ahli yang menyediakan rancangan OPP3 termasuk sahabat Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang juga menjadi salah seorang panel ahli MAPEN 2, betul ya? Terima kasihlah Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul, betul.

Tuan M. Ratnam: Memandangkan pemilikan ekuiti korporat yang rendah di kalangan etnik India, perhatian akan diberi bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam tempoh OPP3. Sehubungan dengan itu, usaha akan dijalankan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka kepada 3% menjelang tahun 2010. Pada masa yang sama, satu kajian akan dijalankan untuk menilai tahap penyertaan kumpulan etnik India dalam ekonomi bagi merangka strategi dan program yang bersesuaian. Ini adalah dalam muka 92, perenggan 4.18 rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan beberapa strategi di dalam merealisasikan matlamat murni kerajaan.

Jumlah saiz ekuiti korporat negara kita pada masa ini dianggarkan bernilai sebanyak RM600 bilion. Pemilikan ekuiti korporat kaum India sebanyak 1.5% iaitu bernilai sebanyak RM3 bilion sahaja. Sekiranya saiz ekuiti korporat berkembang dengan kadar berkala 5% setahun kadar konservatif, maka menjelang tahun 2010 nilai ekuiti korporat Malaysia akan mempunyai saiz sebesar RM977.34 bilion.

Ini bererti ekuiti kaum India juga turut akan meningkat ke RM29.32 bilion iaitu 3% daripada RM977.32 bilion. Peningkatan sebanyak 877.33% dalam jangka masa 10 tahun akan datang atau secara purata 87.73% setiap tahun. Perkiraan simbol tersebut memberikan garis panduan kepada kerajaan bahawa perlu adanya pelan tindakan yang jelas, kukuh serta pemantapan yang serius daripada pihak kerajaan untuk mencapai sasaran OPP3.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa tanpa penyertaan kerajaan yang serius maka harapan akan kekal sebagai harapan sahaja. Terdapat dua cara untuk meningkatkan ekuiti saham. Cara pertama adalah melalui *sekundari market*. Dengan cara ini pelabur-pelabur perlu membeli saham-saham yang telah disenaraikan di bursa saham. Memandangkan wujudnya terlalu banyak syarat dan halangan maka cara ini dianggap tidak membawa faedah dan manfaat yang diharapkan. Cara kedua adalah melalui penglibatan aktif dalam *primary market*. Cara ini dianggap lebih potensi secara perbandingan.

Saya mencadangkan bahawa kerajaan mewujudkan satu polisi baru di dalam mengagihkan terbitan saham baru kepada orang awam (ITO). Sebagai panduan menggunakan borang warna kuning kepada kaum India yang mohon saham baru supaya mereka dapat keistimewaan sama seperti pemohon bumiputera. Dalam pada itu kerajaan perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% ekuiti saham baru kepada pemohon kaum India. Pejabat atau rumah terbitan saham baru membuat cabutan pemilihan dua kali iaitu cara yang sama seperti yang diamalkan kepada pemohon saham baru kaum bumiputera. Pada kali pertama cabutan dibuat di kalangan pemohon kaum bumiputera sahaja dan permohonan yang tidak berjaya kali ini akan dimasukkan bersama dengan permohonan bukan bumiputera dan memberi peluang kali kedua di dalam cabutan terbitan saham baru.

Memandangkan cara ini kebarangkalian lebih tinggi untuk berjaya di dalam cabutan terbitan saham baru, maka saya mengesyorkan mekanisme yang sama dipanjangkan kepada pemohon saham baru kepada kaum India. Sekiranya permohonan daripada kaum India untuk sesuatu penerbitan tidak menukupi maka

saya cadangkan supaya saham-saham lebih tersebut disalurkan kepada PNB (Perbadanan Nasional Berhad) sebagai pemegang amanah.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan wang RM500 milion sebagai bantuan awal khusus untuk memenuhi matlamat ini. Sumber kewangan ini perlu dikaji semula dari semasa ke semasa dan dipertingkat berperingkat-peringkat bersesuaian dengan keperluan semasa. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PNB di atas keunggulannya mentadbir Amanah Saham Nasional. Perlu dinyatakan di sini bahawa bekas Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela pernah memuji dan menyatakan hasratnya untuk memulakan suatu amanah saham seperti ASN di negaranya kerana ia merupakan amanah saham yang terbesar dari segi penyertaan ahli dan paling berjaya dalam membasmi kemiskinan mutlak. Masa sudah tiba di mana PNB perlu memperluaskan matlamatnya dan melibatkan kaum India di dalam programnya melalui menguruskan suatu amanah saham khas untuk kaum India.

Saya mencadangkan bahawa kerajaan menasihatkan bank-bank perdagangan supaya memberikan kelonggaran dari segi syarat kelayakan untuk mendapatkan pinjaman membeli saham seperti yang telah ditawarkan kepada kaum bumiputera semasa Amanah Saham Nasional dilancarkan oleh PNB. Dengan adanya pinjaman seumpama ini, ramai kaum bumiputera dapat menyertai skim pelaburan ASN dan mendapat manfaat yang lumayan. Sekiranya skim pinjaman yang seumpama disediakan kepada pelabur kecil kaum India dengan mengenakan kadar kaedah yang rendah maka lebih ramai kaum India akan berpeluang untuk mendapat pinjaman kewangan serta menyertai di dalam skim amanah saham secara aktif.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, peluang pekerjaan untuk kaum bukan bumiputera di dalam sektor awam kurang memuaskan. Baru-baru ini Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa pekerjaan di sektor awam tidak menunjukkan kedudukan komposisi rakyat Malaysia dan bahawa perlu ditingkatkan orang bukan bumiputera dalam sektor awam. Saya mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri kita dan terima kasih kepada Perdana Menteri.

Pengambilan kakitangan baru dan kenaikan pangkat dari golongan bukan bumiputera turut memerlukan polisi yang lebih liberal. Adalah menjadi harapan saya sekiranya kaum bukan bumiputera diberi peluang 30% di semua peringkat di dalam sektor awam, ia akan menggambarkan penyertaan rakyat Malaysia yang lebih adil

dan saksama. Ramai syarikat swasta telah menyatakan rasa tidak puas hati mereka khususnya selepas sesuatu perayaan kerana pejabat kerajaan tidak dapat memberi perkhidmatan yang sempurna atas alasan ramai di antara pegawai atasan dan kakitangan masih di dalam cuti panjang.

Sebagai contoh, saya ingin menceritakan pengalaman seorang mahasiswa universiti tempatan di Stamping Office di Jalan Attap, Kuala Lumpur pada Disember lalu. Dua hari selepas cuti Hari Raya Puasa mahasiswa telah pergi ke Stamping Office untuk membuat *stamping* di pejabat tersebut. Selepas melengkapkan pentafsiran, beliau telah diarahkan supaya membeli setem hasil di pejabat pos dan kembalikan borang tersebut di pejabat stamping. Stamping Office hanya dapat membatalkan setem dengan alasan bahawa pegawai kewangan dan pegawai-pegawai yang setaraf dengannya masih dalam cuti. Masalah seperti ini wujud kerana tidak ada keseimbangan dari segi pengambilan kakitangan mengikut kaum. Saya juga ingin tahu adakah amalan pengambilan kakitangan sektor awam berdasarkan kaum iaitu bagi setiap 5 orang kakitangan awam perlu ada seorang kakitangan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian terhadap polisi yang diamalkan di EPF baru-baru ini. Pada bulan Ogos lalu pihak pengurusan EPF telah melaksanakan proses kenaikan pangkat di kalangan kakitangannya. Seperti kita sedar dan tahu, kenaikan pangkat seharusnya berdasarkan kepada merit. Di antara kriteria yang diambil kira adalah kewujudan kekosongan untuk sesuatu jawatan, kelayakan pendidikan tambahan, sumbangan luar biasa dari segi perkhidmatan kepada majikan dan sebagainya.

Setelah tamatnya proses kenaikan pangkat, nampaknya orang yang diamanahkan tanggungjawab tidak melakukannya secara adil. Ada kes di mana seorang kakitangan mulakan kariernya sebagai pemandu. Atas daya usahanya untuk memperbaiki kedudukannya, beliau telah menduduki dan lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia, EPF telah menaikkan pangkatnya sebagai kerani pada masa tersebut.

Pekerja tersebut melanjutkan pelajarannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, program separuh masa di universiti tempatan dan lulus dengan cemerlang. Program ini diiktiraf oleh pihak EPF. Ada kakitangan di EPF yang menerima Ijazah Sarjana Muda pada masa yang sama dengan pekerja tersebut dinaikkan pangkat. Tambahan pula, beliau sedang melanjutkan pendidikan di peringkat sarjana. Pekerja

ini mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dan sudah berkhidmat dengan EPF selama 15 tahun.

Isunya pekerja ini tidak diberikan kenaikan pangkat dan masih bekerja sebagai seorang kerani. Apa yang menarik perhatian saya adalah bahawa pihak EPF telah mengiklankan untuk mengisi kerja kosong dan kelayakan yang diminta adalah sama dengan apa yang dimiliki oleh pekerja ini. Adakah ini merupakan satu bentuk diskriminasi? Saya merayu kepada kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya dan memastikan bahawa kesilapan seperti ini tidak berulang pada masa akan datang, bukan sahaja di EPF tetapi di jabatan-jabatan lain.

Saya juga mengambil kesempatan ini meminta Jabatan Perkhidmatan Awam supaya membuka lebih banyak peluang kepada kaum India iaitu mengambil sekurang-kurangnya 10% di dalam pengambilan kakitangan baru dan kenaikan pangkat meliputi peringkat strategik hingga kakitangan bawahan. Polisi ini akan sedikit-sebanyak membantu memperbaiki kedudukan sosio ekonomi kaum India.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedar bahawa sektor swasta perlu meningkatkan peranannya di dalam membangunkan negara. Dasar penswastan yang telah dilancarkan oleh kerajaan membawa manfaat kepada rakyat Malaysia, khususnya dari segi menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

Malaysian Indian Congress melalui program-program khusus telah melahirkan ramai usahawan-usahawan muda. Sesungguhnya golongan muda ini amat berminat untuk menjadi sebahagian dari sektor swasta dan menyumbang secara efektif untuk pembangunan masa depan negara, maka tidaklah keterlaluan sekiranya saya merayu kepada jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan supaya memberikan pertimbangan yang sewajarnya di dalam pemberian lesen-lesen dan permit-permit seperti AP permit untuk mengimport kereta terpakai pengedaran kereta EON, permit untuk menjalankan stesen petrol, penangkapan ikan laut dalam, teksi, lori, tanah untuk bina kilang dan tanah untuk pertanian, tanah untuk rancangan perumahan swasta dan lain-lain lesen dan permit yang dikeluarkan oleh kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sektor pembinaan dan pembangunan merupakan satu sektor yang penting di dalam pembangunan dan pemodenan negara kita. Sehubungan dengan itu, saya dengan rendah diri memohon kepada pihak-pihak berkenaan dari Kerajaan Pusat,

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan supaya memperuntukkan 10% projek awam kepada kaum India. Kita mendapati ada ramai pengusaha-pengusaha dari kalangan kaum India sudah memiliki kelayakan dan pengalaman yang secukup untuk mengendalikan projek-projek awam dengan jayanya.

Ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional merupakan di antara sumber terakhir kaum keturunan India. Sebagai balasannya, pengundi-pengundi kaum India menjadi penyokong setia dahulu, kini dan selama-lamanya. Rakyat keturunan kaum India di negara ini tahu Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menghampakan harapan kami.

Malaysian Indian Congress melalui Kolej TAFE Seremban dan Kolej TAFE Kuala Lumpur telah melahirkan ramai graduan-graduan yang terlatih. Untuk rekod, tahun lepas sahaja Kolej TAFE Seremban mempunyai 3,000 orang pelajar berdaftar dan sehingga akhir tahun lepas, telah melahirkan 17,000 pelajar lepasan Diploma, 300 orang pemegang Ijazah Sarjana Muda melalui program berkembar dan 50 orang pemegang Ijazah Sarjana. Di antara program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Antarabangsa, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Ijazah Sarjana Muda Sistem Informasi, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Rekaan Mekanikal dan Teknologi, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Rekaan Sistem Elektronik, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pengurusan, Ijazah Sarjana Muda Multimedia, Ijazah Sarjana Komputer dan Ijazah Sarjana Perdagangan.

Memandangkan usaha yang telah dan sedang dijalankan ini, jauh tidak mencukupi untuk mengubah sosioekonomi kaum India. Bagi merealisasikan cita-cita MIC, MIC juga dalam proses membina sebuah universiti yang akan digelar Asian Institute of Medicine, Science and Technology, dengan izin, di Sungai Petani, Kedah. Penubuhan universiti ini merupakan sumbangan pendidikan MIC yang terbesar demi kepentingan rakyat dan negara. Ini akan menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Universiti ini bukanlah hanya untuk keturunan India tetapi kepada semua kaum di negara ini. Kelas matrikulasi dijadualkan bermula pada hujung bulan Mei 2001. Manakala kursus perubatan kejuruteraan, teknologi maklumat dan sains asas dijangka bermula pada September 2001. Kos keseluruhan projek ini dianggarkan berjumlah RM350 juta. Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan

jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kedah di atas kelulusan, kerjasama dan sokongannya.

Oleh sebab kos pembinaan universiti adalah tinggi, saya memohon supaya kerajaan menyumbang satu sumbangan kewangan yang besar kepada kos pembinaan universiti. Setelah menilai segala pilihan yang ada, maka saya mencadangkan bahawa belia-belie kaum India diberi peluang mengikuti latihan perniagaan dan perdagangan (venture capital) dan lain-lain jenis latihan asas oleh MARA. Pengalaman dan infrastruktur yang dimiliki oleh MARA adalah difikirkan paling sesuai untuk mengendalikan latihan kepada belia-belie keturunan kaum India.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejarah manusia telah membuktikan bahawa pendidikan merupakan alat utama di dalam pembangunan, seterusnya mewujudkan masyarakat madani. Dalam pada itu, jurusan pendidikan yang secocok dengan peredaran masa amat memerlukan untuk mengatasi kelemahan dan mencapai kedudukan yang disanjung tinggi. Menyedari hakikat ini, Malaysian Indian Congress di bawah kepimpinan dinamik, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu telah mengambil inisiatif untuk mengubah nasib masyarakat kaum India, khususnya generasi muda kita melalui membeli dan membina maktab dan universiti seperti yang saya nyatakan sebelum ini tahu tadi.

Ramai di antara mahasiswa di universiti dari keturunan kaum India tidak mendapat peluang yang setimpal dengan kelulusan mereka khususnya di dalam jurusan yang dianggap lebih mencabar dan profesional seperti kedoktoran, engineering informasi teknologi, sains komputer, accounting, economic dan lain-lain lagi. Ramai di antara pelajar-pelajar kaum India mengadu bahawa mereka ditawarkan *missmatched courses*, dengan izin. Saya juga tidak puas hati dengan bilangan pengambilan mahasiswa berbanding dengan saiz pengambilan secara keseluruhan untuk IPTA tempatan tahun ini. Saya menyokong penuh hasrat kerajaan bahawa perlu adanya kuota 55% dan 45% di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera dari segi pengambilan pelajar-pelajar ke universiti tempatan.

Namun, mengikut satu kajian yang dijalankan secara pengiraan kepala di universiti tempatan pengambilan tahun lepas dan tahun-tahun sebelum tidak menggambarkan pengambilan yang munasabah dari segi jumlah pengambilan dan juga mengikut jurusan. Di samping itu, pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang tidak diberi jurusan yang mereka minati dan lebih serius di mana pelajar-pelajar cemerlang tidak diberi peluang dan pelajar-pelajar yang kurang

cemerlang secara perbandingan ditawarkan tempat belajar di IPTA. Sekiranya masalah ini tidak ditangani atau diselesaikan dengan segera maka suatu *brain-drain*, dengan izin, pasti akan berlaku.

Malaysia sebagai negara membangun perlukan minda-minda yang cerdas seperti ini untuk membangunkan negara kita. Adalah menjadi harapan besar masyarakat kaum India sekiranya Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan yang lebih wajar di dalam menggubal sesuatu dasar baru yang lebih sistematik dan sesuai dengan peredaran masa ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, SMI merupakan enjin pembangunan yang penting di dalam negara membangun seperti Malaysia. Di samping mewujudkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, sumbangannya dari segi peluang pekerjaan tidak kurang pentingnya. Dalam pada itu, SMI juga boleh digunakan sebagai suatu alat penting untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengenalan kaum melalui fungsi pekerjaan. Memandangkan SMI mempunyai potensi untuk terus berkembang, maka saya minta kerajaan turut memberi peluang yang setimpal kepada kaum India di dalam bidang ini. Kaum India memerlukan bantuan modal dan latihan serta bimbingan dan pertolongan dari pihak kerajaan untuk terus bersaing di dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian terhadap Jadual 3.4 dan Jadual 3.5. Pendapatan minimum bulanan isi rumah mengikut etnik 1995 dan 1999. Dari Jadual 3.4 pendapatan kaum India dipetik sebagai RM2,140 untuk tahun 1995 dan RM2,702 bagi tahun 1999. Purata peningkatan sebanyak 6% dari Jadual 3.4 dipetik sebagai pada tahun 1995. Top 20% RM5,100 middle 40% RM1,954 dan RM868 untuk bottom 40. Manakala pada tahun 1999 telah meningkat top 20 ke RM6,456 middle 40, RM2,460 dan bottom 40% sebanyak RM1,091. Saya sedar dan menerima hakikat bahawa pendapatan isi rumah kaum India sedang meningkat lanjutan dari pelbagai usaha program seminar, simposium, kolokium, kursus motivasi dan bina semangat, bantuan kewangan yang telah dilancarkan di atas daya usaha Malaysian Indian Congress.

Program-program tertentu daripada Kerajaan Barisan Nasional dan inisiatif isi rumah dan juga bantuan kerjasama dan tunjuk ajar dari pelbagai pihak yang lain. Namun ramai di antara perwakilan-perwakilan Konvensyen MIC Negeri Selangor mahukan kepastian dengan perangkaan yang dikeluarkan, di samping mempertahankan keutuhan dan kewibawaan Jabatan Perangkaan dan lain-lain

agensi yang terlibat. Saya dengan rendah diri meminta penjelasan tambahan daripada pihak-pihak yang terlibat supaya menerangkan methodology penyelidikan yang telah digunakan untuk memperolehi perangkaan tersebut khususnya saiz populasi yang digunakan, pihak yang menjalankan penyelidikan, cara mengumpul maklumat dan maklumat-maklumat yang berkaitan supaya dapat meyakinkan pihak-pihak yang kurang puas hati dengan perangkaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memandang berat tentang peningkatan kadar jenayah, keganasan dan keruntuhan sosial di kalangan India. Daripada apa yang kita baca daripada surat khabar dan dengar daripada guru-guru sekolah mengenai keruntuhan akhlak dan masalah moral adalah amat menyedihkan. Masalah ini nampaknya bermaharajalela di kalangan para pelajar bukan bumiputera amnya pelajar-pelajar India khususnya.

Untuk membanteras gejala ini, saya mencadangkan bahawa mata pelajaran moral digantikan dengan mata pelajaran agama, mata pelajaran People's Own Religion, dengan izin, di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Mata pelajaran ini perlu diwajibkan kepada semua dan dimuatkan di dalam jadual waktu sekolah. Dengan ini masalah tersebut dapat dikawal dan dikurangkan, seterusnya melahirkan masyarakat intelektual yang berasaskan pengetahuan.

Tambahan pula pandangan ini adalah selari dengan prinsip Rukun Negara menitik beratkan kepercayaan kepada Tuhan. Selain dari itu mempelajari agama masing-masing merupakan suatu hak individu di bawah Perlembagaan negara. Sekiranya pendidikan agama boleh mempengaruhi dan membawa kebaikan sejagat, maka tidak ada sebab kenapa ianya diketepikan.

Dengan restu Tuhan serta sokongan Kerajaan Barisan Nasional, kita pasti bahawa kesemua penduduk majmuk negara ini iaitu bumiputera dan bukan bumiputera juga akan berfaedah melalui OPP3 iaitu satu visi sepuluh tahun yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi tempoh 2001 hingga 2010. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Tuan Haji Abdul Malek bin Hj. Abdul Ghani.

5.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan

mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 hingga 2010. Saya akan mengambil masa yang pendek sahaja, saya ingin untuk menyentuh dua isu iaitu kemiskinan dan juga budaya kerja sukarela.

Merujuk kepada perenggan 18, Dasar Pembangunan Negara masih memberi tumpuan utama kepada isu ketermiskinan. Walaupun negara kita pada keseluruhannya mencapai taraf hidup rakyat yang boleh dianggap sebagai membanggakan, tetapi pada hakikatnya masih ada kumpulan rakyat yang boleh dikategorikan sebagai kumpulan miskin mutlak dan golongan ini taraf hidup mereka di bawah paras kemiskinan atau boleh kita sebut sebagai papa-kedana.

Masih kedapatan di sudut-sudut kampung di kawasan-kawasan pedalaman masih ada rakyat yang tinggal seorang diri yang hidupnya bergantung kepada jirannya yang juga miskin. Lebih malang lagi saya dapati ada di antara mereka yang tidak berwaris langsung. Saya akui bahawa ada di antara mereka mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi bantuan tersebut tidak mencukupi dan amat terhad sekali.

Jalan penyelesaiannya saya rasa ada baiknya jika pihak kerajaan dalam kerangka rancangan ini membina perkampungan-perkampungan khas untuk mereka ini. Mereka dikumpulkan dan ditempatkan pada satu kawasan perumahan yang agak selesa. Bagi permulaannya sebagai projek perintis setiap negeri sekurang-kurangnya saya syorkan supaya membina sebuah perkampungan yang mana disediakan kemudahan-kemudahan asas yang cukup, sekali gus mereka yang masih bertenaga dilatih dengan berbagai-bagai kegiatan yang boleh menampung perbelanjaan hidup mereka seharian dan juga kegiatan-kegiatan untuk mereka isikan masa lapang mereka yang begitu panjang.

Satu aspek lagi yang perlu difikirkan, kebanyakan daripada golongan miskin mutlak ini adalah terdiri daripada warga tua. Selain daripada makan minum, kemudahan-kemudahan kesihatan juga amat perlu supaya mereka tidak perlu turun ke bandar untuk mendapat rawatan sama ada rawatan bulanan atau mingguan. Atas dasar kemanusiaan biarlah mereka dapat menghabiskan masa tua mereka dengan keadaan hidup yang agak selesa dan menghembuskan nafas mereka yang akhir dalam keadaan tenang dan tenteram. Dalam keadaan yang sama, saya rasa bagi penduduk Islam biarlah mereka sama-sama mendapat peluang untuk beribadat dengan sempurna supaya untuk menjadi bekal mereka yang hakiki di kemudian kelak.

Sehubungan dengan ini juga, saya memohon agar pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat memberi perangkaan secara terperinci mengenai jumlah rakyat miskin mutlak ini mengikut negeri dan juga mengikut keturunan sama ada Melayu, Cina, India, Dayak, Kadazan dan lain-lain. Saya yakin hasrat yang saya utarakan ini boleh dijayakan sekiranya di samping tindakan kerajaan yang khusus, khususnya agensi-agensi....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh terang sedikit kemiskinan mutlak. Tadi kita tak berapa....

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Kemiskinan mutlak ini saya rasa apa yang saya dapati ada di antara rakyat kita yang miskin yang tinggal seorang diri di gubuk yang buruk di kampung-kampung. Mereka tidak ada apa-apa pendapatan. Saya sendiri mengambil bahagian melalui Majlis Kebajikan Masyarakat bahawa dalam majlis itu kami ada sukarelawan-sukarelawan dan tiap-tiap seorang sukarelawan itu melawat lima orang yang kita anggap sebagai miskin mutlak. Dia duduk seorang diri....

Timbalan Yang di-Pertua: Bezanya dengan PPRT adakah lain sedikit?

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Lain. Mereka ini bersendirian, duduk seorang diri dengan tidak ada bergantung kepada sesiapa, melainkan belas kasihan orang sahaja. Itu masih wujud di mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Saya harap bahawa dengan usaha kerajaan khususnya dan agensi-agensi yang berkaitan dengan usaha membasmi kemiskinan ini seperti badan-badan sukarela yang ada di negara kita dan juga saya rasa firma-firma yang besar dapat menyumbang tenaga dan kewangan bersama bagi merealisasikan supaya kemiskinan mutlak yang saya maksudkan itu akan menjadi sifar pada tahun 2005 ataupun sekurang-kurangnya pada tahun 2010.

Saya mengesyorkan juga supaya agensi khas kerajaan yang ada sekarang iaitu JKKK yang ditubuhkan di seluruh negara mengambil tanggungjawab yang khusus dalam menangani masalah-masalah mereka yang terpinggir ini. Pengerusi dan ahli jawatankuasa JKKK hendaklah pada hemat saya diberi pendedahan khusus agar mereka benar-benar insaf dan bertanggungjawab bahawa membasmi kemiskinan mutlak ini merupakan satu khidmat wajib, dan dengan tindakan yang benar-benar ikhlas. Dalam masa yang tidak begitu lama, saya rasa kita beri peluang

Menteri Pembangunan Luar Bandar dapat mengisytiharkan kepada umum bahawa negara kita bebas dari kemiskinan mutlak ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga masalah warga tua juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak begitu bersetuju yang dapat saya faham bahawa warga tua yang masih ada anak atau keluarga menghantar ibu bapa mereka ke rumah-rumah kebajikan seperti Rumah Sri Kenangan atau rumah-rumah Sejahtera yang ada di negara kita. Mereka yang dimaksudkan itu haruslah tinggal bersama-sama anak-anak mereka atau keluarga mereka untuk mendapat kasih sayang yang berterusan. Apa yang saya dapati ada penghuni-penghuni Rumah Sri Kenangan dan Rumah Sejahtera masih mempunyai anak dan keluarga mereka. Penghuni-penghuni yang saya maksudkan itu ialah penghuni-penghuni yang ada di Rumah Sejahtera sekarang. Disebabkan anak-anak mereka tinggal berjauhan di bandar-bandar, mereka menempatkan orang tua mereka di rumah-rumah yang saya sebutkan itu. Dan ada di antara mereka pula yang saya maksudkan itu tinggal sendiri di rumah-rumah usang di kampung-kampung.

Sepanjang pengetahuan saya ada anak-anak yang bergaji besar tinggal di bandar-bandar besar, menjalankan tugas di bandar-bandar besar melupakan ibu bapa mereka. Kalau mereka kirim wang pun hanya sekadar sahaja dan ibu bapa mereka yang telah tua itu saya dapati terpaksa bertungkus lumus bekerja juga untuk mendapat nafkah hidup seharian mereka. Oleh kerana semangat tolong-menolong dan bantu-membantu masih wujud di kampung-kampung, maka orang tua-tua ini dapat juga sedikit-sebanyak perlindungan daripada jiran-jiran mereka.

Pada hemat saya, jalan keluar mengenai masalah yang saya utarakan ini saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya menggubal undang-undang supaya anak-anak bertanggungjawab memelihara, melindungi dan mengadakan peruntukan untuk ibu bapa mereka. Juga saya rasa undang-undang patut digubal untuk mendenda anak-anak yang tidak bertanggungjawab kepada ibu bapa mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri saya rasa harus digesa supaya memantau perkara ini dan mengambil tindakan undang-undang kalau sekiranya anak-anak yang agak senang hidupnya tidak memberi apa-apa perhatian kepada ibu bapa mereka di kampung-kampung. Saya mendapat faham bahawa negara Singapura, negara jiran kita ada

peruntukan undang-undang mendenda mereka yang mengabaikan tanggungjawab kepada ibu bapa mereka.

Jadi, saya rasa ini boleh kita ambil iktibar dan boleh kita mengambil contoh bahawa untuk mengatasi hal ini saya rasa kita tidak dapat lari daripada mengadakan peruntukan undang-undang supaya keadilan dapat diwujudkan. Walaupun kita bersama-sama mendengar laungan tentang penerapan nilai-nilai murni dan budaya ikram bagi masyarakat kita tetapi disebabkan kesibukan warga moden sekarang, saya rasa dalam mengejarkan kemewahan hidup, mereka yang tidak bernasib baik dan terpinggir hidupnya tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Kesimpulan cakap saya, walaupun pihak kerajaan memperakui bahawa kadar kemiskinan jauh berkurangan tetapi apa yang saya dapati di dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri bahawa kadar kemiskinan di kalangan bumiputera masih kekal tinggi berbanding dengan etnik-etnik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memikirkan untuk merangka Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 ini, saya tertarik hati dengan satu hujah seorang profesor sebuah universiti tempatan yang mengatakan bahawa target untuk menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020 akan benar-benar tercapai sekiranya kita berjaya menerapkan semangat sukarela dan semua rakyat mengambil bahagian dalam pelbagai bidang untuk negara.

Semangat sukarela yang saya maksudkan itu ialah kerja-kerja di luar tugas rasmi masing-masing, tugas-tugas tidak rasmi yang saya maksudkan itu ialah merangkumi khidmat sosial, khidmat kepakaran dalam semua bidang, kerja-kerja amal menerusi pelbagai pertubuhan sukarela, cendekiawan-cendekiawan, ahli-ahli profesional turun padang menemui rakyat dan menyuntik semangat dan idea-idea baru untuk rakyat atau orang-orang tertentu turut bersama mengambil bahagian dalam kerja-kerja yang diperlukan oleh negara.

Dengan kata-kata lain, semua rakyat dari semua darjat menyumbang sesuatu untuk negara mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing. Kerajaan merencanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Sepuluh Tahun Ketiga sebagai langkah berterusan hingga ke Rangka Rancangan Jangka Panjang Keempat pada tahun 2020, di mana matlamat negara kita untuk menjadi negara maju.

Pada hemat saya, walaupun kerajaan kita mempunyai kewangan yang mantap, yang stabil tetapi peruntukan yang dapat disediakan saya rasa masih terhad

dan jumlah kakitangan kerajaan yang sedia ada juga terhad. Lebih-lebih masa berkhidmat juga ada hadnya tetapi apa yang kita harus lakukan untuk mencapai matlamat negara maju saya rasa tidak ada hadnya.

Jadi, sekiranya dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dapat kita terapkan dalam pemikiran semua rakyat bahawa mereka harus turut menyumbang secara sukarela dan tidak mengharapkan apa-apa imbuhan di atas khidmat yang mereka beri, maka kemajuan yang kita idam-idam itu dan kemajuan yang seimbang akan dapat kita capai dengan mudah.

Dalam tempoh tersebut bilangan pesara saya rasa, bilangan pesara kerajaan, swasta atau orang ramai yang telah lanjut umur, yang masih kuat bertambah berlipat-lipat ganda. Mereka ini mempunyai kebolehan, kepakaran, berpengalaman dalam pelbagai bidang yang negara boleh mendapat sedikit sebanyak lagi sumbangan daripada mereka.

Saya rasa dengan kesemua mereka ini rela untuk berkhidmat secara sukarela, maka saya rasa apa juga rancangan yang boleh menokok tambah untuk memajukan negara saya rasa kita boleh capai dengan mudah. Saya rasa satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengkaji sehalus-halusnya langkah-langkah yang perlu diambil bagi membuka minda setiap rakyat khususnya mereka yang berkebolehan supaya tampil memberi khidmat secara sukarela dalam merealisasikan hajat kita untuk menjadikan negara kita negara maju pada tahun 2020.

Sehubungan dengan itu juga, saya rasa adalah wajar bagi semua peringkat pendidikan sekolah rendah, menengah, IPTA atau IPTS dan semua institusi pendidikan diberi pendedahan supaya kanak-kanak dan pelajar-pelajar yang berada di hadapan mereka harus disuntik dengan semangat sukarela supaya apabila mereka berada di tengah-tengah masyarakat kelak, secara terus mereka tidak teragak-agak untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Pihak Kementerian Pendidikan perlu menyemak semula kurikulum sama ada perlu dibaiki atau ditambah bagi memastikan anak-anak didik mereka disemai dengan semangat kesukarelawanan. Saya yakin jika penerapan budaya sukarelawan dapat direalisasikan kepada seluruh rakyat di samping usaha-usaha kerajaan yang boleh dianggap maha hebat, maka penglibatan seluruh rakyat dalam membina negara satu-satunya aspek yang dapat menentukan matlamat negara maju

bahkan kemungkinan kita dapat mendahului target yang telah kita tetapkan pada tahun 2020.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada hari Khamis yang lalu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Dijemput Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.22 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan habis tepat jam 5.30, terima kasih.

Di dalam teras RRJP3 itu ada disebutkan bahawa kita akan membina sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saksama dan kelmarin kita telah melihat di Sabah satu pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kaum Cina sudah boleh menjadi ahli UMNO.

Satu minggu yang lepas saya telah menyentuh tentang perkara ini dan nampaknya ia sudah menjadi satu kenyataan, sungguhpun terhad kepada Sabah sahaja tetapi perkembangan ini adalah satu perkembangan yang baik dan kelmarin telah mencatatkan satu sejarah dalam perkembangan politik di negara kita. Saya harap ini akan dilanjutkan ke Semenanjung.

Perkara kedua yang saya akan menyentuh ialah tentang satu lagi teras iaitu pelaburan dalam sumber manusia. Kita telah diberi angka-angka keperluan jurutera seramai 137,200 orang jurutera dalam jangka 10 tahun itu dan pembantu jurutera ialah seramai 331,700 orang.

Untuk mencapai matlamat ini, maka penglibatan sektor awam dalam membantu menyediakan kemahiran ini adalah sangat penting. Di dalam RRJP itu ada disangkakan bahawa peningkatan mereka ini iaitu penglibatan sektor awam akan menyediakan pendidikan di peringkat tertiar khasnya bagi menampung dan melengkapkan usaha kerajaan serta menjadi pemangkin bagi membangunkan sektor pendidikan dan latihan sebagai sebuah industri.

Untuk tujuan ini, maka kerjasama di antara kedua pihak ini adalah sangat mustahak iaitu di antara kerajaan dengan pihak swasta. Konsep persyarikatan Malaysia amat penting dalam hal ini tetapi kemajuan kebelakangan ini dalam sektor ini amat mendukacitakan.

Bagi pendapat saya, saya dapati pihak sektor awam ini masih dianggap sebagai anak tiri. Kalau kita lihat pelajar-pelajar dari IPTS masih tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti pelajar dari IPTA, ini adalah satu perkara yang harus diatasi, kalau kedua-dua sektor ini akan menyumbang kepada perkembangan sumber manusia di Malaysia, maka kedua-dua pihak ini semua pelajar dari IPTS dan IPTA patut berada aktiviti bersama.

Perwakilan sektor awam dalam beberapa jawatankuasa yang penting yang ditubuhkan oleh kerajaan juga tidak memuaskan. Di Majlis Pendidikan Tinggi, Nasional perwakilannya dari pihak sektor awam itu sangat memuaskan tetapi dari sektor swasta kurang memuaskan dan juga perundingan dengan pihak-pihak yang mewakili pihak swasta ini juga kurang diadakan. Pihak swasta ini ada dua pertubuhan yang mewakili mereka, satu dinamakan MAPCO, satu dinamakan NAPIEE, kedua-dua ini mewakili sektor swasta dalam menyediakan latihan dan juga pendidikan kepada penduduk kita. Tetapi perundingan dengan kedua-dua sektor ini oleh pihak kerajaan tidak memuaskan sehingga banyak perkara yang patut dapat diselesaikan itu dipanjang-panjangkan sehingga menjadi satu halangan dan satu masalah yang besar kepada sektor ini.

Memandangkan demikian, saya ada beberapa cadangan, satu ialah supaya semua dasar kerajaan tentang bagaimana sektor swasta ini boleh membantu kerajaan dalam menghasilkan tenaga pekerja yang diperlukan itu harus jelas, terang dan telus.

Juga peraturan-peraturan yang tertentu tentang penglibatan pihak swasta ini juga hendak diumumkan supaya semua pihak jelas apakah peraturan-peraturan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', masih banyak lagikah? Kalau tidak, saya boleh beri lima minit lagi untuk habiskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Satu minit sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi, satu lagi cadangan ialah proses rayuan yang jelas itu juga harus dilaksanakan dan akhir sekali kerajaan patut menubuhkan satu Majlis Perundingan Bersama supaya pihak swasta ini dapat satu saluran untuk menukar pendapat dengan kerajaan demi kebaikan penyediaan sumber manusia ini.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong RRJP3 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah memendekkan ucapannya sebentar tadi, kalau dilihat kertasnya mungkin setengah jam lagi.

Dan masa telah pun melebihi sedikit dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat Dewan ini ke hari esok, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

" Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)

" Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)

" Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

" Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

" Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

" Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

" Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

" Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)

" Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

" Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

" Dr. Charlie Chau -Lap Chang (Dilantik)

" Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- ” Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

“ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

“ Tuan M. Saravanan (Dilantik)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Tuan R. Sinniah (Dilantik)

“ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

“ Puan See Too Mee (Johor)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)

“ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid III

Bil. 8

Isnin

21 Mei 2001

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 -2010)

(Halaman 26)